



Jabatan Perpaduan Negara
dan Integrasi Nasional
(Jabatan Perdana Menteri)

JURNAL PERPADUAN

Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional
Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
Jabatan Perdana Menteri

2017

Diterbitkan oleh:

INSTITUT KAJIAN DAN LATIHAN INTEGRASI NASIONAL (IKLIN)

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional

(Jabatan Perdana Menteri)

Aras 7, Blok E2, Kompleks E,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,

62502 Putrajaya

Telefon : 03-8883 7000

Faks : 03-8883 7089

Hak cipta terpelihara oleh

INSTITUT KAJIAN DAN LATIHAN INTEGRASI NASIONAL

JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL

JURNAL PERPADUAN

Cetakan 2017

ISSN 1985-7055

Hak cipta terpelihara

Semua bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau sebarang cara, sama ada dengan cara elektronik, fotokopi, mekanikal, dan sebagainya sebelum mendapat izin bertulis daripada:

INSTITUT KAJIAN DAN LATIHAN INTEGRASI NASIONAL

JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL

JABATAN PERDANA MENTERI

**MENJANA TRANSFORMASI MINDA
DAN MEMBUDAYAKAN PERPADUAN**

KANDUNGAN

5 DIALOG MENGURUS IDENTITI DAN HUBUNGAN ETNIK DAN AGAMA DI MALAYSIA:

KAJIAN KES DI UNIVERSITI DAN KAWASAN RUKUN TETANGGA

Oleh: Mansor Mohd Noor (UKM), Khairol Anuar Kamri (UTHM), Sanjit Singh Gill (UPM) & Umimi Munirah Syuhada Mohd Zan (UKM)

31 INSIDEN PERGADUHAN SUNGAI PETANI 2012:

MENGURUS PEMBANGUNAN MEMBINA KESEPADUAN SOSIAL

Oleh: Mansor Mohd Noor (UKM), Nazri Muslim (UKM), Nur Suhaili Mansor (IJUM) & Hazman Hassan (UUM)

69 MEMANSUHKAN RUANG BANGSA DALAM BORANG RASMI KERAJAAN DAN SWASTA:

PERSEPSI MASYARAKAT SEMENANJUNG MALAYSIA

Oleh: Ismi Arif Ismail (UPM), Dzuhalimi Dahalan (UPM), Haslinda Abdullah (UPM), Turman Suandi (UPM), Steven Eric Krauss (UPM) & Nurul Akhtar Kamarudin (UPM)

93 PEMAHAMAN DAN PERSEPSI BELIA KUCHING, SARAWAK TERHADAP GAGASAN 1MALAYSIA

Oleh: Zulkhairi Zainal (UPM)

107 MAKNA RASA SELAMAT KOMUNITI MALAYSIA DALAM PROGRAM SKIM RONDAAN SUKARELA:

KAJIAN KES KRT TAMAN PUTERA JAYA, KOTA KINABALU, SABAH

Oleh: Norwahidah Zinalibdin (UKM), Novel Lyndon (UKM)

125 TYPOLOGY OF BUDDHIST ORGANIZATIONS IN MALAYSIA: LOCAL, NATIONAL, TRANSNATIONAL

Oleh: Sister Loh Pai Ling, President, Buddhist Missionary Society Malaysia (BMSM)

157 KEUPAYAAN WHATSAPP DALAM MEMENUHI KEPERLUAN SOSIAL KOMUNITI KEJIRANAN DI TAMAN WARISAN BESTARI, DENGKIL, SELANGOR

Oleh: Zarina Zakaria (UKM)

DIALOG MENGURUS IDENTITI DAN HUBUNGAN ETNIK DAN AGAMA DI MALAYSIA: KAJIAN KES DI UNIVERSITI DAN KAWASAN RUKUN TETANGGA

Mansor Mohd Noor (UKM)
Khairol Anuar Kamri (UTHM)
Sarjit Singh Gill (UPM)
Ummi Munirah Syuhada Mohd Zan (UKM)

Abstrak

Dialog mampu mengurus identiti dan hubungan etnik dan agama ke arah perkongsian nilai bersama. Kajian ini telah memperolehi manfaatkan pengalaman dari kajian dialog kedamaian sebelum ini yang telah dijalankan di Ethiopia, Afrika. Kajian di Ethiopia itu dijalankan dalam suasana konflik berpanjangan dalam masyarakat yang berperang mengikut perbezaan politik dan suku hingga pemerintahan negara itu menjadi lemah mengurus negaranya. Namun begitu, Malaysia bukan sebuah negara dalam hayat konflik berdarah yang panjang seperti rusuhan etnik 13 Mei. Malahan yang ada berlaku adalah pergaduhan kecil-kecilan di antara etnik seperti di Kampung Rawa, Kampung Medan, Lawas, Sungai Petani, Low Yatt dan terkini, Pekan Asam Jawa, Kuala Selangor. Pergaduhan ini tidak berpanjangan dan terbatas di kawasan kejadian itu sahaja. Api perkauman antara rakyat pelbagai etnik di Malaysia dipanaskan kembali semenjak demokrasi dan pilihan raya menjadi lebih terbuka, terutamanya dalam PRU13, dan didokong oleh media sosial yang bergerak pantas, dalam sekilip saat dan tanpa batas menyalurkan maklumat terkini hingga ke seluruh dunia. Walaupun begitu, Kajian Indeks Ikatan Sosial menunjukkan batas etnik semakin menebal dalam komuniti Cina, India, Melayu, Bumiputera Sarawak dan Sabah semenjak tahun 2013-2014. Malahan Dialog Perpaduan yang telah dijalankan di seluruh negara oleh Majlis Konsultasi Perpaduan Negara bersama JPNIN dan KITA menunjukkan rakyat menerima kepelbagaiannya tetapi tidak senang dengan mempolitikkan etnik dan agama hingga melahirkan rasa risiko perasaan etnik dan agama dalam hati rakyat di Malaysia. Malaysia boleh belajar dari pengurusan kedamaian di Ethiopia melalui dialog kedamaian untuk merapatkan kefahaman, mengurus perbezaan pendapat dan membina persetujuan bersama dalam masyarakat pelbagai etnik di negara ini.

Pendahuluan

Dialog mampu mengurus identiti dan hubungan etnik dan agama ke arah perkongsian nilai bersama. Kajian ini telah memperolehi manfaat pengalaman dari kajian dialog kedamaian sebelum ini yang telah dijalankan di Ethiopia, Afrika. Kajian di Ethiopia itu dijalankan dalam suasana konflik berpanjangan dalam masyarakat yang berperang mengikut perbezaan politik dan suku hingga pemerintahan negara itu menjadi lemah mengurus negaranya. Namun begitu, Malaysia bukan sebuah negara dalam hayat konflik berdarah yang panjang seperti rusuhan etnik 13 Mei.

Pengalaman dialog di Malaysia

Pengalaman Malaysia dalam membina dan menjalankan dialog dalam kalangan masyarakat pelbagai etnik bermula dengan pembentukan Jawatankuasa Perhubungan Komuniti di antara kepimpinan Melayu, Cina dan India oleh British pada tahun 1949(Kassim 2002, Fernando 2012). Pihak British sedar keperluan diwujudkan Jawatankuasa Perhubungan Komuniti ini selepas Raja-raja Melayu dan kepimpinan NGO Melayu yang telah diperjuangkan melalui UMNO telak menolak cadangan penubunan Malayan Union di tanah Melayu pada masa itu. Kepelbagaiannya negara idaman telah diutarakan oleh orang Melayu, Cina dan India dalam proses negara menuju hari kemerdekaan. Malahan rata-rata didapati semangat kebangsaan yang diperjuangkan oleh kepimpinan dan pertubuhan politik etnik masing-masing ini tidak berpaksikan pada Tanah Melayu sendiri. Bahkan nasionalisme yang dibawa lebih mengutamakan perjuangan kemerdekaan di negara ibunda Indonesia, China dan India mereka sendiri (Silcock dan Ungku Aziz 1953).

Oleh itu pihak British sedar bahawa rakyat jajahan mereka memiliki kefahaman tentang negara agak berbeza. Di mana orang Melayu bercita-cita membina negara Melayu, ada kumpulan Cina dari negeri-negeri Selat muhuk kekal sebagai rakyat British dan ada pula muhuk bahasa dan budaya Cina diterima secara rasmi dalam penubuhan negara baru nanti. Namun begitu, kebanyakannya dalam kalangan Cina dan India yang berada di Tanah Melayu sebelum merdeka itu masih terikat dan muhuk kembali meneruskan kehidupan mereka di negara asal mereka (Simandjuntak 1969).

Jawatankuasa Perhubungan Komuniti telah ditubuh dan dianggotai oleh kepimpinan pelbagai etnik di mana agenda mesyuarat jawatankuasa ini lebih tertumpu kepada menyelesai kepentingan kumpulan etnik masing-masing seperti kebajikan kerakyatan, bahasa rasmi, pendidikan, budaya, agama dan sebagainya dalam sesebuah negara yang sedang berada di ambang hari kemerdekaan. Setiap daripada mereka ini mahu kepentingan etnik mereka ini diperakui bersama semasa penggubalan Perlembagaan negara nanti dibincangkan (Ratnam 1965, Sanger 1995).

Namun begitu, amalan berdialog di antara kepimpinan etnik ini telah diperpanjangkan dalam kerja-kerja persatuan yang mereka anggotai seperti di mesyuarat kerajaan tempatan, persatuan politik, kelab rekreasi dan sebagainya(Nurshuhada 2015). Hasil pelbagai mesyuarat yang mereka hadir ini telah membina hubungan rentas sosial dan kumpulan etnik di antara mereka. Ini telah melahirkan perkongsian budaya kerja dan nilai hidup bersama. Keterikata budaya kerja dan nilai hidup bersama ini telah lahir muafakat politik di antara mereka dalam pilihan raya tempatan tahun 1952 hingga kemudiannya terbentuk Parti Perikatan di antara UMNO, MCA dan MIC (Ratnam 1965). Selepas rusuhan etnik 13 Mei, Parti Perikatan telah dikembangkan lagi dengan terbentuk Barisan Nasional yang terdiri dari 13 komponen parti politik lagi. Malahan Dasar Ekonomi Baru yang dijalankan pada tahun 1974 adalah hasil muafakat pelbagai lapisan etnik bersama dalam membasmi kemiskinan tanpa mengira etnik dan penyusunan semula masyarakat industri dan komersial bumiputera (Means 1976).

Dalam kehidupan harian rakyat pelbagai etnik dan agama ini didapati telah pergi jauh dari perkongsian politik dan ekonomi. Mereka sudah boleh berkongsi budaya pakaian, makanan dan termasuk juga berkongsi merai hari kebesaran budaya kumpulan mereka seperti kongsi raya.

Pasca Reformasi 1998

Pelaksanaan DEB telah mencetus pembangunan, mobiliti sosial, kelas menengah, teknologi, kosmopolitan dan penghijrahan dalam negara hingga perubahan sosial dan transformasi sosial dalam masyarakat pelbagai etnik dan agama telah berlaku. Perubahan sosial dan transformasi masyarakat telah melahirkan n sosial dalam masyarakat di mana batas etnik dan agama menjadi nipis hingga ikatan sosial dan hubungan rentas kumpulan berlaku hingga kesepaduan sosial berlaku. Identiti dan batas etnik dan agama ada tetapi ianya sudah menjadi sekunder sebagai motivasi asas ke atas tindakan mereka. Mereka diikat oleh norma hidup sejagat bersama hinggakan perbezaan etnik dan agama yang wujud di antara mereka tidak menjadi asas pemisahan kerana diikat oleh motivasi kepentingan material, status dan tuntutan sosial dalam kalangan mereka (Mansor 2012, Mansor dan Nor Idayu 2015). Hubungan mereka sudah melangkau hubungan bentuk pautan sosial ke keterikatan sosial sesama mereka dan terbina kesepaduan sosial di antara mereka.

Semenjak Pilihan Raya Umum 1995 pengundian berteraskan etnik mula menandakan kekenduran sebagai asas pengundian. Sebelum itu pengundian dianggap sebagai ‘bancian etnik’ di mana pola pengundian adalah atas dasar perkiraan etnik masing-masing (Horowitz 1983). Pergerakan Reformasi 1998 telah menanda aras sejarah perubahan budaya politik di negara ini di mana semangat rakyat telah dibangkitkan oleh NGO-NGO atas slogan ‘Urus Tadbir Baik, Akauntabiliti Dan Transparensi’.

Mereka keluar berdialog di pentas ceramah umum dan politik dan juga melalui media terutamanya media sosial, tanpa mengira etnik, agama dan ideologi politik, untuk mendorong perubahan tadbir urus oleh kerajaan Malaysia (Weiss 2003, 2005 dan 2014). Dialog dan ceramah politik yang diadakan di antara mereka telah melahirkan Parti Keadilan Rakyat dan muafakat politik di antara PKR, PAS dan DAP dalam PRU11 telah akhirnya membawa tertubuh Pakatan Rakyat selepas PRU 2008. Budaya politik baru ini telah menekan nilai kebebasan, hak asasi, keadilan, demokrasi dan isu yang ditimbulkan oleh mereka adalah isu tadbir urus seperti kos hidup, kenaikan harga barang, rasuah, jenayah, pilih kasih, tidak kesampaian hasil pembangunan dan kelemahan prestasi kerajaan

(Loh dan Saravanamuttu 2003). Dengan perkembangan media sosial seperti *youtube*, *blogs*, *fb*, *sms*, *twitter*, *whatsapp*, *chat* dan sebagainya ianya merencahkan lagi dialog dalam masyarakat dalam jangka masa pantas dan sebenar; ketika itu juga sesuatu kejadian yang berlaku itu dapat dicapai dari mana seluruh dunia dalam sekilip mata saja(Pepinsky 2013 dan Abbott 2004).

Pergerakan Reformasi bukan sahaja merencak dialog dan ceramah dalam kalangan parti politik, malahan NGO-NGO dari pelbagai latar belakang telah muncul di tengah masyarakat membawa isu hak asasi, keadilan, diskriminasi, demokrasi, anak Malaysia, wanita, orang tua, belia dan sebagainya seperti SUARAM, KOMAS, HIMPUN TURUN, BERSIH, HINDRAF, PERKASA, ISMA, Cheshire Home dan, di antaranya, Persatuan Pengguna Pulau Pinang (Weiss dan Saliha 2003, 2012). Mereka mengadakan pelbagai kegiatan bersama kumpulan sasaran mereka dan mengajak mereka untuk memikirkan tentang kepentingan kesejahteraan mereka, keluarga, kejiraninan, pendidikan, kepimpinan negara dan juga tentang semangat patriotisme kepada negara.

Akhir-akhir ini kerajaan sendiri telah mengadakan ‘townhall meeting’ dengan turun padang untuk mendengar suara-suara rakyat semasa menggubal Pelan Pembangunan Pendidikan Negara dan Pelan Perpaduan Nasional. Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional juga telah memperbanyakkan wacana dialog bersama rakyat dengan NGO, akademik dan sebagainya tentang Akta Harmoni, Gerakan Sabah Sarawak Keluar Malaysia dan Dialog Antara Agama.

Bentuk dialog dalam masyarakat

Terdapat tiga bentuk dialog yang dapat diperhatikan di Malaysia. Sebelum negara mencapai kemerdekaan, selaras dengan budaya pemerintahan feudal kesultanan, dialog dan perbincangan tertumpu di istana dengan Raja dan para bangsawan Melayu (Gullick 1958, Roff 1980).

Menjelang di pintu ambang kemerdekaan, British telah membentuk dialog berpaksikan elit pelbagai etnik untuk menjadi perantara dengan kumpulan etnik dan agama. Agenda kepentingan setiap kumpulan etnik dari suara-suara akar umbi didialog dan dibincangkan dengan setiap anggota mereka. Manakala elit mereka ini akan membawa usul dan masalah anak-anak buah mereka didialog dan dibincangkan bersama kepimpinan kepelbagai etnik di peringkat Jawatankuasa Perhubungan Komuniti itu. Budaya perbincangan dan perundingan ini diteruskan oleh kepimpinan kepelbagai etnik parti-parti politik di negara ini, bukan sahaja dalam kalangan parti pemerintah tetapi juga dalam kalangan parti pembangkang, hingga ke hari ini. Amalan budaya perbincangan dan perundingan ini telah melahirkan budaya politik perkongsian kuasa yang sentiasa mencari titik pertemuan politik sesama mereka yang membuat budaya tolak ansur dan persetujuan bersama. Budaya perbincangan dan perundingan yang telah membentuk perkongsian kuasa politik ini telah menstabilkan politik dan, akhirnya, menjamin kemajuan negara.

Alaf ke 21 membawa budaya dialog yang digerakkan dari sanggar bicara akar undi, terutamanya di bandar, dalam kalangan generasi Y, kelas menengah dan profesional tanpa mengira etnik dan agama. Kumpulan sosial ini bergerak dalam wadah NGO dan menjadi tenagaK tenaga membina masyarakat sivil di negara ini. Dengan perkembangan globalisasi dan dunia siber, terutama dengan penggunaan telefon pintar, dunia berdialog sudah berputar 24 jam sehari tanpa henti di hujung jari.

Dengan memperkembangkan pelbagai bentuk dialog yang sedang melanda di negara ini, keterikatan di antara kerajaan, ahli-ahli NGO dan rakyat bergerak seiringan bersama. Malahan mana-mana kerajaan di peringkat Berkuala Tempatan, Negeri dan Persekutuan atau parti-parti politik yang gagal mengurus tadbir urus rakyat pasti akan menjadi sasaran pendedahan kelemahan kepimpinan dan jentera kerajaan itu oleh pergerakan dari bawah dan akar umbi ini melalui pelbagai media massa terutamanya media sosial.

Perubahan pendekatan dialog, perbincangan dan perundangan

Setelah Malaysia mendapat kemerdekaan pada tahun 1957, negara berada dalam keadaan darurat dan perintah berkurons dijalankan di beberapa tempat di negara ini. Perundangan illiberal seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri, Akta Cetak, Akta Hasutan dan sebagainya telah menjadi perundangan negara untuk mengawal era zaman Perang Dingin oleh Tentera British terhadap pergerakan Parti Komunis Malaya. Darurat ini berakhir dengan apabila Parti Komunis Malaya telah meletak senjata pada tahun 1960 (Cheah 1983). Perundangan illiberal ini masih digunakan oleh pemerintahan autotarian Dr Mahathir dalam memastikan masyarakat pelbagai etnik hidup harmoni dan negara dapat dibangunkan dengan maju (Case 1993).

Semasa kepimpinan negara di bawah Dr Mahathir, agenda membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat perdagangan dan perindustrian Bumiputera telah dijadikan atas kepimpinannya. Namun, kejayaan pelaksanaan DEB ini telah melahirkan masyarakat yang rencam sosialnya hingga pemikiran dan budaya baru mula berkembang di bandar dalam kalangan kelas menengah, profesional dan generasi Y. Di akhir kepimpinan Dr Mahathir, desakan budaya politik baru telah membawa keruntuhan kepimpinannya setelah memegang jawatan Perdana Menteri selama 23 tahun.

Pintu pendemokrasian negara dibuka dengan kenaikan Abdullah Badawi sebagai Perdana Menteri. Di era Pak Lah, penambahbaik PDRM, SPRM dan Institut Integriti Nasional telah membuka jalan untuk meruntuhkan dinding perundangan autotarian yang selama ini diamal oleh Dr Mahathir. Apabila Najib menjawat jawatan Perdana Menteri pada tahun 2004, dinding autotarian semakin lumpuh dengan Akta Keselamatan Dalam Negeri dimansuhkan dan digantikan dengan Akta Kesalahan Keselamatan 2012 atau SOSMA. Malahan Akta Hasutan 1948 dicadang digantikan dengan Rang Undang-undang Harmoni tetapi tekanan dari masyarakat, terutamanya orang Melayu dan UMNO, akta ini dikekalkan (Chin dan Dosch 2015). Dalam dunia tanpa sempadan dan diikat oleh dunia siber, pengaruh budaya, nilai dan isu politik baru dalam masyarakat rencam sosial pada hari ini, didapati sangat berpengaruh ke atas persepsi masyarakat terhadap kepimpinan, parti politik pemerintah dan kerajaan di atas kegagalan mereka mengurus pentadbiran dan pembangunan negara dengan baik. Selagi penyelewengan kuasa dan rasuah menjadi pakaian

budaya kerja kepimpinan parti pemerintah dan jentera kerajaan yang sudah hilang kiblat moral pasti dialog rakyat bersama NGO, partis parti politik pembangkang dan juga parti-parti politik pemerintah akan terus memberi tekanan ke atas pucuk kepimpinan negara yang menerajui sesebuah negara itu untuk melakukan perubahan drastik atau diturunkan dari jawatannya.

Cabaran dialog dalam masyarakat pelbagai etnik

Berdasar perbincangan di atas terdapat dua keadah budaya dialog, perbincangan dan perundingan di Malaysia. Satu kaedah adalah dialog berdasarkan perbincangan dan perundingan dengan elit dan kedua adalah pendekatan kontestasi di antara pihak berkepentingan dengan pihak berkuasa.

Pendekatan dialog berdasarkan perbincangan dan perundingan sesama elit, terutama yang merentas etnik dan agama, diadakan dalam suasana formal dan informal, semasa mesyuarat rasmi atau makan tengah hari di kelab, seringkali membuat keputusan yang dipersetujui dan dikongsi bersama. Dalam pendekatan ini prosesnya bukan *a zero-sum-game* tetapi *a win-win situation*, tidak menang penuh tetapi kemenangan sesuai dengan pertimbangan berdasar sifat bertolak ansur. Budaya perbincangan dan perundingan ini dijalankan secara tertutup dan masyarakat dimaklum hanya keputusan hasil tolak ansur dan kesepakatan bersama elit yang dicapai itu. Pendedahan tentang isu-isu berbentuk pelampau dalam mempertahankan kepentingan kumpulan etnik dan agama masing-masing dan ketegangan yang berlaku dalam jawatankuasa itu berjalan secara tertutup dari khalayak ramai. Pendekatan ini telah mereda dan menenangkan pertelagahan yang sedang berlaku di tengah masyarakat pelbagai etnik dan agama di Malaya pada masa itu. Kumpulan sosial ini terdiri dari ahli-ahli politik yang mempunyai budaya mengurus negara bersama istana dan pentadbir negara. Budaya dialog ini diamalkan dan disenangi oleh kumpulan etnik Melayu.

Pendekatan kontestasi mengambil pendekatan pertembungan untuk mempertahankan pendapat dan hujah masing-masing hingga isu perbezaan di antara mereka itu dibesar-besarkan mengakibatkan hubungan di antara mereka menjadi renggang dan tegang. Pendekatan ini membawa perbahasan yang ingin diketengahkan itu melalui pertubuhan, media cetak dan elektronik dan seringkali tanpa mengambil kira sensitiviti pelbagai lapisan masyarakat demi membina

persepsi negatif terhadap pihak berkuasa dan pemerintahan negara. Pendekatan ini menggunakan platform ceramah umum, politik dan juga demonstrasi jalanan bagi mempengaruhi pandangan masyarakat untuk menolak dan menentang parti pemerintahan negara. Budaya kontestasi ini diamalkan oleh golongan profesional, kelas menengah dan generasi Y di bandar merentas batas kumpulan etnik dan agama mereka. Pendekatan ini digemari oleh parti-parti pembangkang dan NGO yang ingin membawa arus perubahan dalam masyarakat dengan segera.

Malaysia sedang dilanda dengan arus perubahan politik masa ini, kedua-dua pendekatan ini menjadi amalan kedua-dua belah pihak yang mahu mempertahankan kuasa pemerintahan dan yang ingin mempengaruhi persepsi rakyat supaya menukar dan menolak kerajaan sedia ada. Jika sebelum tahun 2000, ahli politik dan rakyat Malaysia lebih rasa selesa dengan pendekatan perbincangan dan perundingan dalam bilik tertutup tetapi akhir-akhir ini pendekatan ini dikatakan menguntungkan status quo untuk terus memegang kuasa sedia ada. Perubahan ini berlaku mungkin oleh kegagalan parti pembangkang untuk menguasai Putrajaya walaupun beberapa negeri sudah jatuh ke tangan mereka semenjak Pilihan Raya Umum 2008 dan isu tadbir urus negara dan parti pemerinatah masih dibelenggu dengan kelemahan dan rasuah.

Perbincangan di atas berkaitan budaya dan amalan dialog, perbincangan dan perundingan di antara rakyat pelbagai etnik di Malaysia menunjukkan ianya telah sebatи dengan kehidupan dan pemerintahan negara ini. Budaya dan amalan dialog di negara ini berjalan dalam suasana aman dan berlandaskan demokrasi berparlimen. Walaupun ada insiden pergaduhan dan rusuhan etnik, namun ianya terbatas, tidak menumpah darah yang banyak dan masyarakat didapati segera kembali aman, harmoni dan stabil. Oleh itu pengalaman dialog dalam mengurus konflik di *Ethiopia*, Afrika agak berbeza dengan budaya dan amalan dialog di Malaysia yang berada dalam suasana aman dan damai walaupun ada juga berlaku ketegangan sosial dalam masyarakat pelbagai etnik dan agama ini.

Kajian lepas

Kenapa ada kumpulan-kumpulan etnik dan agama boleh hidup bersama dalam sesebuah masyarakat dengan secara damai, manakala ada hubungan antara etnik dan agama ain pula diwarnai oleh ketegangan, permusuhan dan, berakhir, dengan keganasan. Ada penemuan penyelidikan yang menunjukkan kewujudan ruang memperolehi maklumat dan struktur dialog berkumpulan boleh membina kedamaian antara etnik dan agama berlaku. Maka kewujudan akses kepada saluran maklumat dan dialog adalah kunci asas dalam memahami kenapa hubungan antara etnik tidak terjadi keganasan berdarah. Namun begitu, tiada perkara asas khusus diperolehi dari dialog yang boleh menunjukkan sesuatu faktor itu utama bagi menjamin hasil kepercayaan di antara etnik dan agama terbina dan subur berlaku (Malhorta dan Liyanage 2005, Saunders 1999, Mitchell 2000, Svensson dan Brouneus 2013).

Kajian Varshney (2002) di India menunjukkan kewujudan struktur utama dalam masyarakat pelbagai etnik adalah keamatan jaringan maklumat dalam kehidupan sivik di antara mereka adalah penting kerana ianya boleh merapatkan komuniti yang berbeza itu untuk hidup bersama. Mansor (2012) juga menunjukkan suasana sosial yang diperhatikan oleh Varshney itu adalah sama dengan kajiannya di mana aktor-aktor pelbagai etnik dan agama yang sudah membina keterikatan sosial yang baik sesama mereka. Keterikatan sosial di antara mereka terserlah apabila ikatan dan hubungan sosial rentas kumpulan etnik dan agama sudah dapat dibina dia antara mereka. Varshney juga mendapati beberapa pelbagai komuniti etnik dan agama di India yang sudah terbina jaringan maklumat itu akan berkemampuan menangkis provokasi elit, usaha meradikalkan pengikut dan percubaan pengembelingan mereka untuk menyokong mereka terhadap kumpulan yang berbeza daripada kumpulan mereka sendiri. Komuniti-komuniti ini bercirikan ahli-ahli yang berbeza agama tetapi memiliki kepimpinan yang sudah terbina hubungan antara kumpulan atau antara jaringan kumpulan dalam masyarakat sivil. Hubungan kepimpinan berlatarbelakangkan agama ini telah mengadakan dialog antara etnik dan agama mereka dan mereka juga memiliki akses maklumat di peringkat tempatan. Dengan kemampuan kepimpinan antara agama ini melenyapkan khabar angin, mengatasi salah faham dan mengenal pasti individu penghebah berita buruk itu, satu organisasi pengurusan ketegangan dan keberadaan struktur sosial dalam masyarakat setempat boleh berperanan dan menjamin kedamaian di situ (Varsney 2002).

Fearon dan Laitan (1996) juga mempertahankan hujah bahawa masalah utama hubungan etnik dan agama adalah akses dan kesampaian kepada maklumat. Kerjasama dan kepercayaan di antara kumpulan memerlukan pengetahuan tentang sejarah dan tingkah laku kumpulan lain bagi mengenal pasti adakah mereka ini dulunya ditipu atau ditindas dalam sejarah lampau mereka. Dengan mengurus ketidakseimbangan dan kesampaian maklumat di antara kumpulan, pelbagai mekanisme di komuniti tempatan boleh berperanan sebagai pelopor kedamaian antara etnik dan agama. Kajian yang dijalankan oleh Varshney dan Fearon dan Laitin memiliki satu perbezaan di mereka dalam memberi penjelasan tentang asas kedamaian yang stabil. Varshney memberi penekanan kepada hubungan dan jarangan rentas etnik, terutama di bandar, yang disusun secara rasmi, dengan pembinaan masyarakat sivil sebagai asas penjelasan kewujudan kedamaian sivil. Manakala Fearon dan Laitin pula memberi tumpuan kepada keutamaan hubungan dalam intra-kumpulan itu sendiri.

Kajian empirikal dialog di Malaysia

Oleh kerana Malaysia adalah sebuah negara yang tidak berada dalam jangka hayat konflik dan keganasan berdarah berpanjangan, kajian mengurus konflik di antara etnik dan agama tidaklah begitu terbina di sini. Tetapi ini tidak menafikan Malaysia bebas dari insiden pergaduhan antara etnik dan agama seperti pergaduhan di Kampung Rawa di Pulau Pinang, Kampung Medan di Selangor, Lawas di Sarawak, Sungai Petani di Kedah dan terkini Low Yat di Kuala Lumpur. Mungkin rusuhan etnik berdarah seperti 13 Mei agak jarang-jarang berlaku dalam suasan hubungan etnik begitu baik buat masa ini.

Namun begitu, sudah ada beberapa kajian berkaitan mediasi dan kursus intervensi konflik dalam masyarakat telah dijalankan (Callister 1999, Hanna 2013, Khan, Hak dan Mohammad 2015). Malahan semenjak Wan Halim Othman (2009) membina sistem pemantauan hubungan etnik, Institut Kajian dan Integrasi Nasional di bawah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional telah membina Indeks Ketegangan Sosial untuk memantau salah faham dan pergaduhan yang melibatkan pelbagai kumpulan dalam masyarakat. Satu Unit Kajian Pendidikan Kedamaian di Universiti Sains Malaysia telah ditubuh untuk membuat kajian dan mengadakan bengkel bagi anggota masyarakat yang terlibat, terutamanya di Filipina, Thailand dan Indonesia. Tesis sarjana terkini dari unit ini telah memberi tumpuan kajiannya kepada mediasi dalam Kawasan Rukun Tetangga (Kamaruzaman 2000).

Masalah Kajian

Pengalaman hubungan etnik di *Ethopia, Afrika*, menunjukkan perbezaan etnik dan agama akan memisah, mengasing dan terputus hubungan di antara kumpulan mereka hingga hubungan saling percaya di antara mereka tidak terbina. Rakyat pelbagai etnik dan agama di Malaysia didapatkan juga mengutamakan identiti etnik dan agama tetapi adakah identiti kelompok ini akan membawa hubungan saling tidak kepercayaan di antara mereka.

Objektif Kajian

Tiga objektif kajian ini adalah:

1. Mengenal pasti pola identiti etnik, agama dan kepercayaan di antara-antara etnik
2. Menganalisis hubungan identiti etnik, agama dan kepercayaan dengan kecenderungan tingkah laku untuk bekerjasama dengan kumpulan etnik dan agama lain.
3. Memberi cadangan awal dalam membina dialog kedamaian dalam masyarakat pelbagai etnik

Metodologi

Kajian dijalankan dalam kalangan mahasiswa di universiti dan Kawasan Rukun Tetangga dengan jumlah responden sebanyak 666 orang. Universiti yang dipilih untuk kajian ini adalah Universiti Kebangsaan dan Universiti Putra Malaysia. Manakala Kawasan Rukun Tetangga di sekitar bandar Kajang dan Semenyih. Pemilihan kedua universiti dan Rukun Tetangga dikaji adalah kerana mereka telah didedahkan dengan kegiatan dialog di antara mereka dan kedua-dua institusi ini berada di daerah yang sama di Selangor. Maklumat asas mereka adalah seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1: Sampel Kajian Mengikut Etnik dan Agama

Item Responden	Mahasiswa Universiti	Penduduk KRT
Etnik:		
Melayu	72%	76%
Cina	15%	13%
India	6%	10%
Agama:		
Islam	77	73
Kristian	4	5
Buddha	14	6
Hindu	4	16
Sikh	1	-
Umur:		
18-25	99%	11%
26-40		47%
40 & Ke Atas		42%

Kepentingan dan Nilai Etnik dan Agama

Dapatan kajian budaya berbincang dan berunding dalam kalangan pelajar universiti dan masyarakat telah menunjukkan dimensi etnik dan agama sebagai identiti responden adalah sangat penting dengan peratusan sekitar 80% untuk etnik dan 90% untuk agama. Mereka juga didapati memiliki nilai-nilai yang jelas terhadap kedua-dua identiti ini.

Kepentingan nilai etnik dan juga agama dikongsi sama oleh mahasiswa di universiti dan KRT tentang 'lanya menterjemahkan siapa saya', 'lanya menterjemahkan asal usul dan dari mana saya datang' dan 'lanya menterjemahkan kebanggaan diri saya'.

Identiti etnik dimiliki mereka didapati tidak akan menentukan mereka hanya akan berkawan, bekerja dan berkahwin dengan individu dan kumpulan sesama etnik sendiri sahaja. Namun begitu, mereka juga bersepakat bahawa identiti agama mereka akan menentu nasib dan pasang hidup mereka.

Data menunjukkan ini, tanpa mengira etnik, menunjukkan kepentingan etnik dan agama ini adalah sebat dengan kehidupan mereka. Di sebalik perbezaan etnik dan agama, kesepakatan kepada kepentingan dan nilai konsep etnik dan agama dalam kehidupan rakyat pelbagai etnik di Malaysia adalah sangat terbina dan dikongsi sama.

Tahap Kepercayaan Terhadap Orang Lain

Kenyataan Tahap kepercayaan terhadap orang lain, Sikap adil orang lain terhadap anda, Berjaga-jaga terhadap orang lain, Kepercayaan kepada keluarga, Kepercayaan kepada jiran, Kepercayaan kepada orang berlainan agama, Kepercayaan kepada orang berlainan etnik, dan Kepercayaan kepada bukan warganegara telah diperakui dan dipersetujui dengan peratusan yang tinggi tanpa mengira perbezaan di antara kajian di universiti dan di KRT dan juga di antara kumpulan-kumpulan etnik dikaji (Jadual 2).

**Jadual 2: Tahap Kepercayaan Mengikut Etnik,
Universiti dan KRT**

	Melayu		Cina		India	
	Uni	KRT	Uni	KRT	Uni	KRT
Sangat Setuju (Setuju)						
Keluarga (Setuju)	90% (7%)	60% (30%)	95% (5%)	65% (30%)	90% (5%)	94% (0%)
Jiran (Setuju)	4% (53%)	5% (35%)	3% (65%)	0% (65%)	10% (55%)	0% (31%)
Org etnik lain (Setuju)	1% (37%)	0% (24%)	5% (66%)	0% (65%)	0% (70%)	0% (40%)
Org agama lain (Setuju)	1% (34%)	2% (23%)	5% (61%)	0% (55%)	0% (80%)	12% (19%)
Org lain (Setuju)	2% (5%)	1% (8%)	8% (18%)	4% (9%)	15% (5%)	6% (13%)
Berjaga2 org lain (Setuju)	97%	98%	86%	90%	80%	100%
Bukan warganegara (Setuju)	1% (12%)	2% (5%)	1% (36%)	0% (10%)	0% (15%)	19% (0%)

Namun begitu, apabila kenyataan dikaitkan individu seorang etnik dengan kumpulan etnik lain didapati tiga bentuk jawapan dapat diperhatikan. Dalam kenyataan Kumpulan etnik saya diperlakukan sama dengan kumpulan etnik lain, Kumpulan etnik lain suka bersangka buruk kepada kumpulan etnik saya, Penghormatan orang lain terhadap kumpulan etnik anda dan Kumpulan etnik saya didiskriminasi oleh kumpulan etnik lain dapatkan kajian menunjukkan tiada perbezaan wujud dengan jawapan dipersetujui dengan kenyataan ini mengikut golongan universiti dan KRT. Apabila dianalisis mengikut etnik Melayu dan Cina mereka bersetuju dengan pernyataan ini tetapi tidak berlaku dalam kalangan etnik India. Ini menunjukkan etnik India merasakan mereka sering dipinggirkan dalam masyarakat (Jadual 3).

Jadual 3: Etnik Lain Perkaui dan Mengiktiraf

Sangat Setuju (Setuju)	Melayu		Cina		India	
	Uni	KRT	Uni	KRT	Uni	KRT
Etnik lain memberi penghormatan kump etnik sendiri (Setuju)	34% (55%)	31% (58%)	40% (52%)	26% (57%)	28% (48%)	32% (68%)
Kump etnik sendiri diperlaku sama dgn etnik lain (Setuju)	22% (28%)	24% (25%)	24% (22%)	4% (48%)	14% (5%)	13% (25%)
Org lain adil terhadap diri (Setuju)	17% (59%)	24% (62%)	24% (43%)	22% (32%)	19% (33%)	19% (50%)
Etnik lain tidak buruk sangka etnik saya (Setuju)	24% (33%)	28% (24%)	32% (24%)	13% (35%)	43% (19%)	19% (19%)
Kump etnik saya tidak didiskrimasi etnik lain (Setuju)	38% (28%)	32% (34%)	33% (21%)	0% (39%)	24% (19%)	19% (19%)

Kump etnik saya diberi hak keistimewaan (Setuju)	60% (19%)	30% (25%)	4% (15%)	9% (9%)	5% (15%)	6% (31%)
Kump etnik pertahan negara harta nyawa (Setuju)	66% (16%)	75% (15%)	47% (29%)	67% (6%)	43% (38%)	57% (28%)

Dalam kenyataan Kumpulan etnik saya diberi hak istimewa berbanding kumpulan etnik lain tanpa mengira golongan universiti dan KRT serta mengikut etnik mereka merasakan tidak mendapat apa-apa walaupun etnik Cina dan, terutamanya, India yang paling merasakan mereka dipinggirkan dengan peratusan yang tinggi. Tetapi dalam kenyataan Kumpulan etnik saya akan mempertahankan negara dengan harta dan nyawa didapati kenyataan ini dipersetujui oleh kesemua kawasan dan etnik yang dikaji itu. Ini menunjukkan mereka sepakat akan mempertahankan negara ini dengan harta dan nyawa mereka (Jadual 3).

Pengalaman Dan Harapan Kepada Masyarakat Kepelbagaian Etnik

Pola jawapan diberi dengan pengalaman dan harapan mereka kepada masyarakat kepelbagaian etnik di negara ini adalah bersetuju lebih diperhatikan daripada tidak bersetuju.

Apabila diperincikan pola jawapan diberikan itu menunjukkan lebih mengutamakan pilihan neutral dan cenderung ke arah bersetuju dengan kenyataan berkaitan Positif, Keselesaan, Kemesraan, Kerjasama, Kesukarelaan dan Sama Status dalam bahagian gambaran dan reaksi dalam kalangan mereka, dan memberi jawapan neutral kepada kenyataan berkait dengan minat, Kepercayaan, Keyakinan, Ketenangan, Sensitif, Bangga dan Akomodatif semasa mereka berinteraksi di antara mereka.

Dalam ketiga-tiga bahagian ini, nisbah di antara neutral dengan persetujuan adalah sekitar 60 peratus : 30 peratus. Jawapan cenderung baik berlaku dalam kalangan pelajar India dan jawapan ke arah rendah negatif adalah Cina di KRT. Jawapan di KRT secara relatif lebih rendah peratusnya positifnya diberikan berbanding dengan jawapan para pelajar di universiti (Jadual4).

Jadual 4: Gambaran dan reaksi terhadap masyarakat pelbagai etnik

	Melayu		Cina		India	
	Uni	KRT	Uni	KRT	Uni	KRT
Setuju (Neutral)						
Positif (Neutral)	35% (61%)	29% (61%)	42% (56%)	10% (71%)	70% (25%)	25% (69%)
Keselesaan (Neutral)	29% (66%)	21% (72%)	38% (60%)	19% (52%)	67% (24%)	20% (73%)
Kemesraan (Neutral)	32% (64%)	22% (76%)	39% (58%)	13% (48%)	60% (25%)	31% (69%)
Berkerjasama (Neutral)	49% (38%)	22% (70%)	39% (60%)	0% (76%)	65% (30%)	25% (68%)
Sukarela (Neutral)	32% (63%)	31% (58%)	45% (52%)	13% (60%)	52% (42%)	25% (75%)
Status sama (Neutral)	24% (66%)	11% (75%)	37% (59%)	5% (43%)	32% (58%)	25% (50%)

Perasaan berinteraksi dalam masyarakat pelbagai etnik

Instrumen dibina untuk mengukur perasaan semasa mereka berinteraksi merentas kumpulan etnik dan agama dalam kehidupan bermasyarakat menunjukkan responden, tanpa mengira etnik dan kawasan kajian, telah memahami dan memiliki nilai-nilai Minat, Kepercayaan, Keyakinan, Ketenangan, Sensitif, Bangga dan Berakomondatif (Jadual 5).

Jadual 5 : Perasaan Berinteraksi Dengan Etnik Lain

	Melayu		Cina		India	
	Uni	KRT	Uni	KRT	Uni	KRT
Sangat Setuju (Setuju)						
Minat (Setuju)	39% (59%)	20% (68%)	34% (64%)	27% (47%)	55% (45%)	44% (56%)
Percaya (Setuju)	20% (76%)	16% (70%)	28% (71%)	4% (61%)	30% (70%)	25% (56%)
Yakin (Setuju)	30% (66%)	24% (62%)	36% (59%)	30% (40%)	48% (38%)	43% (43%)

Tenang (Setuju)	41% (56%)	29% (66%)	41% (53%)	15% (45%)	65% (25%)	37% (63%)
Sensitif (Setuju)	20% (70%)	24% (68%)	28% (60%)	45% (40%)	5% (79%)	50% (50%)
Bangga (Setuju)	29% (67%)	25% (66%)	30% (67%)	80% (0%)	30% (55%)	38% (56%)
Akomodatif (Setuju)	27% (70%)	17% (75%)	35% (64%)	4% (70%)	43% (57%)	24% (63%)

Perasaan Terhadap Etnik Lain Menimpa Cabaran Kehidupan

Responden dari etnik lain, tanpa mengira etnik dan kawasan kajian, menunjukkan mereka memiliki emosi empati yang sama apabila individu etnik lain Bermasalah dengan peduli, marah apabila Dilayan buruk dan bersympati dengan mereka yang Tidak berupaya. Mereka juga merasakan marah apabila Isu-isu etnik dan agama dipolitikkan. Malahan mereka merasakan Kepelbagai etnik dan agama adalah sumber kekayaan negara ini yang mesti diperakui bersama oleh mereka (Jadual 6).

Jadual 6 : Perasaan Terhadap Etnik Lain Menimpa Cabaran Kehidupan

	Melayu		Cina		India	
	Uni	KRT	Uni	KRT	Uni	KRT
Sangat Setuju (Setuju)						
Perasaan peduli masalah (Setuju)	63% (19%)	10% (12%)	52% (18%)	22% (9%)	52% (24%)	6% (25%)
Marah dilayanan buruk (Setuju)	60% (%)	50% (%)	56% (%)	65% (%)	66% (%)	40% (%)
Sympati golongan tidak berdaya perlu bantu (Setuju)	48% (25%)	52% (22%)	36% (34%)	57% (30%)	57% (33%)	44% (19%)
Mempolitik isu menimbulkan kemarahan (Setuju)	63% (21%)	10% (21%)	57% (20%)	0% (13%)	52% (23%)	6% (31%)

Layanan didiskriminasikan (Setuju)	60 22%	35 26%	27 45%	9 39%	9 42%	11 68%
Kepelbagai etnik kayakan negara (Setuju)	67% (27%)	57% (31%)	48% (38%)	50% (40%)	85% (10%)	62% (38%)
Kepelbagai agama kayakan negara (Setuju)	60% (32%)	55% (35%)	42% (50%)	45% (39%)	80% (10%)	44% (50%)

Perbincangan Kajian

Dialog Kedamaian di Malaysia di antara etnik dan agama telah menunjukkan budaya berbincang dan berunding dalam mengurus perbezaan dan meraikan titik persamaan adalah penting untuk membina norma, budaya hidup dan pilihan tindakan dikongsi sama dalam kalangan mereka.

Kajian menunjukkan pelajar universiti dan RT, tanpa mengira etnik, adalah sebatи dengan identiti etnik dan agama dalam diri mereka. Kedua-dua dimensi ini juga memberi makna dan penting kepada kehidupan mereka. Namun begitu, identiti etnik dan agama didapati sebatи dan penting kepada kehidupan mereka, perbezaan ini di antara mereka tidak menafikan kemampuan mereka untuk membina kepercayaan terhadap satu sama lain, memperakui dan mengiktiraf kewujudan etnik dan agama lain dan hidup keterikatan bersama sebagai bangsa Malaysia hingga sanggup mengorbankan harta dan nyawa mereka sendiri.

Kewujudan nilai-nilai yang dikongsi sama ini telah mengecilkan pengaruh golongan yang bermain dengan perkiraan etnik dan agama dalam kehidupan dan tindakan mereka apabila berhubungan dengan individu-individu dari kumpulan etnik dan agama lain.

Kajian juga menunjukkan dimensi etnik dan agama jika dipolitikkan boleh membakar semangat perkauman yang boleh mencabar kesepadan sosial yang sudah terbina dalam kalangan masyarakat pelbagai etnik dan agama di Malaysia.

Oleh itu kesedaran tahap kesepaduan sosial ini perlu sentiasa dijaga dari dimanipulasi identiti etnik dan agama mereka oleh individu yang masih bermain dengan dimensi-dimensi sempit ini.

Kesepaduan sosial dicapai ini perlu disuburkan dengan tadbir urus baik dan pembangunan terangkum dan adil hingga setiap golongan dan lapisan rakyat kepelbagaian etnik dan agama di Malaysia dijaga kebaikan dan kesejahteraan hidup mereka senantiasa. Kegagalan mengurus hal tadbir urus dan pembangunan dengan baik akan menyebabkan hubungan dan keharmonian etnik dan agama yang baik dicapai pada masa ini akan ‘menggeluncur ke bawah tangga’.

Cadangan Tindakan Mengurus Hubungan Etnik

1. Dialog budaya kehidupan berteraskan dimensi etnik dan agama dalam masyarakat kepelbagaian perlu dipermudahkan bagi menyebar maklumat dan perkongsian hidup bersama.
2. Dialog budaya kehidupan perlu di tingkatkan, terutamanya, di kawasan kediaman dan di tempat kerja yang sudah memiliki nilai hidup modenisasi dan kosmopolitan.
3. Hubungan etnik dan agama sering digambarkan sebagai rapuh. Dalam suasana ini, dialog berteraskan dimensi isu dalam masyarakat perlu diadakan demi perkongsian maklumat tentang pengagihan hasil pembangunan dan tadbir urus negara diharap akan membetulkan persepsi buruk terhadap pencapaian keharmonian, kesepaduan kestabilan, kemajuan dan kesejahteraan negara ini.
4. Tadbir urus negara Malaysia perlu lebih terangkum dan adil dengan diberikan keutamaan dalam mengurus kemiskinan warisan dan perangkap mobiliti sosial yang sedang berlaku dalam masyarakat luar bandar, komuniti India di luar bandar dan golongan miskin di bandar.

Kesimpulan

Akhir kata, tiga dapatan utama kajian ini menunjukkan dimensi etnik dan agama adalah teras dalam identiti rakyat di Malaysia. Kajian juga menunjukkan Generasi Y di universiti lebih memiliki rencam sosial dan dipengaruhi oleh budaya politik baru, nilai dan isu berbanding dengan masyarakat di KRT.

Butang panas hubungan etnik di Malaysia pada masa kini adalah kerana komuniti Cina masih merasakan pengagihan sumber material dan kedudukan sosial mereka masih diketepikan, komuniti India miskin merasakan mereka dipinggirkan dan penghormatan mereka tercalar dan orang Melayu di luar bandar juga mendapati peluang mobiliti sosial mereka semakin menyempit.

Namun begitu, rakyat pelbagai etnik dan agama didapati terbina ikatan mereka kepada negara hingga sanggup mengorbankan harta dan nyawa mereka. Dalam hal ini, pembangunan, tadbir urus negara dan mempergiatkan aktiviti dialog budaya kehidupan dalam kalangan rakyat perlu terus diberi galakan demi mestikan kesepaduan dan kemajuan dicapai sekarang akan mantap dan mampu.

Kajian menunjukkan pelajar universiti dan RT, tanpa mengira etnik, adalah sebatи dengan identiti etnik dan agama dalam diri mereka. Kedua-dua dimensi ini juga memberi makna dan penting kepada kehidupan mereka. Namun begitu, identiti etnik dan agama didapati sebatи dan penting kepada kehidupan mereka, perbezaan ini di antara mereka tidak menafikan kemampuan mereka untuk membina kepercayaan terhadap satu sama lain, memperakui dan mengiktiraf kewujudan etnik dan agama lain dan hidup keterikatan bersama sebagai bangsa Malaysia hingga sanggup mengorbankan harta dan nyawa mereka sendiri.

Namun begitu, ada dimensi ekonomi dan politik yang meminggirkan mereka yang perlu dengan urus dengan adil dan terangkum. Kegagalan mengurus hal tadbir urus dan pembangunan dengan baik akan menyebabkan hubungan etnik dan keharmonian etnik dan agama di kecapai akan ‘menggeluncur ke bawah tangga’.

Rujukan

Abbott, J. P. (2001). "Democracy@ internet. asia? The challenges to the emancipatory potential of the net: Lessons from China and Malaysia". *Third World Quarterly*, 22(1), 99-114.

Andaya, Barbara Watson & Leonard Y Andaya. (2001). *A History of Malaysia*. Honolulu: University Hawaii Press.

Banerjee, A. V. (2007). *Making Aid Work*. Cambridge, Mass., MIT Press.

Cheah Boon Kheng. (1983). *Red Star Over Malaya: Resistance and Social Conflict During and After The Japanese Occupation 1941-46*. Singapore: Singapore University Press.

Case, W. (1993). "Semi-Democracy in Malaysia: Withstanding the Pressures for Regime Change". *Pacific Affairs* 66(2): 183-205

Chin J. dan Dosch J (2015). *Malaysia Post-Mahathir: A Decade of Change?* Singapore: Marshall Cavendish

Duflo, E., R. Glennerster, et al. (2006). "Using Randomization In Development Economics Research: A Toolkit." NBER Technical Working Paper 333.
<http://www.nber.org/papers/t0333>.

Fearon, J. D., M. Humphreys, et al. (2009). "Can Development Aid Contribute to Social Cohesion after Civil War? Evidence from a Field Experiment in Post-conflict Liberia." *American Political Science Review* 99 (2): 287-291.

Fearon, J. D. and D. A. Laitin (1996). "Explaining Interethnic Cooperation." *American Political Science Review* 90 (4): 715-735.

Fernando, Joseph (2012). "Elite Intercommunal Bargaining and Conflict Resolution: The Role of the Communities Liaison Committee in Malaya". *Journal of Southeast Studies*, 280-301

Gullick, J.M. (1958). *Indigenous Political Systems of Western Malaya*. London: University of London

Hana Ambaras Khan (2013). "Community Mediation in Malaysia: A Comparison RT and Community Mediation in Singapore". Journal of Literature and Art Studies. 3(3): 180-195

Harper, T.N. (2001). The End of Empire and the Making of Malaya. Cambridge. Cambridge University Press

Horowitz, Donald. 1983. Ethnic Groups in Conflict: Theories, Patterns, Policies. Berkeley: University of California Press.

Humphreys, M. and J. M. Weinstein (2007). "Demobilization and Reintegration." Journal of Conflict Resolution 51 (4): 531-567.

Kamarulzaman Askandar (2000). 'Conflict and Conflict Management in Southeast Asia: Trends and Patterns. Kajian Malaysia 17(1 & 2): 1-29

Kassim Thukiman (2002). Malaysia: Perspektif Sejarah dan Politik. Johor: Penerbitan Universiti Teknologi Malaysia

Khan, Hak dan Mohammad (2015) "CommunityMediation inMalaysia: The Challenges Faced by Community Mediators and the DNUI". PERTANIKA Journal of Social Sciences and Humanities.23(S): 201-210

Loh Kok Wah, Francis & Johan Saravanamuttu (pnyt.). 2003. New Politics in Malaysia. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.

Malhorta, D. and S. Liyanage (2005). "Long-Term Effects of Peace Workshops in Protracted Conflicts." Journal of Conflict Resolution49(6): 908-924.

Mansor Mohd Noor (2012). Kerencaman Sosial dan Penipisan Batas Etnik: Kepelbagaian Etnik dan Perkongsian Hidup Bersama di Malaysia. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia

Mansor Mohd Noor dan Nor Idayu Mahat (2015). "The Relative Strength of Preferences for Association with Coethnics: MalayS Malaysians and Chinese-Malaysians". International Journal of Culture and History 1(2): 1-5

Means, G.P. 1976. *Malaysian Politics*. London: Hodder and Stoughton.

Milner, Anthony. (1994). *The Invention of Politics in Colonial Malaya*. Cambridge: Cambridge University Press.

Nurshuhada Mohamed (2015). *Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (JHAK): Sejarah Bermulanya Proses Perkongsian Kuasa*. Sri Kertas Kajian etnik UKMBil 36.

Mitchell, C. R. (2000). *Gestures of Conciliation: Factors to Successful Olive Branches*. New York: St Martin's

Mohd Fitri Abdul Rahman dan Mohd Foad Sakdan (2013). *Konflik Politik Perkauman: Strategi dan Penyelesaian Malaysia*. Kuala Lumpur: dewan Bahasa dan Pustaka

Pepinsky, T. B. (2013). "The New Media and Malaysian Politics in Historical Perspective". *Contemporary Southeast Asia: A Journal of International and Strategic Affairs*, 35(1), 83-103.

Ratnam, K.J. (1965). *Communalism and the Political Process in Malaysia*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.

Roff, William R. 1980. *The Origins of Malay Nationalism*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Salomon, G. (2004). "Does Peace Education Make Difference in the Context of an Intractable Conflict?" *Peace and Conflict: Journal of Peace Psychology*10(3): 257-274.

Sanger, C (1995). *Malcolm MacDonald: Bringing an End to an Empire*. Montreal: McGill-Queen's University Press

Sauders, H. H. (1999). *A Public Peace Process Sustained Dialogue to Transform Racial and Ethnic Conflict*. New York: St Martin's

Shamsul AB (2008). "Nation, Ethnicity and Contending Discourse in the Malaysian State". dalam *State Making in Asia*, Boyd R. dan Tak Wing Ngo (ed). London: Routledge

Silcock, T.H. & Ungku Abdul Aziz. (1953). Nationalism in Malaya. Dlm. W. I. Holland (pnyt.). Asia Nationalism and the West. New York: MacMillan.

Simanjuntak, B. (1969). Malayan Federalism 1945-1963. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Svensson, I dan Brouneue (2013). Dialogue and Interethnic Trust:A Randomised Field Trial of 'Sustained Dialogue'in Ethiopia'. Journal of Peace Research50(5): 563-575

Varsney, A. (2002). Ethnic Conflict and Civic Life: Hindus and Muslims in India. New Haven, Yale University Press.

Wan Halim Othman (2009)."Community Based Mediation in Malaysia: Rukun Tetangga". Workshop in Empowering Communities Through Mediation in Malaysia. Kuala Lumpur: Vistana Hotel

Weiss, M. dan Saliha Hassan (2003). Social Movements in Malaysia: From Moral communities to NGOs. London: RoutledgeCurzon

Weiss, M. (2005). Protests and Possibilities: Civilsociety and Coalitions of Political Change in Malaysia. Stanford: Stanford University Press

Weiss, M. (2011). Student activism in Malaysia: Crucible, Mirror, Sideshow. Cornell: Cornell SEAP/NUS Press

Weiss, M. (2014). The Routledge Handbook of Contemporary Malaysia. London: Routledge

INSIDEN PERGADUHAN SUNGAI PETANI 2012: MENGURUS PEMBANGUNAN MEMBINA KESEPADUAN SOSIAL

Mansor Mohd Noor (UKM)
Nazri Muslim (UKM)
Nur Suhaili Mansor (UUM)
Hazman Hassan (UUM)

Abstrak

Dalam masyarakat pelbagai etnik dan agama, isu, gejala sosial dan jenayah yang melibatkan ahli-ahli dan kumpulan antara etnik boleh berakhir dengan bukan saja ketegangan sosial dalam negara, tetapi pergaduhan yang jika tidak dikaji, diperjelaskan dan diurus pasti berakhir dengan konflik berdarah. Maklumat sedia ada menunjukkan hampir keseluruhan bandar-bandar di Malaysia ditarafkan sebagai tompok panas. Tompok-tompok panas ini telah membawa pergeseran pergaduhan seperti di Kampung Rawa, Pulau Pinang, Kampung Medan di Selangor, Lawas di Sarawak. Malahan rusuhan bandar di Amerika Syarikat, England dan Perancis boleh dikategorikan sebagai mirip dengan ketegangan sosial dan pergaduhan di bandar-bandar Malaysia. Dalam negara pelbagai etnik seperti Malaysia, kajian seperti ini perlu dijalankan untuk memahami dan menjelaskan adakah punca kejadiannya oleh kerana perbezaan etnik dan agama atau oleh faktor-faktor lain yang gagal diurus. Insiden Pergaduhan Sungai Petani 2012 menjadi tumpuan kajian pergaduhan antara kumpulan etnik India dan Melayu didapati tercetus dan di viral melalui internet dan telefon bimbit hingga suhu hubungan etnik di negara menjadi panas. Walhal pergaduhan ini bermula dari pertengkaran perlumbaan motorsikal yang melibatkan belia Melayu dan India. Pertengkaran ini dikaitkan dengan pergaduhan etnik yang melibatkan gengster. Budaya *gengsterisme* ini dalam komuniti dikaji oleh kewujudan gejala sosial, jenayah dan rasa takut dengan jenayah di kalangan mereka. Namun pengukuran kesepadan sosial menunjukkan hubungan etnik di antara mereka adalah baik tetapi kemiskinan dan peminggiran sosial masyarakat setempat yang menjadi hambatan hingga dimensi etnik dan agama sering digembelingkan demi mempertahankan kepentingan diri dan kumpulan mereka. Demi memastikan negara pelbagai etnik dan agama terus harmoni, sepadu, stabil dan maju, memahami dan menjelaskan pengaruh etnik dan agama rakyat Malaysia perlu dikaji dan dipantau.

Kata Kunci: Gejala sosial, jenayah, kesepadan sosial, tadbir urus, pembangunan, kepelbagaian

Pengenalan

Insiden pergaduhan Sungai Petani perlu dikaji untuk memahami dan menjelaskan adakah hubungan etnik di Malaysia baik atau sebaliknya. Kajian-kajian pergaduhan antara etnik dalam negara kepelbagaiannya adalah penting kerana perbezaan etnik dan agama boleh melahirkan isu-isu yang boleh merenggang hubungan antara mereka hingga ketegangan sosial boleh menyebabkan pergaduhan boleh berakhir dengan konflik berdarah. Namun begitu, kajian ini boleh menjelaskan adakah punca pergaduhan etnik itu bersifat etnik atau satu reaksi kepada keterbatasan lokasi sosial dan persekitaran hidup mereka sendiri. Persoalan kajian ini timbul kerana etnik sebagai pengaruh ke atas tingkah laku manusia boleh menjadi penyebab atau sebenarnya akibat ke atas tingkah laku mereka.

Insiden Pergaduhan Sungai Petani 2012

Pada awal pagi ahad 16 Disember 2012 pergaduhan berlaku di antara sekumpulan pemuda Melayu dan India di Sungai Petani, Kedah. Tiada kematian berlaku tetapi beberapa individu Melayu dan India yang bergaduh dan mendapat kecederaan. Pada masa yang sama, khabar angin kononnya berlaku rusuhan di daerah Kuala Muda tersebar dengan meluas menerusi laman sosial seperti internet, *Facebook*, *Twitter* dan khidmat pesanan ringkas (SMS) ke seluruh negara dan dunia. Polis segera menafikan dengan menyatakan bahawa Kuala Muda adalah aman dan tenteram.

Namun, kajian-kajian terdahulu juga menunjukkan terdapat faktor lain yang menyebabkan berlaku konflik dalam masyarakat seperti dalam suasana krisis ekonomi dan sekitar kempen politik pilihan raya di mana etnik dan agama digembangkan demi mencapai agenda mereka. Butang panas perkauman akan dihangatkan lagi oleh ahli-ahli politik dan media sosial demi membina persepsi negatif terhadap kumpulan politik lawan mereka (MKPN 2015).

Senario sebegini juga berlaku apabila ada pergaduhan di antara etnik di bandar-bandar yang melibatkan dua kumpulan etnik, terutamanya, di kawasan dan dalam golongan kumpulan sosial berpendapatan rendah. Insiden pergaduhan dan konflik sebegini mungkin di peringkat awalnya dicetus oleh kerana berlaku kemalangan kenderaan, perlumbaan motosikal haram, pergaduhan dan sebagainya tetapi insiden-insiden ini menjadi pergaduhan dan konflik etnik apabila isu-isu itu digembangkan mengikut dimensi etnik dan agama di antara mereka.

Pergaduhan seperti ini menunjukkan bahawa tahap dan arah tuju hubungan antara etnik di Malaysia mesti sentiasa dipantau kerana kajian-kajian lepas telah memperlihatkan bahawa perbezaan etnik, bahasa, budaya dan agama tidak semestinya menjadi penyebab berlakunya konflik di antara kumpulan etnik di Malaysia (Mansor 2012).

Wacana Konsep Pembangunan

Oleh kerana tidak semestinya konflik etnik atau agama yang berlaku itu berpuncakan latar belakang etnik dan agama, maka dalam masyarakat pasca penjajah seperti Malaysia perlu dikaji faktor politik dan ekonomi, terutamanya pembangunan dan tadbir urus negara (Leo Kuper 1974). Pembangunan dan tadbir urus negara yang adil dan terangkum dituntut dalam sesebuah negara seperti Malaysia bagi memastikan perbezaan etnik dan agama dikendurkan perbezaannya di antara mereka di mana dijamin peluang kehidupan mereka, kualiti hidup dan mobiliti sosial ahli-ahli keluarga mereka adalah adil dan terangkuman.

Konsep pembangunan lebih bersifat ideologi dan dipengaruhi oleh pegangan nilai hidup seseorang individu itu. Konsep pembangunan telah melalui perubahan bermula dari wacana awal tentang dimensi ekonomi dengan pertumbuhan ekonomi dan pendapatan per kapita, dimensi politik dengan demokrasi dan kebebasan, dimensi nilai dengan etika, dimensi sosio-budaya dan agama dengan keinsanan dan kemanusiaan, dimensi alam sekitar dengan pembangunan lestari, diikuti dengan persoalan kegembiraan hidup dan, akhir-akhir, ini dengan pembangunan mampan sedunia.

Takrifan Pembangunan

Samuel P. Huntington (1993) berpandangan kemajuan manusia adalah satu pergerakan ke arah pembangunan ekonomi, kemakmuran demokrasi dan kesejahteraan hidup. Kata kunci bagi beliau adalah orde, kemajuan dan keadilan sosial dalam mengurus solidariti masyarakat, keterbatasan sumber dan keselamatan negara.

Manakala, Dudley Seers (1969) pula pada peringkat awal penulisannya tentang pembangunan telah menekankan pembangunan adalah perkara untuk memenuhi keperluan asas manusia seperti makan minum, pakaian, rumah, pendidikan dan perkerjaan. Namun begitu, bagi Seers kejayaan pembangunan negara diukur dengan '...

pencapaian mengurang kemiskinan, pengangguran, kepinggiran dan ketidaksamarataan'. Jika tiga atau dua pengukur ini tidak tercapai, walaupun kadar pertumbuhan ekonomi, GDP atau pendapatan per kapita adalah tinggi, bagi Seers ianya pembangunan yang gagal.

Dalam penulisan terkemudiannya, Seers (1983) telah mengaitkan matlamat pembangunan dengan menyubur dan mengukuhkan pencapaian potensi jati diri manusia. Malahan dalam penulisan terkininya, Seers et al (1979) pula menambahkan dua elemen lagi dalam bicara tentang pembangunannya dengan pengukuran berdikari dan peningkatan kemerdekaan dengan memperkasakan budaya sendiri. Memperkasakan manusia dijadikan matlamat akhir pembangunan yang perlu disasarkan.

Seers berpendapat pembangunan di antara lain, mengurangkan pergantungan kebudayaan dengan kuasa-kuasa besar seperti tingkatkan penggunaan bahasa kebangsaan sendiri di sekolah, memberi banyak ruang masa di televisyen untuk program tempatan, mempertingkatkan peluang anak-anak watan untuk memperolehi ijazah dari universiti tempatan, bekerja dalam syarikat negara sendiri hingga ke peringkat global dan sebagainya. Dalam hal ini Amyta Sen (1999) melihat pembangunan sebagai kebebasan.

Pembangunan dan Kemajuan Bergelut Dengan Ketidaksamarataan Sosial

Dalam setiap transformasi sosial masyarakat, pasti ada kelompok sosial yang beroleh 'kemenangan atau kekalahan' dari pembangunan yang dilaksanakan. Kelompok sosial yang kalah pasti akan diketepikan dan dipinggirkan dalam akses mereka kepada sumber material dan institusi sosial dalam masyarakat. Mereka yang dipinggirkan ini pasti tidak mempunyai peluang untuk keluar dari putaran ganas kemiskinan hingga jati diri dan mas hadapan mereka terancam(Martinussen, John Degnbol a

Dalam suasana kepincangan persekitaran ekonomi, politik dan sosial seperti ini bukan sahaja ketidakseimbangan sosial berlaku, tetapi kemiskinan dan pemunggiran sosial akan diiringi juga dengan masalah sosial dan jenayah dalam komuniti dan bandar-bandar itu. Apabila pihak jentera penguatkuasaan tempatan bertindak berdasar peraturan undangan-undang setempat dengan kekerasan ke atas ahli dan komuniti berkenaan, pasti akan mempengaruhi komuniti setempat untuk bertindak secara kekerasan dan keganasan terhadap kerajaan.

Kepinggiran Sosial dan Keruntuhan Komuniti Mencetus Konflik

Bangkangan ini secara tidak langsung akan mencetus ketegangan sosial dan menjadi penghalang kepada keamanan dan kestabilan dalam masyarakat hingga akan menjejas pembangunan negara. Kecenderungan kelompok sosial untuk memiliki tindakan dan tindak balas kekerasan dan keganasan terhadap kerajaan perlu diberi perhatian. Fenomena sosial ini didapati ada hubung kait dengan kemungkinan konflik sosial itu boleh bertukar menjadi konflik etnik dan agama di Malaysia.

Fenomena sosial kepinggiran ini dapat diperhatikan berlaku dalam komuniti setempat dengan keruntuhan keluarga, budaya hidup lepak, ragut, dadah, rogol, jenayah berat dan sebagainya. Dalam komuniti kerapuhan sosial ini, salah faham yang kecil di antara golongan belia bermain sesama mereka di peringkat lokaliti setempat. Namun kehadiran dan campur tangan polis dalam pergaduhan di komuniti itu, sering kali ianya melahirkan kemarahan masyarakat setempat yang berakhir dengan konflik mengganas dan berdarah. Pergaduhan antara etnik dan agama ini mudah merebak ke kawasan-kawasan komuniti lain di bandar itu (Apter dan Sawa 1986).

Kajian Perbandingan Pergaduhan Etnik di Bandar

Kaji perbandingan terpilih tentang pergaduhan dan rusuhan di bandar USA, UK dan Perancis menunjukkan pola pergaduhan dan rusuh dan sebab berlakunya hampir sama.

Di USA pada 10 April 2001 Rusuhan Cincinnati berlaku dikaitkan dengan kegagalan berpanjangan oleh Pihak Berkuasa Tempatan mengurus masalah di pusat bandar tanpa penyelesaian seperti ketidakcukupan perkhidmatan kesihatan dan penjagaan anak-sekolah yang lumpuh, dan di antara lain, kadar rendah pemilikan rumah dalam kalangan golongan minoriti dan pendapatan rendah menjadi penyebab berlakunya rusuhan ini. Pada 15 Oktober 2005 berlaku Rusuhan Toledo, Ohio, USA yang dikaitkan dengan kemiskinan selain sebab-sebab lain yang membakar kemarahan untuk merusuh di bandar ini. Pada 9 Ogos 2014 Keresahan Ferguson dengan penembakan Michael Brown berumur 18 tahun di Ferguson, Missouri, USA. Pada 12 April 2015 berlaku Rusuhan Baltimore pada hari perkebumian Freddie Gray yang mati ditembak Polis diikuti dengan protes dan demonstrasi jalanan yang telah bertukar menjadi ganas, memecah cermin kedai, dan mencuri barang-barang di kedaig kedai (Lupo 2011).

Di England pula berlaku Rusuhan Birmingham pada 22 Oktober 2005 di mana penduduk orang kulit putih dan kelas menengah Caribbean dan Afrikan telah pindah keluar dari kawasan taman perumahan di pusat bandar di Birmingham. Kekosongan perumahan-perumahan itu disi oleh *Caribbean-Afrikan* dan Asian dari golongan berpendapatan rendah. Penghijrahan keluar dan kemasukan ini merubah komposit etnik di bandar ini. Pada 6 Ogos 2011 berlaku Rusuhan England bermula di Tottenham yang kemudiannya merebak ke beberapa bahagian di bandaraya London dan bandar-bandar lain di England (Bloom 2010). Manakala di Perancis berlaku keresahan dan ketegangan dalam kalangan komuniti yang membawa kepada rusuhan di bandar-bandar termasuk Paris (Schneider 2014). Malahan rusuhan di bandar di Perancis pada tahun 2006 menunjukkan kemunduran, ketidaksamarataan, kemiskinan dan kepinggiran boleh mengancam jati diri seorang individu dan kumpulan itu.

Insiden pergaduhan dan rusuhan di bandar seperti di Amerika Syarikat, England, Perancis sering berlaku dalam kalangan etnik kulit hitam dan migran di pinggir bandar besar, bekerja di industri sebagai buruh, bergaji kecil dan berhadapan dengan pengangguran, terutamanya, dalam kalangan golongan belia mereka. Kawasan penempatan mereka ini tidak memiliki prasarana yang baik, sampah sarap jarang dikutip, lift di flat mereka sering tidak dibaiki, suasana hidup bising oleh anak-anak yang bermain, pertengkaran di antara isteri dan ibu, sesama adik beradik dan dengan jiran dan di parkir kereta dipenuh dengan kereta buruk dan rosak memberi pandangan persekitaran hidup yang tidak menyenangkan. Kajian menunjukkan konflik keganasan dan berdarah pasti berlaku jika kesan kepada tiga perkara ini membawa kepada berlaku secara berterusannya peningkatan pengangguran, jenayah, keruntuhan keluarga dan lumpuh kegiatan-kegiatan sosial dalam masyarakat setempat itu.

Kemiskinan dan kepinggiran sosial akan menipiskan ikatan sosial di antara individu dan kumpulan-kumpulan sosial seperti etnik dan agama dalam komuniti itu. Kelonggaran ikatan sosial ini akan melumpuh komuniti itu bermula dengan keruntuhan keluarga dan institusi sosial dalam masyarakat itu. Konflik keganasan dan berdarah mudah tercetus dalam komuniti seperti ini, terutamanya, apabila jentera pihak berkuasa setempat hanya tahu menyelesaikan masalah sosial dan kehidupan mereka dengan pendekatan kekerasan dan bukan perancangan dan pembangunan setempat itu.

Petanda-petanda kepada pola insiden pergaduhan di bandar-bandar dikaji dan sebab kejadiannya adalah hampir sama. Pembangunan yang tidak seimbang telah melahir satu golongan sosial dalam masyarakat memiliki taraf pendidikan, pekerjaan dan pendapatan yang rendah hingga kehidupan mereka berhadapan dengan masalah dan cabaran kos sara hidup. Golongan sosial ketinggalan pembangunan ini memiliki keluarga yang rapuh bercirikan kedua-dua ibubapa bekerja mencari tambahan pendapatan, pergaduhan dan perceraian dalam keluarga, keciciran anak di sekolah dan pengangguran hingga mereka terlibat dalam masalah sosial dan jenayah dalam masyarakat setempat. Budaya hidup kumpulan sosial ketinggalan pembangunan ini dipinggirkan dari kehidupan masyarakat arus perdana hingga berlaku pengalaman *alienation* dan *anomie* dalam kehidupan mereka.

Latar Belakang Kajian Sungai Petani, Kedah

Nama bandar Sungai Petani diambil daripada nama sungai, iaitu, Sungai Petani, anak Sungai Merbok. Ada yang mengaitkan namanya dengan daerah Pattani di Thailand. Namun begitu, perkataan Pattani, selain dari bahasa Arab juga ada kaitan dengan perkataan Sanskrit ‘pathini’ yang bermaksud ‘perempuan yang suci’. Pathini adalah gelaran yang diberikan kepada puteri Merong Maha Wangsa. Puteri itu dikatakan cantik rupa parasnya dan mulia pekertinya. Puteri itu telah diangkat menjadi ratu yang disanjungi oleh penduduk di sana (Adi Alhadi 1996). Ketika Kedah dikenali dengan nama Langkasuka, para pedagang selalu berulang-alik antara Lembah Merbok dan Pattani serta bahagian timur Semenanjung melalui jalan darat. Jadi, tidak mustahil jika nama Petani itu dipinjam daripada gelaran ratu sanjungan tersebut (Ibrahim 1987).

Bandar Sungai Petani mula berfungsi sebagai pusat pentadbiran bagi daerah Kuala Muda pada awal abad ke 20 dengan kedatangan British. Sejak dengan perkembangan sistem pengangkutan jalan raya dan keretapi, Bandar Sungai Petani terus berkembang dan menjadi pusat pengumpulan getah. Pada masa itu ladang-ladang getah telah diterokai oleh British di sekitar bandarnya dan penoreh getah terdiri dari etnik Tamil yang dibawa masuk dari India. Penasihat Inggeris pertama di Kedah telah mencadangkan pembinaan pusat pentadbiran daerah bagi memudahkan urusan pentadbiran antara Kulim dan Alor Setar. Pihak Inggeris juga telah membina bangunan bank dan balai polis. Menara jam ini telah didirikan pada tahun 1934 di Jalan Ibrahim oleh tauke Lim Lean Teng. Kesan

pembinaan bangunan dengan reka bentuk Inggeris ini amat jelas sehingga ke hari ini di bandar ini.

Kini, Sungai Petani merupakan sebuah bandar yang terbesar di Kedah, mengalahkan Alor Setar yang diangkat sebagai ibu negeri Kedah dan terletak di bahagian selatan negeri Kedah. Jarak bandar ini dengan Alor Setar adalah kira-kira 70 KM dan sejauh 31 KM dengan Butterworth di Pulau Pinang. Sungai Petani masih dilanda dengan pembangunan yang pesat dan merupakan bandar perindustrian terbesar bagi negeri Kedah yang mendapat limpahan perkembangan perindustrian dari Pulau Pinang (Nur Azura et al 2005).

Limpahan pertumbuhan perindustrian dari Pulau Pinang ini juga mempengaruhi perkembangan sektor perumahan di Sungai Petani. Semenjak tahun 1990an, bandar ini telah menerima pelaburan besar oleh syarikat-syarikat pemaju perumahan. Taman Ria, Taman Ria Jaya, Taman Peruda, Taman Mutiara Indah dan Taman Berlian merupakan perumahan terancang yang terawal di Sungai Petani. Menjelang tahun 1999 sehingga 2007, beberapa bandar baru dimajukan antaranya seperti Bandar Aman Jaya, Bandar Mutiara, Bandar Puteri Jaya, Bandar Sri Astana, Bandar Sri Cendana, Legenda Heights, Bandar Laguna Merbok, Bandar Puteri Hill Park dan Cinta Sayang Resort. Limpahan perindustrian dan perumahan ini diikuti oleh kemasukan pelaburan dan industri dari pelbagai negara-negara asing termasuk Jepun. Akibat perkembangan pesat perindustrian dan permintaan perumahan ini sekitar tahun 90an, bilangan penduduk di Bandar Sungai Petani kian bertambah. Kepesatan pertumbuhan penduduk dan bandar satelit baru di Bandar Sungai Petani berlaku kerana ianya sangat mudah dihubungi dengan jaringan jalan raya, jalan kereta api dan laluan udara. Dari ibu negara, Kuala Lumpur, perjalanan ke utara menuju Sungai Petani melalui lebuhraya utara selatan. Jalan Persekutuan turut menghubungkan Sungai Petani dengan beberapa bandar utama seperti Alor Setar, Butterworth dan Ipoh, selain perkhidmatan keretapi dan berdekatan dengan Lapangan Terbang Pulai Pinang dan juga Alor Setar (Jabil Mapjabil et al 2010).

Pembukaan kawasan taman perumahan dan bandar satelit di sekitar Bandar Sungai Petani juga telah memberi impak ke atas kegiatan pendidikan di mana banyak sekolah telah didirikan bagi menampung keperluan pendidikan. Pusat pendidikan tinggi juga telah dibangunkan di Bandar Sungai Petani seperti UiTM di Merbok dan

beberapa institusi pendidikan swasta yang lain. Peluang pekerjaan dengan perkembangan kawasan-kawasan perindustrian di kawasan sekitar Sungai Petani juga memberikan kesan terhadap pergerakan penghijrahan penduduk kawasan dari bandar-bandar lain dari dalam negeri Kedah dan juga dari negeri-negeri lain di Malaysia demi mencari pekerjaan di sini. Penghijrahan ini berlaku kerana Bandar Sungai Petani telah menjadi nadi penting dalam perkembangan ekonomi negeri Kedah yang telah menyediakan peluang pekerjaan dengan perkembangan pesat pertumbuhan industri, kegiatan komersial dan perniagaan dalam tiga dekad lepas.

Dari segi pentadbiran kerajaan tempatan, sejajar dengan perkembangan pembangunan yang pesat ini, Majlis Daerah Sungai Petani telah dinaik taraf sebagai Majlis Perbandaran Sungai Petani. Kenaikan taraf Pihak Berkuasa Tempatan ini telah dilihat sejajar dengan apa yang berlaku dengan kepesatan ekonomi, sosial, jumlah penduduk dan lain-lain kemudahan yang diperlukan oleh masyarakat setempat.

Dalam sektor pelancongan, Bandar Sungai Petani telah menjadi daya tarikan penting dengan adanya bangunan era Inggeris seperti menara Jam Besar, Bangunan Balai Polis dan lain-lain lagi. Penemuan tapak dan artifak bersejarah di sekitar Lembah Bujang juga dilihat sebagai daya tarikan utama pelancong untuk datang ke bandar ini. Fauna alam semula jadi seperti sungai, hutan, bukit dan laut adalah aset perlancongan termahal dari kaca mata penghuni seperti dari Pulau Pinang atau dari luar negara.

Jadual 1: Jumlah Penduduk Mengikut Daerah Bagi Negeri Kedah, 2010

Daerah	Jumlah	Warganegara Malaysia							Jumlah Bukan Warga
		Jumlah Warga Malaysia	Bumiputera			Cina	India	Lain-lain	
			Jumlah Bumi	Melayu	Bumi Lain				
Kedah	1,947.6	1,880.8	1,464.9	1,460.7	4.2	255.6	136.5	23.8	66.9
Baling	135.6	133.4	121.3	121.0	0.3	4.8	5.4	1.8	2.2
Bandar Baharu	42.3	41.7	34.3	34.2	0.03	4.7	2.7	0.05	0.7
Kota Setar	366.8	360.1	269.3	268.7	0.6	81.0	8.5	1.3	6.7
Kuala Muda	456.6	436.0	287.8	286.3	1.5	84.9	61.1	2.2	20.6
Kubang Pasu	220.7	215.5	190.3	189.5	0.8	17.0	5.0	3.2	5.2
Kulim	287.7	272.0	173.4	172.8	0.6	47.0	50.9	0.7	15.7
Langkawi	94.8	85.6	79.3	79.3	0.2	4.3	1.7	0.2	9.2
Padang Terap	62.9	61.3	56.7	56.7	0.08	0.7	0.09	3.9	1.6
Sik	67.4	65.8	61.0	61.0	0.02	0.7	0.05	4.0	1.6
Yan	68.3	67.7	63.1	63.1	0.02	4.4	0.09	0.04	0.7
Pendang	95.0	94.0	84.3	84.3	0.06	3.4	0.2	6.0	0.9
Pokok Sena	49.5	47.7	44.1	44.1	0.03	2.6	0.7	0.3	1.8

Sumber: UPEN, Kedah 2010

Namun begitu, kepesatan pembangunan di Sungai Petani, turut memberi impak negatif kepada kegiatan dan kehidupan sosial penduduknya, terutamanya, dalam kalangan golongan sosial berpendapatan rendah. Ladang-ladang estet getah tempat mereka bekerja sudah diubah kegunaan sebagai taman perumahan dan bandar-bandar satelit. Golongan sosial yang dahulu berkerja sebagai penoreh getah di ladang getah ini didapati dipinggirkan oleh arus pembangunan. Dengan taraf pendidikan dan kemahiran kerja yang terbatas, penghijrahan mereka ke bandar hanya mengekalkan mereka untuk terperangkap dalam putaran ganas kemiskinan di antara generasi.

Metodologi Kajian

Pengumpulan data telah diperolehi melalui bahan tercetak sebagai data sekunder, soal selidik sebagai data primer dan juga melibatkan perbincangan dengan masyarakat setempat di kawasan kajian. Jumlah penduduk di Daerah Kuala Muda adalah sebanyak 443,488 orang. Pecahan mengikut etnik pula adalah 63 peratus Melayuo Bumiputera, 19 peratus Cina dan 13 peratus India.

Jumlah sampel yang telah disasarkan untuk kajian adalah sebanyak 500 responden secara sampling bertujuan mengikut etnik dan kawasan insiden pergaduhan di Sungai Petani itu. Setelah beberapa percubaan telah dijalankan oleh pihak pasukan kajian ini dengan menguna enumerator dari kalangan pelajar universiti dan ahli-ahli Rukun Tetangga tetapi masih berhadapan dengan jalan buntu untuk mendapat kerjasama dari kumpulan etnik-etnik tertentu. Namun dengan kerjasama PDRM sejumlah 444 responden akhirnya dapat ditemu duga di kawasan yang dikenal pasti itu seperti Taman Ria Jaya, Taman Keladi, Taman Ria, Flat Paya Nahu, Flat Paya Nahu 1 dan Taman Petani Jaya.

Oleh kerana insiden ini berlaku di antara kumpulan etnik India dan Melayu, tumpuan pemilihan responden lebih diutamakan ke atas Melayu dan India berbanding dengan Cina. Pecahan jumlah responden dikaji adalah Melayu sebanyak 217 orang, India 145 orang dan Cina 82 orang.

Dapatan Kajian

Dapatan kajian akan memberi tumpuan kepada mengenal pasti dan menganalisis gejala sosial, masalah sosial, jenayah, rasa ketakutan kepada jenayah dan kesepaduan sosial di kawasan kajian.

Jenis Masalah Sosial Berlaku Kepada Diri Dalam Tempoh Enam Bulan Lepas

Masalah sosial yang berlaku kepada dirisendiri dalam enam bulan lepas adalah hampir sama mengikut etnik, ia itu, merempit, gangsterisme dan melepak. Bagi Melayu gejala sosial itu adalah merempit (11%), gangster (105) dan lepak (65); Cina merempit (16%), vandalisme (11%) dan lepak (10%); dan India merempit (25%), gangster (23%) dan lepak (20%). Secara keseluruhan kumpulan etnik India didapati berhadapan dengan masalah sosial yang tinggi berbandingkan dengan etnik Melayu dan Cina.

Jadual 2: Masalah Sosial Berlaku Kepada Diri Sendiri

Jenis masalah sosial	Etnik (Diri)		
	Melayu	Cina	India
Peras ugut / pemerasan	6.0	15.9	37.0
Kongsi gelap/gangster	9.7	8.5	23.2
Merempit	10.6	15.9	25.4
Lepak	6.4	9.9	19.9
Vandalisme	4.9	10.7	19.3

Gejala Sosial Di Kawasan Perumahan Mengikut Etnik

Tahap gejala sosial berada secara keseluruhan berada di tahap tidak berubah, diikuti tahap buruk dan amat kecil peratusan diperakui berada tahap baik.

Jadual 3: Tahap Gejala Sosial di Kawasan Perumahan Mengikut Etnik

	Etnik		
	Melayu	Cina	India
Buruk	12.0	17.0	31.9
Tidak Berubah	74.6	73.2	57.1
Baik	13.4	9.8	11.0
Jumlah	100.0	100.0	100.0

Tahap gejala sosial berada di tahap buruk di kawasan perumahan responden mengikut etnik adalah tertinggi dengan India sekitar 32%, diikuti Cina 17% dan Melayu 12%. Mengikut etnik yang mengatakan baik,walaupun dengan rendah peratusan,adalah Melayu 13%, India 11% dan Cina 10%.Majoriti responden berpendapat, tanpa mengira etnik,tahap gejala sosial ini tidak ada perubahan; sekitar 74% dalam kalangan Melayu dan Cina dan ke bawah 57% India.

Gejala Sosial di Kawasan Perumahan Mengikut Sosio-Ekonomi Status Pekerjaan

Analisis mengikut Sosio-ekonomi Status Pekerjaan pula, pola hampir sama dapat diperhatikan. Jika pilihan peratusan terburuk dikaji, golongan SES Pekerjaan Atasan dan SES Pekerjaan Menengah memberi berpendapat yang sama. Tahap gejala sosial terbaik diperhatikan berlaku dalam golongan SES Pekerjaan Menengah dan juga SES Pekerjaan Rendah. SES Pekerjaan Atasan didapati merekod jawapan peratusan gejala sosial terbaik yang terendah.

Jadual 4: Tahap Gejala Sosial di Kawasan Perumahan Mengikut Status Sosio-Ekonomi

	Pekerjaan		
	SES Rendah	SES Menengah	SES Atas
Buruk	15.0	30.8	41.7
Tidak Berubah	74.2	57.5	50.0
Baik	10.8	11.7	8.3
Jumlah	100.0	100.0	100.0

Jenis Jenayah Berlaku Kepada Diri Dalam Tempoh Enam Bulan Lepas

Manakala tiga jenis jenayah utama yang sudah berlaku kepada diri mereka sendiri adalah Pecah Rumah dan Curi Malam Hari, Peras Ugut-Pemerasan dan Curi Motosikal.

Jadual 5: Jenis Jenayah Berlaku Kepada Diri Sendiri

Jenis Jenayah	Pekerjaan		
	Melayu	Cina	India
Peras Ugut / Pemerasan	7.8	17.1	38.4
Pecah rumah dan curi malam hari	9.7	7.3	16.4
Curi motosikal	6.0	14.6	26.9
Curi kabel, besi penutup longkang, kasut	6.0	7.3	16.4
Pergaduhan sehingga cedera	5.5	9.8	21.2

Susunan jenis jenayah hampir sama mengikut etnik. Etnik Melayu meletakkan peratusan tertinggi dengan Pecah Rumah Dan Curi Malam Hari (10%), Peras Ugut-Pemerasan 8% dan Curi Motosikal, Curi Kabel, Besi Penutup Longkang dan Kasut 6%. Manakala, etnik Cina melaporkan peratusan terbanyak adalah Peras Ugut-Pemerasan 17%, Curi Motosikal 14% dan Pergaduhan Sehingga Cedera 10%. India pula meletakkan peratusan jenayah tertinggi dengan Peras Ugut Pemerasan 38%, Curi Motosikal 27% dan Pergaduhan Sehingga Cedera 21%. Perbandingan di antara etnik, India merekodkan secara relatif peratusan tertinggi mengalami jenayah itu sendiri berbandingkan etnik Melayu dan Cina.

Kekerapan Kejadian Jenayah Berlaku di Kawasan Perumahan Mengikut SES Pekerjaan

Kekerapan kejadian jenayah sebanyak tiga kali ke bawah tercatat pola peratusan terbesar dengan SES Pekerjaan Menengah sebanyak 60%, SES Pekerjaan Atasan 58% dan SES Pekerjaan Rendah 55%. Manakala, pola sangat kerap kejadian jenayah dilaporkan sekitar 2% untuk SES Pekerjaan Rendah, 1% SES Pekerjaan Menengah dan sifar untuk SES Pekerjaan Atasan

Jadual 6: Kekerapan Jenayah Mengikut SES Pekerjaan

Tahap Kekerapan	Kategori	Pekerjaan		
		SES Rendah	SES Menengah	SES Atasan
Kerap	< 3 kali sebulan	54.9	60.2	58.3
Sederhana	4-6 kali Sebulan	42.6	38.7	41.7
Sangat Kerap	> 7 kali Sebulan	2.5	1.1	0.0
Jumlah		100.0	100.0	100.0

Tahap Jenayah di Kawasan Perumahan Mengikut Etnik

Tahap jenayah di kawasan perumahan yang kerap berlaku adalah di tahap tidak berubah, diikuti tahap buruk dan, terakhir, tahap baik.

Jadual 7: Tahap Jenayah di Kawasan Perumahan Mengikut Etnik

Tahap	Etnik		
	Melayu	Cina	India
Buruk	13.8	18.3	34.4
Tidak Berubah	72.8	70.7	51.2
Baik	13.4	11.0	14.4
Jumlah	100.0	100.0	100.0

Responden India menyatakan mereka paling mengalami tahap jenayah buruk sebanyak 34%, berbanding Cina 18% dan Melayu 14%. Tetapi golongan India juga yang memaklumkan kawasan perumahan mereka adalah baik sebanyak 14%, Melayu 13% dan Cina 11%. Responden Melayu berpandangan tahap jenayah di kawasan kediaman mereka tidak berubah 73%, Cina 71% dan India 51%.

Tahap Jenayah di Kawasan Perumahan Mengikut Sosio-Status Ekonomi Pekerjaan

Mengikut tahap SES Pekerjaan secara umum menunjukkan Tahap SES Pekerjaan Rendah mengatakan tahap jenayah tidak berubah, SES Pekerjaan Menengah dan SES Pekerjaan Atasan tidak berubahS buruk.

Tahap jenayah buruk didapati lebih berlaku di kawasan perumahan SES Pekerjaan Atasan sebanyak 42%, SES Pekerjaan Menengah 31% dan SES Pekerjaan Rendah hanya 19%. Tahap jenayah baik didapati peratusan tinggi dalam kalangan SES Pekerjaan Menengah 16%, diikuti SES Pekerjaan Rendah 11% dan SES Pekerjaan Atasan 8%. Peratusan tinggi tahap jenayah tidak berubah dengan SES Pekerjaan Rendah 71%, SES Pekerjaan Menengah 53% dan SES Pekerjaan Atasan 50%.

Jadual 8: Tahap Jenayah di Kawasan Perumahan Mengikut Sosio-Status Ekonomi

Tahap	Etnik		
	SES Rendah	SES Menengah	SES Atasan
Buruk	18.6	30.7	41.7
Tidak Berubah	70.5	53.3	50.0
Baik	10.9	16.0	8.3
Jumlah	100.0	100.0	100.0

Kekerapan Kejadian Jenayah Berlaku di Kawasan Perumahan Mengikut Etnik

Dilaporkan kekerapan peratusan yang tertinggi berlaku kejadian jenayah sebanyak tiga kali sebulan adalah dalam kalangan India 66% dan Cina 61%. Melayu rekodkan terbanyak pada sederhana 4-6 kali sebulan sebanyak 50%. Kejadian jenayah sangat kerap melebihi 7 kali sebulan hanya berlaku sekitar 2% sahaja dan tanpa mengira kumpulan etnik.

Jadual 9: Kekerapan Jenayah Mengikut Etnik

Tahap Kekerapan	Kategori	Etnik		
		Melayu	Cina	India
Kerap	<3 kali sebulan	48.6	61.0	65.7
Sederhana	4-6 kali Sebulan	50.0	36.6	31.5
Sangat Kerap	>7 kali Sebulan	1.4	2.4	2.8
Jumlah		100.0	100.0	100.0

Ketakutan Tidak Selamat Terhadap Jenayah Dalam Kehidupan

Oleh kerana kejadian gejala sosial dan jenayah tidak semestinya dialami sendiri oleh responden dikaji, maka mengambil kira rasa ketakutan kepada jenayah boleh digunakan untuk memahami faktor negatif jenayah adalah penting dalam kehidupan mereka. Mengkaji ketakutan tidak selamat terhadap jenayah dalam kehidupan diukur dengan lapan kenyataan tentang Kewujudan Pusat-pusat Hiburan Berleluasa, Beriadah di Taman-taman Awam di Hujung Minggu, Meletakkan Motor di Tempat Parkir, Keselamatan Anak di Sekolah, Keselamatan Anak Bermain di Luar Rumah, Berada Seorang Diri di Rumah Pada Waktu Malam dan Tidur Malam Bersendirian di Rumah.

Jadual 10: Ketakutan Tidak Selamat Terhadap Jenayah Dalam Kehidupan

Bil.	Pernyataan:	Melayu	Cina	India
1.	Kewujudan pusat-pusat hiburan berleluasa	71.4	65.9	60.9
2.	Beriadah di taman-taman awam di hujung minggu	14.3	14.6	22.4
3.	Meletakkan motor di tempat parkir.	59.5	45.1	48.3
4.	Keselamatan anak di sekolah	27.7	30.5	29.4
5.	Keselamata anak bermain di luar rumah	46.6	25.6	35.0
6.	Berada diri di rumah pada seorang waktu	34.5	29.3	32.2
7.	Tidur malam bersendirian di rumah	34.5	30.5	33.6

Data menunjukkan responden dikaji tanpa mengira etnik tidak bersetuju dengan rasa ketakutan kepada jenayah dalam kehidupan mereka di Tempat Beriadah di Taman-taman Awam di Hujung Minggu (15%), Keselamatan Anak di Sekolah (30%), Berada Seorang Diri di Rumah Pada Waktu Malam (30%), Tidur Malam Bersendirian di Rumah (30%) dan Meletakkan Motor di Tempat Parkir (48%). Namun begitu rata-rata mereka bersetuju dengan kewujudan Pusat-pusat Hiburan Berleluasa boleh menyumbang kepada jenayah dalam kehidupan mereka (65%). Secara keseluruhannya, tiada perbezaan mengikut etnik didapati diperhatikan dengan pengukuran ketakutan tidak selamat terhadap jenayah dalam kehidupan di Sungai Petani.

Ketakutan Tidak Selamat Terhadap Jenayah 10 Malam Ke Atas

Rasa ketakutan kepada jenayah juga dikaji apabila menjelang 10 malam ke atas di Bandar Sungai Petani. Enam kenyataan telah dibina untuk mengukur ketakutan kepada jenayah bermula dengan Meninggalkan Tempat Kerja, Menaiki Bas Awam, Mengambil Teksi Secara Bersendirian, Memandu Kereta Secara Berseorangan, Pergi Secara Bersendirian Untuk Membeli Barang dan Berjalan Kak Berseorangan jika mereka berada melewati jam 10 malam i

Jadual 11: Bersetuju Ketakutan Tidak Selamat Terhadap Jenayah 10 Malam Ke Atas

Bil.	Pernyataan:	Melayu	Cina	India
1.	Meninggalkan tempat kerja	30.5	36.6	37.1
2.	Menaiki bas awam	40.6	33.0	37.8
3.	Mengambil teksi secara bersendirian	51.8	39.0	42.7
4.	Memandu kereta secara berseorangan	49.7	39.0	44.1
5.	Pergi secara bersendirian untuk membeli barang	62.2	63.4	54.6
6.	Berjalan kaki berseorangan	75.1	63.4	70.0

Dari enam kenyataan yang ditanya hanya dua kenyataan tentang tindakan mereka yang jelas ketakutan terhadap jenayah di Sungai Petani, ia itu, apabila Berjalan Kaki Berseorangan 70% dan pergi secara Bersendirian Untuk Membeli Barang sekitar 60% dalam masa waktu 10 malam ke atas. Kenyataan empat lagi tidak begitu dirasakan takutterhadap jenayah di Sungai Petani; Mengambil Teksi Secara Bersendirian 45%, Memandu Kereta Secara Berseorangan 40%, Meninggalkan Tempat Kerja dan Menaiki Bas Awam kedua-dua 35%. Ini menunjukkan responden dikaji tidak begitu bersetuju dengan merasa ketakutan terhadap jenayah di Sungai Petani walaupun berada di luar jam 10 malam ke atas.

Analisis mengikut etnik didapati tiada perbezaan pola rasa takut jenayah seperti analisis secara keseluruhan di atas. Responden dikaji merasa takut apabila melakukan satu tindakan dengan seseorang diri pada jam 10 malam ke atas. Namun begitu, apabila ada orang awam lain bersama dengan mereka seperti semasa menaiki teksi, memandu kereta sendiri, meninggal pejabat dan menaiki bas awam lewat jam 10 malam mereka tidak begitu merasa takut dengan kemungkinan jenayahboleh berlaku.

Kesepaduan Sosial

Kajian ke atas gejala sosial, jenayah dan rasa ketakutan kepada jenayah perlu juga dikaitkan dengan suasana harmoni, kedamaian dan keamanan di Bandar Sungai Petani. Suasana-suasana sosial ini dikaji dengan mengukur kesepaduan sosial bagi memahami bentuk dan keamatan hubungan etnik di bandar ini. Instrumen kesepaduan

ini dibina berdasar enam dimensi, iaitu, Perasaan Kekitaan, Keterangkuman, Penglibatan, Legitimasi dan Kesaksamaan. JadualK jadual di bawah menunjukkan 18 pernyataan yang mengukur kesepadan sosial dalam kalangan etnik Melayu, Cina dan India. Peratusan setuju dan sangat setuju sahaja yang diambil bagi tujuan mengukur kesepadan sosial tersebut. Secara keseluruhan data menunjukkan kesepadan sosial telah terbina dalam kalangan etnik Melayu, Cina dan India yang dikaji ini.

Daripada 18 pernyataan yang dikemukakan, majoriti responden Melayu, Cina dan India bersetuju dengan pernyataan 1 hingga pernyataan 12 di mana majoriti responden tanpa mengira etnik bersetuju melebihi 50%. Namun tanpa mengira etnik juga, kebanyakannya mereka kurang bersetuju dengan pernyataan 13 hingga pernyataan 18.

Kesepadan Sosial Dimensi Perasaan Kekitaan

Di bawah dijelaskan dimensi kesepadan sosial perasaan kekitaan dalam masyarakat dan negara pelbagai etnik di Malaysia dengan pernyataan dalam suasana sosial bersimpati dengan jiran kematian keluarga, selesa dalam komuniti, bangga dalam majlis dan bangga sebagai rakyat Malaysia.

Pernyataan Saya Bersimpati Jika Jiran Daripada Etnik Lain Meninggal Dunia, Saya Bangga Berada Dalam Majlis Sambutan Perayaan Etnik Lain, dan Saya Berbangga Rakyat Malaysia Terdiri Dari Pelbagai Agama, Bahasa, Budaya dan Etnik dipersetujui dengan peratusan yang tinggi tanpa mengira kumpulan etnik sekitar menghampiri 80% hingga melebihi 90%. Namun begitu kesemua kumpulan etnik-etnik ini tidak begitu bersetuju dan memberi pendapat yang sangat negatif terhadap pernyataan Saya Berasa Selesa Tinggal Di Kawasan Komuniti Pelbagai Kaum. Peratusan yang bersetuju pula menunjukkan Melayu hanya dengan 31.1%, Cina 29.3% dan India secara relatif merekodkan persetujuan terendah sekitar 29.6% dengan pernyataan ini.

Jadual 12: Kesepaduan Sosial Perasaan Kekitaan

Bil.	Pernyataan:	Melayu	Cina	India
1.	Saya bersimpati jika jiran daripada etnik lain meninggal dunia.	97.7	80.5	79.3
2.	Saya bangga berada dalam majlis sambutan perayaan etnik lain.	90.4	76.9	81.3
3.	Saya berbangga rakyat Malaysia terdiri dari pelbagai agama, bahasa, budaya dan etnik.	95.4	82.9	78.6
4.	Saya berasa selesa tinggal di kawasan komuniti pelbagai kaum.	31.1	29.3	29.6

Merumuskan dimensi perasaan kekitaan kesepaduan sosial dalam masyarakat dan negara pelbagai etnik di Malaysia menunjukkan mereka sangat bersetuju dan positif dengan peratusan yang tinggi dengan pernyataan suasana sosial Bersimpati Dengan Jiran Kematian Keluarga, Bangga Dalam Majlis, Bangga Sebagai Rakyat Malaysia tetapi tidak begitu bersetuju dengan merasa Selesa Hidup Dalam Komuniti Pelbagai Etnik.

Kesepaduan Sosial Dimensi Keterangkuman

Dalam usaha untuk mengkaji dimensi kesepaduan sosial keterangkuman yang melibatkan pelbagai etnik di negara ini diukur dengan pernyataan Bantuan Kerajaan Dinikmati, Peluang Pendidikan Ke IPTA dan Pekerjaan di Jabatan Kerajaan Terbuka serta Dasar Awam Juga Dirancang Untuk Semua.

Data menunjukkan majoriti responden tanpa mengira etnik bersetuju dan positif dengan pernyataan Peluang Pendidikan Ke IPTA Terbuka Untuk Semua dan Bantuan Kerajaan Dinikmati Oleh Rakyat Malaysia Tanpa Mengira Etnik. Tanpa mengira etnik, responden dikaji tidak bersetuju dengan pernyataan Peluang Pekerjaan di Jabatan Kerajaan Amat Terbuka Kepada Seluruh Etnik di Negara Ini dan Dasar-dasar Pembangunan Kerajaan Hanya Menguntungkan Satu Etnik Sahaja. Pernyataan-pernyataan ini tidak dipengaruhi oleh latar belakang etnik responden. Data menunjukkan persetujuan tertinggi sebanyak 84% dan terendah 51% bagi peluang pendidikan tinggi dan bantuan kerajaan diterima. Manakala bagi pernyataan peluang perkerjaan di jabatan kerajaan dan dasar pembangunan yang tidak bersetuju dengan peratusan terendah dengan 28% dan tertinggi 41%.

Jadual 13: Kesepaduan Sosial Keterangkuman

Bil.	Pernyataan:	Melayu	Cina	India
1.	Bantuan kerajaan dinikmati oleh rakyat Malaysia tanpa mengira	77.4	53.7	51.7
2.	Peluang pendidikan ke IPTA terbuka untuk semua	83.9	64.7	51.1
3.	Peluang pekerjaan dijabatan kerajaan amat terbuka kepada seluruh etnik di negara	59.4	37.8	41.4
4.	Dasar-dasar pembangunan kerajaan hanya menguntungkan satu etnik sahaja.	36.8	28.0	42.1

Rumusan dimensi kesepaduan sosial keterangkuman menunjukkan pelbagai etnik di negara ini mendapat manfaat dengan bantuan kerajaan dinikmati dan memperolehi peluang pendidikan ke IPTA. Namun begitu hanya etnik Melayu positif terhadap memperolehi peluangkan pekerjaan di jabatan kerajaan secara terbuka tetapi mereka menolak bahawa dasar awam hanya menguntungkan satu etnik sahaja. Etnik Melayu tidak memiliki kesangsian terhadap dimensi keterangkuman tetapi tidak dipersetujui secara peratusan tinggi dan dalam hal peluang pekerja di jabatan kerajaan nyata tidak dipersetuju oleh responden Cina dan etnik India.

Kesepaduan Sosial Dimensi Penglibatan

Dalam mengkaji dimensi kesepaduan sosial penglibatan mengandungi tiga perkara di mana rakyat Malaysia bebas mengundi calon dan terlibat dalam kegiatan persatuan dan boleh berbincangkan hal politik.

Jadual 14: Kesepaduan Sosial Penglibatan

Bil.	Pernyataan:	Melayu	Cina	India
1.	Saya bebas mengundi calon/parti yang saya suka	93.6	72.0	73.1
2.	Saya bebas menyertai aktiviti persatuan dan badan kebajikan yang saya sukai.	90.7	71.9	73.1

3.	Saya bebas berbincang hal politik dengan rakan sekerja.	65.5	62.2	56.6
----	---	------	------	------

Majoriti responden tanpa mengira etnik bersetuju dan positif dengan pernyataan Saya Bebas Mengundi Calon/Parti Yang Saya Suka, Saya Bebas Menyertai Aktiviti Persatuan Dan Badan Kebajikan Yang Saya Sukai dan Saya Bebas Berbincang Hal Politik Dengan Rakan Sekerja. Persetujuan dengan pernyataan ini diperoleh dari responden melebihi 90% dan terendah sekitar 69%. Peratusan ini menunjukkan dimensi kesepaduan sosial penglibatan selaras dengan amalan demokrasi di negara ini di mana responden dikaji telah bersetuju, tanpa mengira etnik, yang mereka diberi kebebasan untuk mengundi calon dan parti, terlibat dalam kegiatan persatuan dan boleh berbincangan hal politik.

Kesepaduan Sosial Dimensi Legitimasi

Dalam mengkaji dimensi kesepaduan sosial legitimasi, tiga pernyataan digunakan untuk menilai yang melibatkan badan bukan kerajaan, memperakui undang-undang agama yang berbeza dan sumber berita arus perdana melapor kepincangan tadbir urus kerajaan.

Jadual 15: Kesepaduan Sosial Legitimasi

Bil.	Pernyataan:	Melayu	Cina	India
1.	Badan Bukan Kerajaan (NGO) di Malaysia tidak diberi layanan yang sama oleh Kerajaan.	58.1	61.0	57.3
2.	Saya akui wujudnya undang-undang berkaitan agama yang berbeza di Malaysia.	79.2	67.0	69.6
3.	Banyak berita-berita kepincangan tadbir urus Kerajaan saya perolehi dari media arus perdana (RTM1, TV3, TV9, NTV7 dll.)	79.3	69.5	66.2

Peratusan tertinggi oleh responden, tanpa mengira etnik, bersetuju dan positif dengan pernyataan Banyak Berita-berita Kepincangga Tadbir Urus Kerajaan Saya Perolehi Dari Media Arus Perdana TV3, TV9, NTV7 dll.), Saya Akui Wujudnya Undang-Undang Berkaitan Agama yang Berbeza Di Malaysia dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) di Malaysia Tidak Diberi Layanan yang Sama Oleh Kerajaan. Apabila dikaji secara mendalam, peratusan etnik Melayu secara relatif adalah tinggi dengan pernyataan ini, diikuti India dan Cina yang terendah.

Gambaran umum menunjukkan dimensi kesepaduan sosial legitimasi, tanpa mengira etnik, mendapat persetujuan responden dikaji berkaitan sokongan diperolehi Badan Bukan Kerajaan, perakui undang-undang agama yang berbeza dan sumber berita arus perdana melapur kepincangan tadbir urus kerajaan. Namun begitu, secara relatif peratusan persetujuan Melayu adalah tinggi dan mengurang dibandingkan dengan respon India dan Cina.

Kesepaduan Sosial Dimensi Kesaksamaan

Dalam mengkaji dimensi kesepaduan sosial kesaksamaan, pernyataan rakyat pelbagai etnik akan bantu rakan sekerja berhadapan dengan kesusahan, jurang kemiskinan ketara, pekerja asing rampas kerja dan bantuan guaman mudah diperolehi telah dibina untuk mengukur dimensi ini.

Jadual 16: Kesepaduan Sosial Kesaksamaan

Bil.	Pernyataan:	Melayu	Cina	India
1.	Saya akan membantu rakan sekerja daripada etnik lain yang ditimpa kesusahan.	89.4	75.7	75.9
2.	Jurang kemiskinan di antara etnik masih ketara.	59.0	41.5	60.0
3.	Pekerja asing merampas peluang pekerjaan rakyat tempat	58.1	40.2	60.7
4.	Bantuan guaman mudah diperolehi di bandar ini	57.1	50.0	40.7

Majoriti responden tanpa mengira etnik bersetuju dan positif dengan pernyataan Saya Akan Membantu Rakan Sekerja Daripada Etnik Lain yang Ditimpa Kesusahan. Data menunjukkan peratus Melayu

peratusan tertinggi sekitar 90 peratus dengan Cina dan India sekitar 76%. Namun dengan dua pernyataan lain, etnik Melayu dan India bersetuju dengan peratusan tinggi sekitar 60 peratus tetapi Cina tidak merasakan pernyataan Jurang Kemiskinan di Antara Etnik Masih Ketara dan Pekerja Asing Merampas Peluang Pekerjaan Rakyat Tempatan itu bermasalah dengan etnik mereka. Manakala pernyataan Bantuan Guaman Mudah Diperolehi di Bandar Ini dirasakan berisiko oleh India tetapi Melayu dan Cina merasakan bantuan guaman itu masih dicapai walaupun dengan peratusan persetujuan yang rendah.

Pola jawapan dalam dimensi kesepaduan sosial kesaksamaan menunjukkan ada variasi dalam jawapan diberi dengan Melay positif tetapi Cina sering tidak begitu memikirkan suasana u sosial seperti kemiskinan dan pekerja asing. Etnik India didapati merasakan terpinggir dalam memperolehi bantuan guaman berbanding etnik Melayu dan Cina.

Kesan Pergaduhan Etnik di Sungai Petani

Responden mendapati punca utama yang boleh mencetuskan kembali insiden 2012 adalah isu perbezaan agama, perbezaan kaum budaya dan masalah gengsterisme. Peratusan tertinggi menunjukkan responden merasa tenteram dengan kehidupan mereka pada masa sekarang. Namun begitu, responden tanpa mengira etnik juga mengatakan mereka merasa bimbang dengan keselamatan hidup mereka di kawasan kediaman mereka sekarang ini.

Persepsi responden tentang hubungan di antara etnik menunjukkan mereka sudah bersedia untuk melibatkan diri dalam aktiviti sosial dan rekreasi dengan kaum lain, hadir dijemput untuk menghadiri satu-satu majlis yang diadakan oleh kaum lain dan mereka mengetahui tentang kegiatan gangster yang masih berleluasa di tempat mereka sekarang.

Semenjak Insiden Pergaduhan Sungai Petani 16 Disember 2012 itu berlaku, 'rasa berdendam masih dirasakan' dengan hanya peratusan yang kecil tetapi peratusan ini semakin meningkat tentang masih 'mempunyai perasaan benci' dan 'mereka masih menimbulkan perasaan curiga' terhadap kaum lain. Tetapi peratusan perasaan 'selesa apabila bergaul dengan kaum lain' telah meningkat menghampiri 70% dan mereka yang 'masih berminat untuk terus menetap di sini' mencecah dengan sebanyak 90%. Mengikut etnik, responden Indian yang paling terkesan oleh emosi traumatis dengan Insiden Pergaduhan Sungai Petani 2012 diikut oleh Melayu dan Cina.

Respond dikaji memohon agar keselamatan setempat mereka ditingkatkan. Dalam hal keselamatan di kawasan perumahan mereka, majoriti penduduk tanpa mengira etnik telah memberi maklumat kepada Polis untuk membantu pencegahan dan siasatan jenayah. Mereka juga perakui Polis, Rela dan Rukun Tetangga adalah agensi kerajaan yang telah banyak memberi bantuan dan menyelesaikan Insiden Pergaduhan di Sungai Petani pada masa kejadian itu berlaku. Mereka juga berharap, selain jawatankuasa setempat, agar rondaan polis di taman perumahan mereka dipertingkatkan lagi bagi membantu mencegah kejadian jenayah.

Gambaran keseluruhan menunjukkan peratusan perbezaan dalam pola hubungan etnik lain dengan antara mereka adalah secara relatifnya adalah kecil. Ini menandakan persepsi tentang hubungan baik dikongsi bersama di sebalik insiden pergaduhan itu meninggal kesan trauma dalam kehidupan bermasyarakat.

Perbincangan

Pertelingkahan dan pergaduhan etnik di Sungai Petani didapati mirip pertelingkahan etnik di Kampong Medan di Selangor, Lawas di Sarawak dan sepertimana juga yang telah berlaku di Amerika Syarikat, England dan Perancis. Walaupun bentuk konflik bersifat etnik, kemiskinan bandar, peminggiran, jenayah dan pengabaian sosial lebih didapati sebagai faktor utama kepada pergaduhan dan konflik sosial yang berlaku ini.

Perkembangan Bandar Sungai Petani telah dikaji dari sudut sejarah yang berasal sebagai pusat pertanian dan nelayan dalam era Kesultanan Kedah, ke pusat pentadbiran semasa penjajah dan ke pusat komersial dan perindustrian setelah negara merdeka hingga kini. Bandar ini mendapat manfaat dari limpahan pertumbuhan ekonomi Pulau Pinang hingga kawasan perindustrian dan perumahan berkembang pesat di sini. Namun begitu, pembangunan bukan sahaja memberi manfaat sosio-ekonomi kepada masyarakat pelbagai etnik di bandar ini tetapi juga dapat diperhatikan ada dalam kalangan mereka ini ditinggal arus pembangunan dan terperangkap dalam golongan pendapatan rendah dan putaran ganas kemiskinan antara generasi. Untuk memahami dan menjelaskan Insiden Pergaduhan Sungai Petani itu perlu diteliti dari perspektif sosiologikal dengan mengambil kira persekitaran Bandar Sungai Petani pada masa ini dalam proses sejarah sosial dan pembangunan pesat yang berlaku dilokaliti ini.

Responden dikaji mengikut taburan etnik, jantina, umur, pendidikan dan pekerjaan dan kawasan kediaman adalah seimbang. Walaupun begitu, tahap pendidikan mereka miliki adalah baik namun pekerjaan dan pendapatan mereka lebih ke arah pekerjaan dan bergaji sederhana ke bawah, terutamanya, dalam kalangan etnik India.

Dalam suasana sosio-ekonomi sedemikian mereka berhadapan dengan masalah hidup dengan kos biaya hidup, persekitaran tempat tinggal dan kos tanggungan pendidikan anak-anak mereka. Walaupun cabaran hidup masih dapat ditangani tetapi komuniti India merasakan kehidupan dan mobiliti sosial keluarga mereka lebih tertekan berbanding dengan Melayu dan Cina.

Tahap gejala sosial berada di tahap tidak berubah, dikuti tahap buruk dan amat kecil sekali diperakui tahap baik. Etnik India dan mereka dalam SES Pekerjaan Atasan merekodkan peratusan tahap buruk tertinggi. Gejala masalah sosial yang berlaku kepada diri sendiri dalam enam bulan lepas adalah hampir sama mengikut etnik, ia itu, merempit, gengsterisme dan melepak.

Tahap jenayah di kawasan perumahan yang kerap berlaku adalah di tahap tidak berubah, diikuti tahap buruk dan, akhir sekali, tahap baik. Responden India dan SES Pekerjaan Atasan paling berhadapan dengan tahap jenayah buruk. Peratusan kekerapan yang berlaku kejadian jenayah adalah 3 kali sebulan, terutamanya, dalam kalangan etnik India dan SES Pekerjaan Menengah. Tiga jenis jenayah utama adalah pecah rumah dan curi malam hari, peras ugut-pemerasan dan curi motosikal. Tanpa mengira etnik, responden dikaji tidak bersetuju dengan rasa ketakutan kepada jenayah dalam kehidupan mereka di tempat beriadah di taman-taman awam di hujung minggu, keselamatan anak di sekolah, berada seorang diri di rumah pada waktu malam, tidur malam bersendirian di rumah dan meletakkan motor di tempat parkir. Tetapi rata-rata mereka bersetuju dengan kewujudan pusat pusat hiburan berleluasa boleh menyumbang kepada jenayah dalam kehidupan mereka. Etnik India yang paling melaporkan banyak jenis jenayah ini berlaku kepada diri mereka.

Dua kenyataan tentang tindakan mereka yang jelas ketakutan terhadap jenayah di Sungai Petani adalah apabila berjalan kaki borseorangan dan pergi secara bersendirian untuk membeli barang pada waktu 10 malam ke atas. Kenyataan lain seperti mengambil teksi secara bersendirian, memandu kereta secara borseorangan, meninggalkan tempat kerja dan menaiki bas awam mereka tidak begitu merasa ketakutan terhadap jenayah di Sungai Petani walaupun berada di luar jam 10 malam ke atas.

Pola jawapan dalam dimensi kesepaduan sosial kesaksamaan menunjukkan ada variasi dalam jawapan diberi dengan Melayu positif tetapi Cina sering tidak begitu memikirkan suasana sosial itu seperti kemiskinan dan pekerja asing. Etnik India didapati terpinggir dalam memperoleh bantuan guaman berbanding etnik Melayu dan Cina.

Analisis keseluruhan kesepaduan sosial mengikut enam dimensi, iaitu, Perasaan Kekitaan, Keterangkuman, Penglibatan, Legitimasi dan Kesaksamaan, dikaji di kawasan kajian didapati adalah baik. Namun begitu, etnik Melayu sering menjawab dengan respon positif berbanding dengan etnik Cina dan India. Etnik Cina dan India merasakan kesepaduan sosial mereka tergugat dalam hubungan dengan jentera dan dasar kerajaan di mana mereka merasakan dipinggirkan. Dalam hal tertentu, etnik India merasakan mereka terpinggir oleh kemiskinan dan keterbatasan struktur sosial mereka berbanding dengan etnik Melayu dan Cina.

Dengan kesepaduan sosial yang baik, kesan pergaduhan ke atas masyarakat pelbagai etnik di Bandar Sungai Petani didapati tidak kekal meninggal rasa kesan ketakutan kepada etnik lain dan hubungan di antara mereka kembali harmoni, sepadu dan damai.

Kajian ini mendokong tesis Leo Kuper (1974) yang berpendapat negara masyarakat majmuk pasca kolonial seperti Malaysia perlu mengurus hubungan politik dalam membangun dan mentadbir urus negara dengan baik, adil dan terangkum. Hubungan politik berteraskan adil dan terangkum antara etnik dalam negara ini akan menjamin kesepaduan, kestabilan dan kemajuan dapat dikekalkan.

Cadangan Mengurus Kepincangan Sosial dan Jenayah

1. Dasar pembangunan negara mesti mengurus ketidaksamarataan, golongan pendapatan rendah dan golongan miskin yang terperangkap dalam putaran ganas kemiskinan antara generasi dengan adil dan terangkum.
2. Pembangunan komuniti perlu diutamakan untuk mengukuhkan institusi keluarga, pendidikan anak-anak mereka dalam komuniti, pendidikan hubungan etnik, dialog dan mediasi dalam komuniti, kegiatan ekonomi dan keusahawanan perlu diutamakan.
3. Memperkuatkan lagi Jawatankuasa Keselamatan Kemajuan dan Kampung, Jawatankuasa Perwakilan Muafakat Penduduk, Persatuan Penduduk dan Rukun Tetangga dalam mengurus masyarakat.
4. Di peringkat komuniti, tiga cadangan yang telah diberikan adalah kekerapan rondaan pihak Polis, mewujudkan rukun tetangga terdiri daripada golongan remaja dengan diberi elauan dan, akhir sekali, kekerapan rondaan dari rukun tetangga untuk memastikan masalah sosial dapat diurus dengan baik.
5. Bagi mencegah kegiatan jenayah pula di kawasan perumahan mereka, tiga cadangan diberikan adalah kempen kesedaran jenayah di tempat tinggal, peranan ibu bapa dalam mendidik serta mengawal anak-anak dan didikan agama secukupnya. Cadangan yang diutarakan ini menunjukkan mereka mengambil bukan kaedah perundangan tetapi bersifat strategi kemasyarakatan yang perlu dikukuhkan. Keluarga dan anak-anak mereka dikukuh dengan benteng agama untuk melahirkan anak-anak yang berperangai baik, kemahiran keibubapaan perlu ditingkatkan dalam kalangan keluarga, termasuk, digurukan peranan ibu bapa ini dalam pendidikan anak-anak mereka dan, akhir sekali, perlu diadakan kempen anti-jenayah dalam kawasan perumahan mereka.

Kesimpulan

Kajian Insiden Pergaduhan Sungai Petani 2012 merupakan satu fenomena sosial yang berlaku di beberapa bandar di Malaysia dan juga di seluruh dunia dan di mana pembangunan pesat berlaku diikuti dengan tidak seimbang sosial, tadbir urus bandar lemah dan keruntuhan komuniti telah membawa kepada keresahan, ketegangan, rusuhan dan konflik etnik dalam masyarakat itu.

Komuniti di bandar, masyarakat sivil dan agensi kerajaan yang ditugaskan untuk mengurus kesejahteraan hidup dan keselamatan bandar perlu mengambil langkah perancangan jangka panjang dan program bersifat klinikal demi mengurus golongan ketinggalan pembangunan ini. Setiap penduduk bandar setempat diberi peluang untuk mengalami mobiliti sosial, terutamanya dalam kalangan B40, belia dan generasi anak-anak mereka. Keharmonian, kedamaian dan kestabilan politik sesebuah negara tidak datang bergolek tetapi mendesak penggubal, pelaksana dasar dan program pembangunan negara ini untuk sentiasa melakukan penyelidikan dan pemantauan ke atas fenomena sosiologikal keruntuhan bandar ini sebagai asas tindakan mereka. Tanpa data penyelidikan sudah pasti pengurusan masalah dan cabaran gejala sosial dan jenayah di bandar-bandar ini, jika dilakukan, tidak akan menepati masalah dan cabaran realiti sosial yang mereka ingin uruskan itu.

Rujukan

Abdul Rahman Embong. 2002. *State-led Modernisation and the New Middle Class in Malaysia*. Basingstoke: Pelgrave

_____. 2007. *Rethinking Ethnicity and Nation-Building: Malaysia, Sri Lanka and Fiji in Comparative Perspective*, Kuala Lumpur: Persatuan Sains Sosial Malaysia

Adi Alhadi 1996. *Hikayat Merong Mahawangsa*. Kuala Lumpur: Edusystem

Apter, David E. And Nagayo Sawa. 1984. *Against the State: Politics and Social Protests in Japan*. Cambridge: Harvard University Press

Banton, Michael. 1983. *Racial and Ethnic Competition*. Cambridge: Cambridge University Press

_____. 1997. *Ethnic and Racial Consciousness*. Harlow: Longman

Banton, Michael, and Mansor Mohd Noor. 1992. *The study of ethnic alignment: a new technique and an application in Malaysia*. *Ethnic and Racial Studies* 15(4): 599-613

Barry, Brian. 2005. *Why Social Justice Matters*. Cambridge: Polity Press

Barth, Fredrik (ed). 1969. *Ethnic Groups and Boundaries in the Social Organisation of Cultural Differences*. London: Allen and Unwin

Bloom, C. 2010. *Violent London: 2000 Years of Riots, Rebels and Revolts*. Basingstoke: Palgrave Macmillan

Brass, Paul R. 2003. *The Production of Hindu-Muslim Violence in Contemporary India*. Oxford: Oxford University Press

Brennan, M. 1982. *Class, politics and race in modern Malaysia*. *Journal of Contemporary Asia* 12: 188-215

Brubaker, Rogers. 2004. *Ethnicity Without Groups*. Cambridge MA: Harvard University Press

Brubaker, Rogers, Margit Feischmidt, Jon Fox and Liana Grancea. 2006. Nationalist Politics and Everyday Ethnicity in a Transylvanian Town. Princeton: Princeton University Press.

Bruton, H.J. 1992. The Political Economy of Poverty, Equity and Growth: Sri Lanka and Malaysia. New York: Oxford University Press
Chakravaty, Shanti p. and Abdul Roslan Hakim. 2005. Ethnic nationalism and income distribution in Malaysia, The European Journal of Development Research 17(2): 270-288

Chamhuri Siwar. 1975 Class and class conflict in Malaysia, Journal of Contemporary Asia 5(4): 446-461

Chua,Amy. 2003. World on Fire:How exporting free market democracy breed ethnic hatred and global instability. New York: Doubleday

Coppel, Charles A. 1997. Revisiting Furnivall's 'plural society': Colonial Java as a mestizo society. Ethnic and Racial Studies 20(3): 563-79.

Clarke, Colin G. and Manjit Singh Sidhu. 1981. Pluralism and segregation in Peninsular Malaysia towns. in Population Dynamics in a Plural Society, edited by Manjit Singh Sindhu and Gavin W Jones. Kuala Lumpur: University of Malaya Cooperative Bookshop

Faaland, Just, J. R. Parkinson and Rais Saniman. 1990. Growth and Economic Inequality: Malaysia's New Economic Policy. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Freedman, Maurice. 1960. The Growth of a Plural Society in Malaysia. Pacific Affairs 33(2): 158-168

Gullick, J. M. 1964. Malaya, London: Ernest Benn

Hamilton, Malcolm. 1995. The Sociology of Religion London: Routledge

Harrison, David. 2003. The Sociology of Modernisation and Development. London: Routledge

Harrison, Lawerence and Samuel P hungtington (eds.). 2000. Culture Matters: How values shape human progress. New York: Basic Books

Hefner, Robert W. 2001. *The Politics of Multiculturalism: Pluralism and Citizenship in Malaysia, Singapore and Indonesia*. Honolulu: University Hawaii Press

Heng Pek Koon and Sieh Lee Mei Ling. 1988. *Chinese Politics in Malaysia: A history of the Malayan Chinese Association*. Kuala Lumpur: Oxford University Press

Herrenstein, Richard J and Charles Murray. 1994. *The Bell Curve: Intelligence and class structure in American Life*. New York: Free Press Paperback

Hirschman, Charles. 1975. *Ethnic and Social Stratification in Peninsular Malaysia*. Washington: American Sociological Association
_____. 1989. *Development and inequality in Malaysia: From Puthucheary to Mehmet*. Review Article. *Pacific Affairs* 62(1): 72-81.
Horowitz, Donald. 1983. *Ethnic groups in conflict: Theories, patterns, policies*. Berkeley: University of California Press.

Huntington, Samuel P. 1993. *The Third Wave: Democratisation in the Late 20th Century*. Cambridge: Harvard University Press

Ibrahim Ismail 1987. *Sejarah Kedah Sepintas Lalu*. Sintok: Penerbitan Universiti Utara Malaysia

Ishak Shari. 2000. *Economic growth and income inequality in Malaysia 1971-1995*. *Journal of Asia Pacific Economy* 5(1/2): 112-124

Jain, Ravindra Kumar. 2010. *Plural society, Ethnicity, Class: Malaysian Indians and the Crisis of Political Economy*. KITA Public Lecture No 1
Jayasooria, Denison. 2008. *Social Development and Indians in Malaysia*. Kuala Lumpur: Yayasan Strategik Sosial

Jesudason, James V. 1989. *Ethnicity and the Economy: The State, Chinese Business, and Multinationals in Malaysia*. Singapore: Oxford University Press

Jomo, K.S dan Ishak Shaari. 1986. *Development Policies and Income Inequality in Peninsular Malaysia*. Kuala Lumpur: Institute of Advanced Studies, University Malaya

JPNIN. 2010. *Social Stress Management System*. Putrajaya: Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional

JabilMapjabil, Nooriah Yusof dan Ahmad Tharmizie Mat Jusoh 2010. Transformasi Pembangunan Ekonomi Kedah: Pespektif Historikal. Prosiding PERKEM (5)2: 171-181

Just Faaland. 2003. Growth and Ethnic Inequality: Malaysia's New Economic Policy. Kuala Lumpur: Utusan Publication

Just Faaland, John Richard Parkinson dan Rais Saniman. 2005. Dasar Ekonomi Baru: Pertumbuhan negara dan pencapaian ekonomi orang Melayu. Kuala Lumpur: Utusan Publication

Kasper, Wolfgang. 1974. Malaysia: a study in successful economic development. Washington: American Enterprise Institute for Public Policy Research

Kheng K. S. 1994. Malaysia to 2003: From redistribution to growth. London: The Economic Intelligence Unit

Kuper, Leo. 1974. Race, Class and Power: Ideology and Revolutionary Change in Plural Societies, London: Duckworth

Kurtz, Lester. 1995. Gods in Global Village Thousands Oak, Calif. Pine Forge Press

Lee Kam Hing and Tan Chee Bin. 2001. The Chinese in Malaysia Kuala Lumpur: Oxford University Press

Leete, Richard. 2007. Malaysia: From kampong to twin towers: 50 years of economic and social development. Kuala Lumpur: Oxford Fajar

Lim, David. 1975. Readings on Malaysian Economic Development. Kuala Lumpur: Oxford University Press

Lim Kit Siang. 2009. Time Bombs in Malaysia. 30th Anniversary Edition. Kuala Lumpur: Research for Social Advancement

Lim Lim Lean. 1971. Some Aspects of Income Differential in West Malaysia. Kuala Lumpur: Universiti Malaya

Loh Kok Wah, Francis and Johan Saravanamuttu (Ed.). 2003. New Politics in Malaysia, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies

Lucas, Robert E and Douglas W. Verry. 1996. Growth and income distribution in Malaysia. International Labour Review 135(5): 553-575
Lupo, L 2011. Flak-Catchers: One Hundred Years of Riot Commission Politics in America. Lanham: Lexington

Majlis Konsultasi Perpaduan Nasional 2015. Laporan Pelan Perpaduan, Kesepadan dan Penyatupaduan Malaysia, Bangi: Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia

Malesevic, Sinisa. 2004. The Sociology of Ethnicity, London: SAGE Publications Ltd.

Mansor Mohd Noor. 1999b. Ethnic and religious conflict in Penang 4thAsean Inter-University Seminar on Social Development, Prince of Songkhla University, Pattani, Thailand

_____ 2000a. Social Conflicts in Indonesia and Malaysia: Could the Cause be Religious?" Jurnal Kajian Malaysia 1 & 2:188-206

_____ 2001a. Laporan Akhir Konflik Kampung Medan, Kuala Lumpur: JPNIN

_____ 2005a. Kesan Kemiskinan dan Kepinggiran Di Bandar Ke Atas Perpaduan Negara: Kajian Kes Insiden Kampung Medan", Perpaduan Bil 1:11-24

_____ 2006b. Laporan Akhir Pemantauan Perpaduan Kaum di Kampung Medan, Kuala Lumpur: JPNIN

_____ 2012. Kerencaman Sosial dan Penipisan batas Etnik: Kepelbagaian etnik dan kehidupan bersama di Malaysia, Penerbitan UKM: Bangi

Mansor Mohd. Noor, Abdul Rahman Aziz dan Mohammad Ainuddin Iskandar Lee. 2006. Hubungan Etnik di Malaysia, Kuala Lumpur: Prentice Hall Malaysia

Martinussen, John Degnbol-. 1997. Society, State and Market: a guide to competing theories of development. New York: st Martin Press

Ozay. 1986. Development in Malaysia: Poverty, wealth and Trusteeship. London: Croom Helm Publication

Milne, R. S. 1981 Politics in Ethnically Bipolar States: Guyana, Malaysia and Fiji. Vancouver: University of British Columbia Press

Mohd Taib Dora. 2000. Peminggiran Sosial: Keluarga Melayu termiskin bandar, Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia

Mohd Yaakub Hj Johari. 1992. Regional Development in Malaysia: Issues and challenges. Kota Kinabalu: Institute for Development Studies (Sabah)

Nagata, J. 1975. Perceptions of social inequality in Malaysia. In Pluralism in Malaysia: Myth and reality, edited by Judith Nagata, Special Issue of Contributions to Asian Studies 7: 113-36.

Ness, Gayl D. 1967. Bureaucracy and Rural Development in Malaysia. Berkeley: University California Press

Nor Hayati Sa'at. 2010. Keluar Dari Likaran: Mobiliti Dalam Koumiti Persisir Pantai, Tesis Ph.D. Kolej Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia

Nungsari Ahmad and Suryani Senja Alias. 2009. Readings on Development: Malaysia 2057. Uncommon Voices, common aspiration. Kuala Lumpur: Khazanah Nasional

NurAzura Sanusi, Abu Sufian Abu Bakar dan Nor Fadzlin Mohammad Ba 2005. Ke Arah Kedah Maju: DiAntara Perancangan dan Keupayaan. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia

Osman Rani. 1990. Economic development and ethnic integration: The Malaysian experience, Sojourn: 5(1): 1-34

Perumal M. 1989. Economic growth and income inequality in Malaysia 1957-84. Singapore Economic Review 34(2): 33-46

Purcell, Victor. 1967. The Chinese in Malaya, Kuala Lumpur: Oxford University Press

Puthucheary James J. 1960. Ownership and Control in the Malayan Economy, Singapore: Eastern Universities Press

- Ragayah Haji Mat zin. 2009. *Pertumbuhan dengan Kesetaraan: Realiti dan harapan*. Bangi:Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
- Rajakhrisnan, R. 1993. *Racial inequality and social construction in Malaysia*. *Journal of Asian and African Studies* 28(3/4): 217-229
- Rydgren and Dana Sofi. 2011. *Interethnic relations in northern Iraq*, *Current Sociology*, 26(1): 25-49
- Schneider, C. L. 2014. *Police Power and Riots: urban Unrest in Paris and New York*. Philadelphia: University of Pennsylvania Press
- Seers, Dudley 1969. *The Meaning of Development*. *International Development Review* 11(4): 3-4
- Seers, Dudley 1983. *The Political Economy of Nationalism*. New York: Oxford University Press
- Seers, Dudley, Nafziger, O'Brien and Bernstein 1979. *Development Theory: Four Critical Studies*. Edited by David Lehmann. London: Frank Cass
- Sen, Amryta. 1999 *Development as Freedom*. New York: Alfred A. Knorf
- Shamsul A.B. 1986. *From British to Bumiputera Rule*. Singapore: Institute of Southeast Studies
- _____. 1997. *The economic dimension of Malay nationalism: The socio-historical roots*, *The Developing Economies* 35(3): 240-61
- _____. 2008. *Many Ethnicities, Many cultures, One Nation: The Malaysian experience*. *Kertas Kajian Etnik Bil 2*
- Shamsulbahriah Ku Ahmad. *What are we trying to measure?: Conceptualising ethnic and gender inequality in Malaysia*. A paper for *The Fourth International Conference on Development and Future Studies*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Shireen Mardziah Hashim. 1998. *Income Inequality and Poverty in Malaysia*. Oxford: Rowman & Littlefield
- Smith, M.G. 1965. *The Plural Society in the British West Indies*, Berkeley: University Berkeley Press

Snodgrass, D.R 1980 Inequality and Economic Development in Malaysia, Kuala Lumpur: Oxford University Press

_____1995. Successful Economic Development In Multi-Ethnic Society: The Malaysian case. Development Discussion Paper 503. Massachusetts: Harvard Institute of international Development

Sivalingam, G. 1983. The New Economic Policy and the differential economic performance of the races in West Malaysia 1970-1985. In Economic performance in Malaysia: The insiders viewedited by ManningNash, New York: Professors WorldPeace Academy

Stenson, M. 1979. Class, Race and Colonialism In West Malaysia: The Indian case. St. Lucia: University of Queensland Press

Stewart, Francis, Brown, G and Mancini L. 2005. Why Horizontal Inequalities Matter: Some implication for measurement. CRISE Working Paper No 19

Szentes, Tamas. 1971. The Political Economy of Underdevelopment. Budapest:Akademiai Kiado

Tan, Chee Beng. 1987. Ethnic relations in Malaysia in historical and sociological perspectives. Kajian Malaysia 5(1): 99-119

Tan Tat Wai. 1982. Income Distribution and Determination in West Malaysia, Kuala Lumpur: Oxford University Press

Varshney, Ashutosh. 2001. Ethnic conflict and civil society: India and beyond, World Politics, 53(3): 362-298

_____2002. Ethnic Conflict and Civic Life: Hindus and Muslims in India, New Haven: Yale University Press

Wimmer, Andreas. 2004 'Does ethnicity matter? Everyday group formation in three Swiss immigrant neighbourhoods', Ethnic and Racial Studies 27(1):1-36

World Bank. 2002. Globalisation, Growth And Poverty: Building an inclusive world economy, World Bank:Washington D.C.

MEMANSUHKAN RUANG BANGSA DALAM BORANG RASMI KERAJAAN DAN SWASTA: PERSEPSI MASYARAKAT SEMENANJUNG MALAYSIA

Ismi Arif Ismail (UPM)
Dzuhalimi Dahalan (UPM)
Haslinda Abdullah (UPM)
Turiman Suandi (UPM)
Steven Eric Krauss (UPM)
Nurul Akhtar Kamarudin (UPM)

Abstrak

Makalah ini mengupas persepsi masyarakat Semenanjung Malaysia terhadap cadangan untuk memansuhkan ruang bangsa dalam borang rasmi kerajaan dan swasta. Kajian ini menggunakan pendekatan *mix method* dengan meneliti data primer pelbagai kes melibatkan seramai 1513 responden yang terdiri daripada masyarakat Semenanjung Malaysia merentas bangsa, generasi dan zon terpilih yang mewakili semua negeri. Kajian menunjukkan majoriti masyarakat di Semenanjung Malaysia tidak bersetuju dengan cadangan untuk memansuhkan ruang bangsa dalam borang rasmi kerajaan dan swasta. Masyarakat Cina dan India cenderung untuk bersetuju supaya ruang bangsa ditiadakan dari borang rasmi kerajaan dan swasta, berbeza dengan masyarakat Melayu dan Bumiputera Sabah/Sarawak yang menetap di Semenanjung. Persepsi masyarakat merentas generasi pula menunjukkan hanya Gen Z didapati cenderung untuk bersetuju. Hal ini begitu kontradik dari sudut pandang The Baby Boomers, Gen X dan Gen Y. Berasaskan penemuan kajian, pemansuhan ruang bangsa dari borang rasmi kerajaan dan swasta dilihat berpotensi mencetuskan polemik dan sensitiviti perkauman dalam masyarakat majmuk kerana wujud perbezaan signifikan dari sudut pandang masyarakat berbilang kaum merentas bangsa dan generasi. Kajian mencadangkan supaya ruang bangsa dalam borang rasmi kerajaan dan swasta dikekalkan tetapi dalam bentuk terbuka (open ended) tanpa ruang kotak yang menetapkan pilihan etnik/bangsa kepada pengisi borang, dan pada masa yang sama memasukkan perkataan ‘untuk peluang kesamarataan’ bersebelahan dengan ruang ini.

Kata kunci: Mansuh, Ruang bangsa, Borang rasmi, Masyarakat Semenanjung

Pengenalan

Ketika merasmikan Majlis Pelancaran Dialog Perpaduan pada 22 Februari 2014, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Joseph Kurup dalam teks ucapannya menyatakan:

"Bilakah setiap warga kita akan melihat diri mereka sebagai anak Malaysia dan bukan berdasarkan bangsa, hanya melihat saya sebagai Joseph Kurup dan bukan sebagai seorang Kadazan Dusun tetapi sebagai anak Malaysia. Selepas 50 tahun penubuhan Malaysia, sedihnya kita masih dipisahkan dengan identiti kaum dan agama. Mungkin sudah tiba masa untuk menghapuskan keperluan menamakan bangsa kita dalam sebarang borang dalam negara ini. Ini mungkin suatu permulaan."(JPNIN, 2014)

Dalam petikan teks ucapannya, beliau tidak dilihat menggesa agar Ahli Majlis Konsultansi Perpaduan Negara menerima cadangan agar ruang bangsa dimansuhkan dari sebarang bentuk borang, sebaliknya menyerahkan kepada kebijaksanaan mereka untuk memikirkan cadangan ini. Ucapan beliau kemudiannya telah menimbulkan pelbagai reaksi dari pelbagai pihak. Walaupun terdapat segelintir pihak cenderung untuk bersetuju dengan saranan ini (Tan Sri Lee Lam Thye, 2014), namun hal ini telah mendapat bantahan dalam kalangan Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang berpaksikan Melayu-Bumiputera serta segelintir pemimpin politik.

Naib Presiden II, Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA) mendakwa cadangan tersebut jelas menggambarkan sikap Joseph yang menyokong kesamarataan kaum, sekaligus menolak keistimewaan bangsa Melayu di dalam perlembagaan (Sinar Harian, 2014). Kenyataan bahawa orang Melayu tidak akan menyokong Umno jika Perdana Menteri Datuk Seri Najib Abdul Razak menerima cadangan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Joseph Kurup untuk menghapuskan perkataan bangsa dalam borang kerajaan dan swasta, juga antara ugutan yang disuarakan.

Hakikatnya, cadangan untuk menggugurkan ruang bangsa dalam borang kerajaan dan swasta melainkan bagi tujuan bincian dan statistik sahaja, telah lama diwar-warkan beberapa tahun kebelakangan sebelum dilontarkan semula oleh Tan Sri Joseph Kurup sekitar Februari 2014. Ia merupakan petikan kertas cadangan untuk menggalakkan operasi badan Kerajaan dalam mendokong Gagasan

1Malaysia yang sebenarnya dan termuat dalam tulisan Pelan Hala Tuju Program Transformasi Kerajaan (Kerajaan Malaysia, 2010).

Apa yang menarik, cadangan yang terkandung dalam Pelan Hala Tuju Program Transformasi Kerajaan pada ketika itu tidak menimbulkan perdebatan hangat dalam kalangan umum. Sehingga pertikaian berlaku beberapa tahun kemudian selepas daripada itu, maka YAB Perdana Menteri telah membuat kenyataan rasmi bahawa kabinet belum membuat keputusan untuk menggugurkan ruangan bangsa dalam borang rasmi kerajaan (The Malaysian Insider, 2014).

Persoalan utama ialah sejauhmana persepsi rakyat Malaysia secara majoriti berhubung isu ini? Apakah ramalan rakyat Malaysia secara umum berhubung kesan yang bakal berlaku di masa hadapan jika sekiranya cadangan untuk memansuhkan ruang bangsa dalam borang rasmi sama ada kerajaan ataupun swasta dilaksanakan? Adakah cadangan yang dikemukakan oleh YB Menteri dalam Dialog Perpaduan sebelum ini agar diwujudkan satu bangsa Malaysia mengambil kira dan mencerminkan pandangan rakyat Malaysia secara umum?

Persoalan di mana seseorang itu melihat diri mereka dari perspektif bangsa atau rakyat Malaysia sering menjadi fokus perdebatan apabila isu kesetiaan kepada negara atau rasisme dibincangkan. Ini diburukkan lagi apabila isu yang diperbahalkan melibatkan perspektif agama, bahasa dan budaya yang kesemuanya boleh menjadi amat emosional dan sensitif.

1. Rujuk artikel “Hapus Nama Bangsa dalam Borang: Lee Lam Thye Setuju Cadangan Joseph Kurup”. Dalam talian: <http://www.astroawani.com/news/show/hapus-nama-bangsa-dalam-boranga-lee-lam-thye-setuju-cadangan-joseph-kurup-30596?cp>
2. Rujuk artikel “Negara Tidak Akan Maju Jika Ramai Berfikir Macam Ibrahim Ali”. Dalam talian: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2014/02/27/negara-tidak-akan-maju-jika-ramaic-berfikir-macam-ibrahim-al/>
3. Rujuk Pelan Hala Tuju Program Transformasi Kerajaan, Bahagian “KeArah Kerajaan 1Malaysia”, halaman 90-91

Malah, persoalan ini pernah diajukan kepada Mantan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyidin Yassin oleh seorang pemimpin pembangkang pada satu ketika dahulu di Dewan Rakyat sama ada beliau bersedia untuk mengaku bahawa dirinya sebagai ‘rakyat Malaysia terlebih dahulu, kemudian bangsa Melayu adalah yang kedua’ (Harakahdaily, 2010). Bertitik tolak dari permasalahan yang timbul, makalah ini mengupas persepsi masyarakat di Semenanjung Malaysia terhadap pemansuhan ruang bangsa dalam borang rasmi kerajaan dan swasta.

Perbandingan dengan Praktis Negara Terpilih

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Joseph Entulu Belaun sebelum ini pernah menyatakan bahawa maklumat identiti kaum atau bangsa masih diperlukan dalam sesetengah borang rasmi kerajaan di negara ini kerana membabitkan aspek perundangan tertentu dan keperluan di bawah Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan (Berita Harian, 2015).

Praktis ini juga dilihat selari dengan keperluan di peringkat antarabangsa seperti yang diamalkan di United Kingdom dan Amerika Syarikat. Carian di internet mendapati di United Kingdom, borang rasmi dalam urusan kerajaan berkenaan permohonan rumah turut menggunakan ruang etnik atau bangsa. Terdapat 15 ruang maklumat bangsa asal diri pemohon dan pasangan (tidak termasuk maklumat bangsa asal lain-lain) telah dinyatakan dalam borang ini (Rajah 1).

Rajah 1: Contoh Helaian Borang Rasmi Kerajaan di United Kingdom

10. Language What is your spoken language? Which language do you prefer for written correspondence?		
Do you need an interpreter? YES <input type="checkbox"/> NO <input type="checkbox"/>		
11. Your sexuality Please tick the relevant box Are you: Heterosexual <input type="checkbox"/> Gay <input type="checkbox"/> Lesbian <input type="checkbox"/> Bisexual <input type="checkbox"/> Prefer not to state <input type="checkbox"/>		
12. Your religion Please tick the relevant box None <input type="checkbox"/> Christian <input type="checkbox"/> Buddhist <input type="checkbox"/> Hindu <input type="checkbox"/> Muslim <input type="checkbox"/> Sikh <input type="checkbox"/> Jewish <input type="checkbox"/> Other <input type="checkbox"/> If other please specify:		
13. Ethnic Origin		
Self	Partner	
White British		
White Irish		
Any other White background		Please specify:
Black or Black British: Black African		
Black or Black British: Black Caribbean		
Any other Black background		Please specify:
Asian or Asian British: Indian		
Asian or Asian British: Pakistani		
Asian or Asian British: Bangladeshi		
Any other Asian background		Please specify:
Mixed: White and Black African		
Mixed: White and Black Caribbean		
Mixed: White and Asian		
Any other mixed background		Please specify:
Chinese		
Other ethnic origin		Please specify:
Prefer not to state		
Your nationality		

Housing Application Form 3

4. Rujuk contoh borang rasmi kerajaan di United Kingdom dalam talian: [https://branding.walthamforest.gov.uk/ Documents/housing_application_form_oct08.pdf](https://branding.walthamforest.gov.uk/Documents/housing_application_form_oct08.pdf)

Manakala di Amerika Syarikat, maklumat bangsa turut digunakan dalam borang rasmi kerajaan berkenaan permohonan Social Security Card 5, di mana terdapat 7 maklumat ruang bangsa yang dinyatakan dalam borang ini (Rajah 2). Pemerhatian mendapati kedua-dua contoh borang rasmi yang digunakan di United Kingdom dan Amerika

Syarikat ini tidak mewajibkan pengisi untuk mengisi maklumat bangsa mereka.

Rajah 2: Contoh Helaian Borang Rasmi Kerajaan diAmerika Syarikat

SOCIAL SECURITY ADMINISTRATION
Application for a Social Security Card

Form Approved
OMB No. 1605-0050

NAME	First	Middle Initial	Last	
1 SOCIAL SECURITY CARD FULL NAME AT BIRTH IF OTHER THAN ABOVE	First	Middle Initial	Last	
OTHER NAMES USED				
2 Social Security number previously assigned to the person listed in item 1	First	Middle Initial	Last	
PLACE OF BIRTH (Do Not Abbreviate)	City	State or Foreign Country	4 DATE OF BIRTH MM/DD/YYYY	
5 CITIZENSHIP (Check One)	<input type="checkbox"/> U.S. Citizen	<input type="checkbox"/> Legal Alien Allowed To Work	<input type="checkbox"/> Legal Alien Not Allowed To Work (See Instructions On Page 15)	<input type="checkbox"/> Other (See Instructions On Page 15)
6 ETHNICITY Av. How Helpful or Useful? (Your Response Is Voluntary) <input type="checkbox"/> Yes <input type="checkbox"/> No	7 RACE Select One or More (Your Response Is Voluntary)	<input type="checkbox"/> Native Hawaiian	<input type="checkbox"/> American Indian	<input type="checkbox"/> Other Pacific Islander
		<input type="checkbox"/> Alaska Native	<input type="checkbox"/> Asian	<input type="checkbox"/> Middle Eastern
		<input type="checkbox"/> Asian	<input type="checkbox"/> Black/African American	<input type="checkbox"/> White
8 SEX	<input type="checkbox"/> Male	<input type="checkbox"/> Female		
A. PARENT/ MOTHER'S NAME AT HER BIRTH	First	Middle Initial	Last	
B. PARENT/ MOTHER'S SOCIAL SECURITY NUMBER	____ - ____ - ____			<input type="checkbox"/> Unknown
A. PARENT/ FATHER'S NAME	First	Middle Initial	Last	
B. PARENT/ FATHER'S SOCIAL SECURITY NUMBER	____ - ____ - ____			<input type="checkbox"/> Unknown
11 Has the person listed in item 1, or anyone acting on his/her behalf ever filed for or received a Social Security card before?	<input type="checkbox"/> Yes	<input type="checkbox"/> No	<input type="checkbox"/> Don't Know (If "Don't Know," skip to question 14.)	
12 Name shown on the most recent Social Security card issued for the person listed in item 1.	First	Middle Initial	Last	
13 Enter any different date of birth if used on an earlier application for a card.	____/____/____			
14 TODAY'S DATE	15 DAILY TIME PHONE NUMBER	Area Code	Number	
16 MAILING ADDRESS (Do Not Abbreviate)	Street Address, Apt. No., P.O. Box, Route/Road No.	City	State/Foreign Country	ZIP Code
I declare under penalty of perjury that I have answered all the questions on this form, and on any accompanying statements, in full, and it is true and correct to the best of my knowledge.				
17 YOUR SIGNATURE	18 YOUR RELATIONSHIP TO THE PERSON IN ITEM 1 IS:			
(DO NOT WRITE BELOW THIS LINE (FOR SSA USE ONLY))				
IRM	DOC	INT	CRM	DTN
REC	EVA	EVC	MIN	LPR
EVIDENCE SUBMITTED				
SIGNATURE AND TITLE OF SSA OFFICER PREPARED, EVIDENCE AND/OR CONDUCTED AND PURCHASED				
DATE				
SSA-5 (Rev. 08-2011) (08-2011) (08-2011)				

Sumber: Social Security Administration USA

Berbeza dengan United Kingdom dan Amerika Syarikat, borang rasmi dalam urusan kerajaan di Malaysia mewajibkan pengisi untuk mengisi maklumat bangsa mereka. Dalam urusan yang melibatkan sistem atas talian, pengisi tidak boleh memajukan borang rasmi yang berkaitan dengan urusan kerajaan selagi maklumat bangsa mereka tidak dilengkappkan. Carian di internet mendapati contoh helaian borang rasmi kerajaan yang mewajibkan pengisian maklumat bangsa pengisi (Rajah 3) 6.

- Rujuk contoh borang rasmi kerajaan di Amerika Syarikat dalam talian: <https://www.ssa.gov/forms/ss-5.pdf>
- Rujuk contoh borang rasmi Kerajaan Malaysia dalam talian: http://imej.spa.gov.my/dev/pdf/BORANG_PEMERIKSAAN_KESIHATAN.pdf

Rajah 3: Contoh Helaian Borang Rasmi Kerajaan Malaysia

LAMPIRAN A
(Pn. 1/2013)

**BORANG PERMOHONAN PEMERIKSAAN PERIBATAN
UNTUK PELANTIKAN KE DALAM PERKHIDMATAN AWAM**

Pemohon hendaklah mengisi maklumat di Bahagian A, B dan C dan menyertakan Borang ini bersama-sama dengan tawaran pelantikan kepada pengurusan perintauan buat sebelum penerbitan perintauan dibuat.

Untuk tujuan penerbitan, pemohon hendaklah menyertakan bacaan rumah (atau pernah memakai) dan kewarganegaraan (jika ada).

A. BIODATA
(Dibutuhkan berjaya pengambil perbadan berdaftar)

Nama Penuh: _____

Jawatan Yang Diwartakan: _____

Alamat: _____

No. Kad Pengenalan Terkini/ Polar Passport: _____

Umur:

--	--

 tahun

Justis: Lelaki Perempuan Warganegara: Malaysia
 Lat-Lat (Nyatakan)

Agama: Islam Hindu Hindu Kristian Lat-Lat (Nyatakan)

Baikuc: Melayu Cina India Lat-Lat (Nyatakan)

Status Perkahwinan: Bujang Berkahwin Perubah Perkahwinan

Kumpulan Dusun:
(jika diperlukan) _____ No. Telefon:

--	--	--	--	--	--

Maklumat warisan:

Nama: _____

Hubungan: _____

Alamat: _____

No. Telefon:

--	--	--	--	--	--

Sumber: Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan kuantitatif. Oleh sebab kajian ini mempunyai matlamat yang spesifik, maka konstruk utama kajian merupakan pengukuran persepsi masyarakat berbilang kaum terhadap cadangan untuk memansuhkan ruang bangsa dalam borang rasmi kerajaan dan swasta. Pembentukan konstruk pengukuran utama kajian ini melibatkan pengumpulan data sekunder yang berkait dengan cadangan memansuhkan ruang bangsa dalam borang rasmi kerajaan dan swasta. Ini melibatkan analisis literatur daripada media massa yang melaporkan ulasan pihak tertentu berkaitan dengan cadangan ini. Analisis kandungan (content analysis) ini bertujuan untuk membangunkan pemboleh ubah yang relevan pada konstruk utama kajian, selain bertujuan bagi menilai sejauhmana kebenaran dakwaan pihak tertentu berhubung isu ini berdasarkan persepsi masyarakat berbilang kaum secara umum.

Walau bagaimanapun, dapatan kajian rintis menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang rendah dengan nilai Cronbach's Alpha .144 pada konstruk utama kajian. Oleh kerana dapatan sebenar kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif, maka penyelidik telah mengadaka sesi Kumpulan Perbincangan Berfokus (FGD) sebagai n daripada sesi pra-ujji instrumen khusus mengenai konstruk utama kajian ini. Ia bertujuan untuk menilai maklum balas responden berhubung respon 'tidak pasti' yang tinggi pada pemboleh ubah konstruk utama, di mana ia dilihat menyumbang kepada tahap Cronbach Alpha yang rendah pada dapatan kajian rintis. Menerusi pemboleh ubah yang diukur, dapatan kualitatif mendapati responden sukar meramalkan implikasi yang berlaku berasaskan dakwaan sesetengah pihak yang mengulas isu ini secara umum jika sekiranya cadangan untuk memansuhkan ruang bangsa dalam borang rasmi kerajaan dan swasta dilaksanakan. Malah berdasarkan pemerhatian penyelidik, senarai pemboleh ubah yang diukur turut menimbulkan polemik dan tafsiran yang pelbagai tentang isu memansuhkan ruang bangsa dalam borang rasmi kerajaan dan swasta.

Oleh sebab itu, penyelidik memutuskan agar pengukuran persepsi masyarakat pelbagai kaum berhubung isu ini tidak harus 'diaturkan' menerusi pemboleh ubah kajian yang dibangunkan sebelum ini. Penyelidik turut beranggapan bahawa masyarakat pelbagai kaum seharusnya diberikan kebebasan untuk menyatakan pandangan mereka terhadap isu ini tanpa dipengaruhi oleh dakwaan pihak

tertentu. Justeru, konstruk utama kajian hanya mengkehendaki responden memilih sama ada untuk bersetuju atau tidak bersetuju dengan cadangan memansuhkan ruang bangsa dalam borang rasmi kerajaan dan swasta. Setiap pilihan jawapan yang diberikan memerlukan responden untuk menyatakan pendirian atau alasan mereka.

Kajian ini menggunakan teknik pensampelan rawak mudah melibatkan seramai 1513 orang responden sahaja. Sewajarnya dengan tahap keyakinan (confidence level of) 95% dan margin kesilapan (margin of error of) 5%, saiz sampel sepatutnya dibolehkan pada sekitar 384 orang responden (Raosoft, 2009). Untuk itu, jumlah responden yang terlibat dengan kajian ini adalah seramai 1513 orang bagi memastikan sampel akhir kajian sekurang-kurangnya meliputi 384 orang di mana dapatan kajian boleh diterimakan bagi mewakili masyarakat Semenanjung Malaysia. Kriteria pensampelan responden mengambil kira kumpulan bangsa/etnik yang diwakili, merentas generasi umur serta bersesuaian dengan nisbah populasi bangsa/etnik utama di Malaysia iaitu 6 (Melayu): 3 (Cina): 1 (India). Oleh kerana kajian melibatkan persepsi masyarakat berbilang kaum di Semenanjung Malaysia sahaja, maka responden kajian dipecahkan mengikut empat zon utama yang mewakili Semenanjung Malaysia iaitu Utara (Pulau Pinang); Selatan (Johor); Timur (Pahang) dan Tengah (Selangor). Kajian lapangan dilakukan antara bulan Jun hingga September 2015.

Penganalisisan konstruk utama kajian yang mengukur pandangan responden berhubung cadangan untuk memansuhkan ruang bangsa dalam borang rasmi kerajaan dan swasta adalah menjadi tumpuan dalam proses analisis data. Oleh kerana maklum balas persetujuan atau ketidaksetujuan responden terhadap persoalan ini berbentuk tulisan (non-categorical), maka data kajian setiap responden telah dikategorikan terlebih dahulu kepada tema yang spesisik supaya satu rumusan pandangan mereka boleh diberikan. Secara khususnya, terdapat enam kategori pilihan rumusan yang dibentuk untuk tujuan analisa pandangan responden yang bersetuju agar ruang bangsa ditiadakan dari borang rasmi kerajaan/swasta iaitu: 1) Keadilan semua bangsa/elak diskriminasi; 2) Memupuk perpaduan; 3) Menghapuskan jurang perbezaan kaum; 4) Mewujudkan satu bangsa/bangsa Malaysia; 5) Tiada keperluan/tidak penting ruang ini; dan 6) Memudahkan urusan rasmi. Manakala, terdapat sebanyak tujuh kategori pilihan rumusan pula yang dibentuk untuk tujuan analisa pandangan responden yang tidak bersetuju

agar ruang bangsa ditiadakan dari borang rasmi kerajaan dan swasta iaitu: 1) Meraikan kepelbagaian; 2) Kepelbagaian bangsa melambangkan identiti Malaysia; 3) Memelihara hak keistimewaan Melayu/Bumiputera; 4) Penting untuk dokumentasi pengenalan diri/ statistik; 5) Tiada implikasi perpaduan; 6)Penting untuk pengambilan pekerjaan/penyusunan organisasi pentadbiran; dan 7) Boleh menebalkan semangat perkauman.

Hasil Kajian

Profil responden

Profil demografi responden diterangkan mengikut jantina, bangsa, kategori generasi, lokasi kediaman dan profil masyarakat di kawasan kediaman. Jadual 1 menunjukkan lebih daripada separuh responden (65.4%) terdiri daripada perempuan, manakala lelaki mewakili 34.6%. Pecahan mengikut bangsa menunjukkan majoriti responden (58.7%) berbangsa Melayu, diikuti Cina (23.9%), India (23.9%), Bumiputera Sabah/Sarawak (5.3%) dan lain-lain bangsa sebanyak 0.2%. Kategori responde merentas generasi pula menunjukkan majoriti mereka (61.5%) merupakan Gen Z. Ini diikuti dengan Gen Y (18.9%), Gen X (16.2%) dan The Baby Boomers (3.4%). Sebanyak 50.3% responden tinggal di kawasan bandar, 20.6% kampung, 15.2% pekan dan selebihnya di kawasan pinggir bandar. Responden turut ditanya sama ada mereka tinggal dalam masyarakat berbilang kaum atau tidak. Majoriti (80%) tinggal di masyarakat berbilang kaum, sementara 16% tidak. Selebihnya (4%) tidak pasti sama terdapat masyarakat dari kaum yang lain yang tinggal di tempat mereka.

Jadual 1: Profil Demografi Responden (n=1513)

Latar belakang		Peratus
Jantina	Lelaki	34.6
	Perempuan	65.4
Bangsa	Melayu	58.7
	Cina	23.9
	India	11.9
	Bumiputera Sabah/Sarawak	5.3
	Lain-lain	0.2
Generasi	The Baby Boomers	3.4
	Gen X	16.2
	Gen Y	18.9
	Gen Z	61.5
Lokasi	Kampung	20.6
Kediaman	Bandar	50.3
	Pinggir bandar	13.9
	Pekan	15.2
Profil masyarakat di tempat tinggal	Berbilang kaum	80.0
	Sama kaum	16.0
	Tidak pasti	4.0

Persepsi Responden terhadap Cadangan Mansuh Ruang Bangsa

Kajian mendapati majoriti responden (56.6%) tidak bersetuju dengan cadangan untuk memansuhkan ruang bangsa dalam borang rasmi kerajaan dan swasta. Manakala, 43.4% responden dilihat bersetuju dengan cadangan ini. Jadual 2 meringkaskan dapatkan berkenaan persetujuan responden terhadap cadangan memansuhkan ruang bangsa dalam borang rasmi kerajaan dan swasta.

Jadual 2: Persetujuan Mansuh Ruang Bangsa (n=1513)

Cadangan mansuh	Peratus
Setuju	43.4
Tidak setuju	56.6

Jadual 3 menunjukkan alasan responden yang bersetuju dengan cadangan supaya ruang bangsa dimansuhkan dari borang rasmi kerajaan dan swasta. Data menunjukkan terdapat tiga alasan tertinggi yang menyebabkan mereka bersetuju dengan cadangan ini iaitu ‘Mewujudkan satu bangsa/Bangsa Malaysia’ (27.9%); ‘Keadilan semua bangsa/elak diskriminasi’ (27.2%); dan ‘Memupuk perpaduan’ (25.3%). Alasan-alasan lain yang dikemukakan responden adalah memansuhkan ruang bangsa dapat menghapuskan jurang perbezaan kaum (13.3%), tidak kurang yang menganggap ruang ini tidak penting (5.1%) serta melihatnya sebagai memudahkan urusan rasmi (1.2%).

Jadual 3: Alasan Responden Bersetuju Mansuh (n=1513)

Alasan bersetuju mansuh	Peratus
Memudahkan urusan rasmi	1.2
Tiada keperluan/tidak penting ruang ini	5.1
Mewujudkan satu bangsa/Bangsa Malaysia	27.9
Menghapuskan jurang perbezaan kaum	13.3
Memupuk perpaduan	25.3
Keadilan semua bangsa/elak diskriminasi	27.2

Jadual 4 menunjukkan alasan responden yang tidak bersetuju dengan cadangan supaya ruang bangsa dimansuhkan dari borang rasmi kerajaan dan swasta. Hampir separuh daripada responden (46.7%) tidak bersetuju dengan cadangan ini atas alasan penting bagi dokumentasi pengenalan diri/statistik. Antara 10 – 20% responden menyatakan ruang bangsa perlu dikekalkan bagi memelihara hak keistimewaan Melayu/Bumiputera dan melihat kepelbagaiannya bangsa sememangnya melambangkan identiti negara ini. Manakala, kurang daripada 10% responden tidak bersetuju mansuh atas alasan bahawa tiada implikasi perpaduan (jika mansuh), meraikan kepelbagaiannya, boleh menebalkan semangat perkauman dan penting bagi tujuan pengambilan pekerja/penyusunan organisasi.

Jadual 4: Alasan Responden yang Tidak Bersetuju Mansuh (n=1513)

Alasan tidak bersetuju mansuh	Peratus
Boleh menebalkan semangat perpaduan	3.0
Penting untuk pengambilan pekerja/penyusunan organisasi	2.6
Tiada implikasi perpaduan	9.0
Penting untuk dokumentasi pengenalan diri/statistik	46.7
Memelihara hak keistimewaan Melayu/Bumiputera	17.5
Kepelbagaian bangsa melambangkan identiti Malaysia	12.8
<u>Meraikan kepelbagaian</u>	<u>8.4</u>

Kajian mendapati responden berbangsa Cina (82%), India (80.6%) dan bangsa lain-lain (100.0%) cenderung untuk bersetuju supaya ruang bangsa dimansuhkan dari borang rasmi kerajaan dan swasta.

Manakala, responden berbangsa Melayu dan Bumiputera Sabah/Sarawak (menetap di Semenanjung) dilihat tidak bersetuju dengan cadangan ini, masing-masing dengan skor 78.3% dan 77.5%. Jadual 5 meringkaskan dapatan persepsi responden terhadap cadangan memansuhkan ruang bangsa dalam borang rasmi kerajaan dan swasta mengikut bangsa.

Jadual 5: Persetujuan Mansuh berdasarkan Bangsa Responden (n=1513)

Bangsa	Setuju/Tidak	Peratus
Melayu	Setuju	21.7
	Tidak setuju	78.3
Cina	Setuju	82.0
	Tidak setuju	18.0
India	Setuju	80.6
	Tidak setuju	19.4
Bumiputera Sabah/ Sarawak	Setuju	22.5
	Tidak setuju	77.5
Lain-lain	Setuju	100.0
	Tidak setuju	0.0

Ujian ANOVA-sehala digunakan untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan yang signifikan pada persepsi responden berkenaan cadangan memansuhkan ruang bangsa merentas etnik/bangsa. Analisis mendapati terdapat perbezaan yang signifikan dari segi persepsi responden merentas bangsa [$F(1513)=191.230$, $p<.05$]. Ini bermaksud setiap bangsa memiliki perbezaan pandangan terhadap cadangan untuk memansuhkan ruang bangsa dari borang rasmi kerajaan dan swasta. Jadual 6 meringkaskan dapatan perbezaan persepsi responden terhadap cadangan memansuhkan ruang bangsa dalam borang rasmi kerajaan dan swasta.

Jadual 6: Perbezaan Persepsi Merentas Bangsa (n=1513)

Bangsa	N	Min	SP	F	P
Melayu	888	1.78	.413	191.230	.000
Cina	362	1.18	.384		
India	180	1.19	.397		
Bumiputera Sabah/Sarawak	80	1.78	.420		
Lain-lain	3	1.00	.000		

Jadual 7 menunjukkan alasan responden merentas bangsa yang bersetuju supaya ruang bangsa dimansuhkan dari borang rasmi kerajaan dan swasta. Kajian mendapati responden berbangsa Melayu (32.2%) dan Sabah/Sarawak (41.2%) bersetuju supaya ruang bangsa dalam borang rasmi kerajaan dan swasta dimansuhkan dengan alasan untuk memupuk perpaduan kaum. Responden berbangsa India dan lain-lain bangsa pula cenderung bersetuju secara majoriti (37.0%) dan (100%) supaya memansuhkan ruang bangsa dengan alasan untuk mewujudkan satu bangsa/Bangsa Malaysia. Hanya responden berbangsa Cina sahaja yang bersetuju memansuhkan ruang bangsa ini dengan alasan untuk menegakkan keadilan semua kaum/mengelakkan diskriminasi.

Jadual 7: Alasan Bersetuju Mansuh Merentas Bangsa Responden (n=1513)

Bangsa	Alasan Bersetuju Mansuh	Peratus
Melayu	Memudahkan urusan rasmi	3.6
	Tiada keperluan/tidak penting ruang ini	9.0
	Mewujudkan satu bangsa/Bangsa Malaysia	24.6
	Menghapuskan jurang perbezaan kaum	15.6
	Memupuk perpaduan	32.2
Cina	<u>Keadilan semua bangsa/elak diskriminasi</u>	15.0
	Memudahkan urusan rasmi	0.0
	Tiada keperluan/tidak penting ruang ini	4.5
	Mewujudkan satu bangsa/Bangsa Malaysia	25.3
	Menghapuskan jurang perbezaan kaum	12.6
India	Memupuk perpaduan	24.2
	<u>Keadilan semua bangsa/elak diskriminasi</u>	33.4
	Memudahkan urusan rasmi	0.7
	Tiada keperluan/tidak penting ruang ini	2.2
	Mewujudkan satu bangsa/Bangsa Malaysia	37.0
Bumiputera	Menghapuskan jurang perbezaan kaum	13.0
	Memupuk perpaduan	17.4
	<u>Keadilan semua bangsa/elak diskriminasi</u>	29.7
	Memudahkan urusan rasmi	0.0
	Tiada keperluan/tidak penting ruang ini	0.0
Sabah/ Sarawak	Mewujudkan satu bangsa/Bangsa Malaysia	17.6
	Menghapuskan jurang perbezaan kaum	5.9
	Memupuk perpaduan	41.2
	<u>Keadilan semua bangsa/elak diskriminasi</u>	35.3
	Memudahkan urusan rasmi	0.0
Lain-lain	Tiada keperluan/tidak penting ruang ini	0.0
	Mewujudkan satu bangsa/Bangsa Malaysia	100.0
	Menghapuskan jurang perbezaan kaum	0.0
	Memupuk perpaduan	0.0
	<u>Keadilan semua bangsa/elak diskriminasi</u>	0.0

Dapatan kajian menunjukkan responden tidak kira bangsa secara majoriti tidak bersetuju dengan cadangan memansuhkan ruang bangsa dari borang rasmi kerajaan dan swasta dengan alasan ruang ini penting untuk dokumentasi pengenalan diri dan tujuan statistik. Responden berbangsa Melayu dan Bumiputera Sabah/Sarawak tidak bersetuju atas alasan memelihara hak keistimewaan Melayu/Bumiputera dengan skor yang agak tinggi, di mana alasan ini tidak menjadi perhatian responden Cina dan India. Jadual 8 meringkaskan dapatan alasan tidak bersetuju responden merentas bangsa.

Jadual 8: Alasan Tidak Bersetuju Mansuh Merentas Bangsa Responden (n=1513)

Bangsa	Alasan Bersetuju Mansuh	Peratus
Melayu	Meraikan kepelbagaian	7.6
	Kepelbagaian bangsa melambangkan identiti Malaysia	12.6
	Memelihara hak keistimewaan Melayu/Bumiputera	20.7
	Penting untuk dokumentasi pengenalan diri/statistik	46.6
	Tiada implikasi perpaduan	6.6
	Penting untuk pengambilan pekerja/penyusunan organisasi pentadbiran	3.0
Cina	Boleh menebalkan semangat perkauman	2.9
	Meraikan kepelbagaian	10.2
	Kepelbagaian bangsa melambangkan identiti Malaysia	11.9
	Memelihara hak keistimewaan Melayu/Bumiputera	0.0
	Penting untuk dokumentasi pengenalan diri/statistik	39.0
	Tiada implikasi perpaduan	37.3
India	Penting untuk pengambilan pekerja/penyusunan organisasi pentadbiran	0.0
	Boleh menebalkan semangat perkauman	1.6

India	Meraikan kepelbagaian	19.2
	Kepelbagaian bangsa melambangkan identiti Malaysia	7.7
	Memelihara hak keistimewaan Melayu/Bumiputera	0.0
	Penting untuk dokumentasi pengenalan diri/statistik	57.7
	Tiada implikasi perpaduan	7.7
	Penting untuk pengambilan pekerja/penyusunan organisasi pentadbiran	0.0
Bumiputera Sabah/ Sarawak	Boleh menebalkan semangat perkauman	7.7
	Meraikan kepelbagaian	12.3
	Kepelbagaian bangsa melambangkan identiti Malaysia	17.5
	Memelihara hak keistimewaan Melayu/Bumiputera	10.5
	Penting untuk dokumentasi pengenalan diri/statistik	50.9
	Tiada implikasi perpaduan	5.3
	Penting untuk pengambilan pekerja/penyusunan organisasi pentadbiran	0.0
	Boleh menebalkan semangat perkauman	3.5

Jadual 9 pula menunjukkan persepsi responden berkenaan cadangan memansuhkan ruang bangsa dari borang rasmi kerajaan dan swasta merentas generasi. Kajian mendapati majoriti responden merentas generasi daripada The Baby Boomers (58.2%), Generasi X (79.2%) hingga ke Generasi Y (72.7%) tidak bersetuju dengan cadangan untuk memansuhkan ruang bangsa dari borang rasmi kerajaan/swasta. Hanya Generasi Z sahaja (54.4%) yang didapati bersetuju dengan cadangan ini.

Jadual 9: Persetujuan Mansuh berdasarkan Merentas Generasi (n=1513)

Generasi	Setuju/Tidak	Peratus
<i>The baby boomers</i>	Setuju	41.2
	Tidak setuju	58.8
Gen X	Setuju	20.8
	Tidak setuju	79.2
Gen Y	Setuju	27.3
	Tidak setuju	72.7
Gen Z	Setuju	54.4
	Tidak setuju	45.6

Jadual 10 mengenalpasti sama ada terdapat perbezaan signifikan atau tidak pada persepsi responden berkenaan cadangan memansuhkan ruang bangsa dari borang rasmi kerajaan dan swasta merentas generasi. Analisis mendapati terdapat perbezaan yang signifikan dari segi pandangan responden merentas generasi [$F(1513)=45.982$ $p<.05$]. Ini bermaksud setiap generasi memiliki pandangan yang berbeza terhadap cadangan ini.

Jadual 10: Perbezaan Persepsi Merentas Generasi (n=1513)

Bangsa	N	Min	SP	F	P
<i>The Baby Boomers</i>	51	1.59	.497	45.982	.000
Generasi X	245	1.79	.407		
Generasi Y	286	1.73	.446		
Generasi Z	931	1.46	.498		

Berdasarkan lokasi tempat kediaman, majoriti responden dari kawasan kampung (67.2%) dilihat paling tidak bersetuju dengan cadangan untuk memansuhkan ruang bangsa dalam borang rasmi kerajaan dan swasta. Ketidaksetujuan ini turut meliputi majoriti responden yang tinggal di kawasan pekan (64.9%) dan pinggir bandar (58.1%). Sementara itu, majoriti responden yang tinggal di bandar kelihatan bersetuju (50.6%) dengan cadangan ini. Walaupun begitu, peratusannya tidak begitu ketara jika dibandingkan dalam kalangan mereka yang tidak bersetuju dengan cadangan ini iaitu sebanyak 49.4%.

Jadual 11: Persetujuan Mansuh Merentas Lokasi Kediaman (n=1513)

Lokasi kediaman	Setuju/Tidak	Peratus
Bandar	Setuju	50.6
	Tidak setuju	49.4
Pekan	Setuju	35.1
	Tidak setuju	64.9
Pinggir bandar	Setuju	41.9
	Tidak setuju	58.1
Kampung	Setuju	32.8
	Tidak setuju	67.2

Perbincangan

Kajian menunjukkan majoriti masyarakat di Semenanjung Malaysia tidak bersetuju dengan cadangan memansuhkan ruang bangsa dalam borang rasmi kerajaan dan swasta dengan alasan bahawa ruang bangsa ini penting untuk tujuan dokumentasi pengenalan diri dan statistik. Dapatan ini dilihat mempunyai konsistensi dengan dapatan lain dalam kajian ini. Walaupun, secara majoriti kajian menunjukkan masyarakat Cina dan India di Semenanjung dilihat cenderung untuk bersetuju dengan cadangan memansuhkan ruang bangsa dalam borang rasmi kerajaan dan swasta, namun dalam kalangan mereka (Cina dan India) yang tidak bersetuju dengan cadangan ini mengakui bahawa ruang bangsa penting untuk tujuan dokumentasi pengenalan diri/statistik (Lihat Jadual 5 dan 8). Oleh sebab itu, terdapat kenyataan daripada Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Joseph Entulu Belaun sebelum ini yang menyebut bahawa maklumat identiti kaum atau bangsa masih diperlukan dalam sesetengah borang rasmi kerajaan di negara ini kerana membabitkan aspek perundangan tertentu dan keperluan di bawah Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan (Berita Harian, 2015). Perkara ini turut disentuh dari sudut Perlembagaan Persekutuan oleh salah seorang pemimpin NGO Melayu yang menentang cadangan ini satu ketika dulu (Sinar Harian, 2014).

Sementara itu, masyarakat Semenanjung yang bersetuju agar ruang bangsa dimansuhkan telah melihat cadangan ini sebagai peluang terbaik ke arah mewujudkan satu bangsa atau Bangsa Malaysia di negara ini. Pandangan mereka dilihat selari dengan konteks pandangan Tan Sri Joseph Kurup ketika merasmikan Dialog Perpaduan

Majlis Konsultansi Perpaduan Negara pada 22 Februari 2014 yang menyatakan bahawa masyarakat Malaysia masih dipisahkan dengan identiti kaum dan agama walaupun selepas 50 tahun penubuhan Malaysia (JPNIN, 2014). Secara prinsipnya, pandangan masyarakat semenanjung yang bersetuju untuk memansuhkan ruang bangsa dalam borang rasmi kerajaan dan swasta tidak boleh diterjemah secara umum sebagai mempunyai ‘maksud yang tersirat’. Ini kerana rekabentuk generik penyelidikan kualitatif dalam kajian ini tidak mengambilkira sepenuhnya konsep triangulasi tertentu khususnya di dalam memahami secara mendalam persepsi masyarakat mengenai subjek kajian. Analisis soalan-soalan terbuka dilakukan secara *surface* bagi melihat tema pandangan masyarakat secara umum. Oleh itu, pandangan segelintir masyarakat Semenanjung merentas bangsa yang bersetuju dengan cadangan untuk memansuhkan ruang bangsa dalam borang rasmi kerajaan dan swasta dalam kajian ini tidak boleh disifatkan sebagai prejedis, *racist* atau sarat dengan maksud yang tersirat melainkan terdapat bukti empirikal yang menunjukkan sebaliknya berdasarkan rekabentuk penyelidikan yang disarankan.

Seperkara yang menarik perhatian ialah dapatan kajian menunjukkan segelintir masyarakat Semenanjung merentas bangsa bersetuju dengan cadangan untuk memansuhkan ruang bangsa dalam borang rasmi kerajaan dan swasta atas alasan perpaduan kaum semata-mata. Hal ini berbeza pada pandangan masyarakat Cina yang memberikan alasan supaya keadilan semua bangsa dapat ditegakkan atau diskriminasi kaum dapat dielakkan dengan cara memansuhkan ruang bangsa ini (Lihat Jadual 7). Namun, kajian menunjukkan pandangan ini hanya diwakili sekitar 33% sahaja dalam kalangan masyarakat Cina di Semenanjung. Pemerhatian umum mendapati sememangnya terdapat segelintir masyarakat Cina di Malaysia yang berterusan mencabar kerajaan supaya memansuhkan ruang bangsa dalam borang rasmi atas alasan untuk mewujudkan keadilan bangsa serta mengelak diskriminasi (Malaysiakini, 2016). Sejauhmana kebenaran dakwaan mereka? Mengapa dakwaan ini dilihat begitu kontradik pada pandangan bangsa lain yang bersetuju dengan cadangan memansuhkan ruang bangsa atas dasar untuk memupuk perpaduan nasional? Apakah ruang bangsa dalam borang rasmi kerajaan dan swasta dilihat sebagai alat diskriminasi kaum pada tanggapan segelintir masyarakat Cina di Semenanjung? Persoalan ini memerlukan kajian mendalam dari segenap sudut bagi menentukan kebenaran dakwaan ini.

Masyarakat di Semenanjung merentas generasi daripada The Baby Boomers, Generasi X hingga ke Generasi Y tidak bersetuju dengan cadangan untuk memansuhkan ruang bangsa dari borang rasmi kerajaan dan swasta. Hanya Gen Z yang dilihat bersetuju dengan cadangan ini. Namun, perbezaan pandangan antara yang bersetuju dengan tidak bersetuju dalam kalangan Gen Z berhubung cadangan pemansuhan ruang bangsa ini tidak begitu ketara iaitu kurang daripada 10%. Pecahan Gen Z mengikut bangsa diwakili 43% Melayu, 33.6% Cina, 15% India, 8.2% Bumiputera Sabah/Sarawak dan 0.2% dari bangsa lain. Analisis keseluruhan menunjukkan Gen Z dalam masyarakat Cina di Semenanjung adalah paling tertinggi bersetuju untuk memansuhkan ruang bangsa dalam borang rasmi kerajaan dan swasta dengan alasan untuk mewujudkan keadilan semua bangsa dan mengelak diskriminasi. Sementara, Gen Z merentas bangsa bangsa lain (Melayu, India, Bumiputera Sabah/Sarawak dan lain-lain) bersetuju untuk memansuhkan ruang bangsa dengan alasan yang cenderung ke arah memupuk perpaduan nasional. Dapatan ini sekali lagi memerlukan kajian mendalam di masa akan datang dengan mengambilkira persoalan sejauhmana masyarakat Cina di Semenanjung melihat ruang bangsa dalam borang rasmi kerajaan dan swasta sebagai alat diskriminasi kaum di Malaysia.

Seterusnya, dapatan menunjukkan masyarakat Semenanjung yang tinggal di kawasan kampung, pekan dan pinggir bandar dilihat tidak bersetuju dengan cadangan untuk memansuhkan ruang bangsa dalam borang rasmi kerajaan dan swasta. Hanya dalam kalangan mereka yang tinggal di bandar sahaja yang bersetuju walaupun dengan nisbah majoriti yang begitu kecil berbanding mereka yang tidak bersetuju. Dapatan ini turut mempunyai perkaitan dengan dapatan sebelum ini berdasarkan faktor geografi kependudukan di Malaysia. Ini kerana faktor ini mengesahkan bahawa kawasan luar bandar lebih banyak didominasi penduduk Bumiputera khususnya dalam kalangan etnik Melayu berbanding Cina kesan daripada dasar pecah dan perintah di zaman penjajahan British (Sulaiman et al., 2013). Analisis mendalam menunjukkan masyarakat Melayu di Semenanjung dilihat paling tidak bersetuju dengan cadangan untuk memansuhkan ruang bangsa dalam kajian ini. Dapatan ini sekali lagi mengukuhkan kontradiksi tanggapan masyarakat Cina di Semenanjung terhadap ruang bangsa ini berbanding dengan semua bangsa lain.

Kesimpulan

Ringkasnya, kajian menunjukkan masyarakat di Semenanjung Malaysia merentas bangsa, generasi dan profil demografi terpilih memiliki perbezaan pandangan yang signifikan terhadap cadangan memansuhkan ruang bangsa dalam borang rasmi kerajaan dan swasta. Pelaksanaan cadangan ini dilihat berpotensi mencetuskan polemik dan sensitiviti kaum dalam masyarakat majmuk di negara ini. Maka, cadangan pelaksanaannya perlu dijustifikasi secara komprehensif sehingga perbezaan pandangan dalam masyarakat pelbagai kaum merentas generasi dapat dileraikan. Kajian ini juga mengesahkan bahawa isu polarisasi kaum khususnya di Semenanjung Malaysia masih belum selesai dan berterusan meletakkan negara dalam keadaan ketegangan yang stabil (*stable tension*). Persoalannya, mengapa ia masih berterusan walaupun setelah 58 merdeka? Apakah kita perlu menunggu 10 tahun lagi? Di mana silapnya? Seperkara lagi ialah setakat ini penggunaan perkataan bangsa dan kumpulan etnik seperti disamaartikan. Yang manakah lebih sesuai digunakan? Bangsa atau Kumpulan Etnik? Persoalan persoalan ini memerlukan kajian atau usaha-usaha intergrasi yang lebih wajar pada masa hadapan di semua peringkat masyarakat melibatkan semua institusi sosial yang berpengaruh. Dalam konteks penemuan semasa, kajian ini mencadangkan agar ruang bangsa sedia ada dalam borang rasmi kerajaan dan swasta dikekalkan tetapi tetapi diolah dalam bentuk terbuka (*open ended*) tanpa ruang kotak yang menetapkan pilihan etnik/bangsa kepada pengisi borang supaya semua kumpulan etnik dapat mengisinya secara saksama. Pada masa yang sama dicadangkan agar dimasukkan perkataan ‘untuk peluang kesamarataan’ bersebelahan dengan ruang ‘bangsa’ ini. Semoga kerjasama antara Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) serta agensi lain yang berkaitan sama ada kerajaan mahupun swasta dalam mendepani isu perkataan bangsa dan kumpulan etnik ini yang berpandukan dapatan kajian empirikal seperti ini akan mengukuhkan lagi usaha perpaduan dan integrasi dalam kalangan rakyat Malaysia di masa kini dan akan datang.

Rujukan

Berita Harian. (2015). Maklumat kaum, bangsa perlu bagi beberapa borang kerajaan. 23 November 2015. Dalam talian: <http://www.bharian.com.my/node/99283>

Harakahdaily. (2010). Kit Siang cabar Muhyiddin Malaysia pertama. 5 Julai 2010. Dalam talian: <http://arkib.harakahdaily.net/arkibharakah/index.php/arkib/berita/lama/2010/7/27442/kit-siang-cabar-muhyiddini-malaysia-pertama.html>

JPNIN (2014). Teks ucapan YB Menteri Pelancaran Dialog MKPN. Dalam talian: [http://www.jpnin.gov.my/sites/default/files/koleksi-teks-ucapan/Teks%20Ucapan%20YB%20Menteri%20PE%20LA%20NCA%20RA%20DI%20A%20LO%20G%20M%20KP%20\(ME%20DIA \).pdf](http://www.jpnin.gov.my/sites/default/files/koleksi-teks-ucapan/Teks%20Ucapan%20YB%20Menteri%20PE%20LA%20NCA%20RA%20DI%20A%20LO%20G%20M%20KP%20(ME%20DIA).pdf)

Malaysiakini. (2016). 96.7 peratus berhijrah bukti Cina ditindas. 26 April 2016. Dalam talian: <https://www.malaysiakini.com/news/339242>

Raosoft. (2009). Sample Size Calculation. Dalam talian: <http://www.ezsurvey.com/samplesize>

Sinar Harian. (2014). Hapus bangsa dalam borang ubah identiti negara. 25 Februari 2014. Dalam talian: <http://www.sinarharian.com.my/politik/hapus-bangsa-dalam-borang-ubah-identiti-negara-1.254636>

Sulaiman, M.Y., Dzuhalimi, D., Haslinda, A., Ismi Arif, I., Azimi, H., Nobaya, A., Fazilah, I., Wendy Yee, M.T. & Banyan, S. (2013). Challenges in the social environment landscape: Readiness of youth in embracing diversity. Pertanika Jounal of Social Sciences & Humanities, 21(S): 11–20.

The Malaysian Insider. (2014). PERKASA bawa kabinet ke mahkamah jika gugur ruangan ‘ kaum’ dalam borang rasmi. 8 Mei 2014. Dalam talian: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/perkasat-bawa-kabinet-ke-mahkamah-jika-gugur-ruangan-kaum-dalam-borang-rasmi#sthash.fsbKyvhQ.l6P5Ym4t.dpuf>

PEMAHAMAN DAN PERSEPSI BELIA KUCHING, SARAWAK TERHADAP GAGASAN 1MALAYSIA

Zulkhairi Zainal (UPM)

Abstrak

Gagasan 1Malaysia diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak pada April 2009 bertujuan mengukuhkan perpaduan kaum sebagai asas keharmonian dan keamanan Negara. Untuk mencapai hasrat murni tersebut, kerjasam dan penyertaan masyarakat amat perlu dan ditagihkan agar golongan belia yang merupakan generasi pewaris pemimpin Negara masa depan. Tanggapan yang salah terhadap konsep Gagasan 1Malaysia sudah pasti akan menjadi penghalang untuk Negara mencapai kejayaan. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pemahaman dan persepsi belia di Kuching, Sarawak terhadap Gagasan 1Malaysia. Responden kajian adalah seramai 382 orang yang berumur 18 hingga 40 tahun yang terdiri daripada pelbagai etnik seperti Melayu, Bidayuh, Iban, Kenyah, Cina, India, Melanau, Kayan, Kelabit, Kun Bawang, Brunei dan lain-lain. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa majoriti responden mempunyai tahap pemahaman yang tinggi terhadap Gagasan 1Malaysia (62.5%). Manakala tahap persepsi belia terhadap Gagasan 1Malaysia adalah positif (54.7%). Ternyata bahawa tahap pemahaman yang tinggi dan persepsi yang positif belia ini diharap mampu melahirkan kejayaan Gagasan 1Malaysia yang dianggap sebagai wadah penyatuan nasional.

Pengenalan

Gagasan 1Malaysia (G1M) yang diperkenalkan pada April 2009 merupakan falsafah induk dan teras pentadbiran kerajaan yang diilhamkan dan inisiatif Perdana Menteri Malaysia Keenam, YAB Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak dengan harapan merentas dasar dan pelaksanaan. Tujuan utama G1M yang berpaksikan kepada Rukun Negara dan Perlembagaan Persekutuan adalah untuk memupuk perpaduan nasional di kalangan rakyat Malaysia yang pelbagai agama dan bangsa supaya negara menjadi lebih stabil, kukuh dan aman. Di samping itu, melalui pendekatan menyediakan keperluan, kepentingan dan mendahuluikan rakyat menjadi asas penting dalam penyampaian perkhidmatan dan perlaksanaan program pembangunan. Tiga teras utama ini menjadi landasan bagi mencapai sasaran Wawasan 2020, iaitu menjadikan Malaysia sebuah Negara yang bersatu padu dan maju dalam semua aspek. Kamaruddin, (2010) menyatakan G1M dengan tema "Rakyat Didahului, Pencapaian Diutamakan" merupakan kesinambungan dasar kerajaan dalam usaha mencapai Wawasan 2020. Ternyata teras perpaduan merupakan perkara pokok

yang akan menjadi asas kejayaan pengwujudan G1M.

Oleh itu, G1M menerima dan menghormati kepelbagaian agama, etnik dan budaya yang dianggap sebagai asset kompetitif Negara. Ianya menekankan semangat keterangkuman iaitu penerimaan perbezaan antara kita, dan menggalakkan kita semua menyambut dengan hati dan tangan terbuka, setiap keunikan dan perbezaan yang ada. Bertepatan dengan itu, wadah pembangunan bangsa terus ditekankan dengan pemupukan nilai-nilai murni dalam usaha memperkuuhkan perpaduan di kalangan masyarakat Malaysia yang polarisasi penduduknya dengan pelbagai bangsa, agama dan budaya (PPM,2009; Mustafa, 2010; Ku Hasnan, 2010; Haslinda & Zaid Ahmad, 2011; Noor Sulastry, 2010).

Di samping itu, penekanan kepada pembangunan belia harus menjadi objektif utama bagi menyediakan modal insan yang berkualiti dan berdaya maju dalam suasana kepelbagaian ras etnik, budaya dan agama untuk bersama-sama mengambil bahagian menelusuri arus global (Abdul Rahman, 2009). Belia merupakan aset penting sebagai pemangkin pembangunan negara. Belia seharusnya didekati dan diterjemahkan kredibiliti mereka ketika masih di peringkat muda belia.

Dengan kemudahan maklumat dihujung jari, kerajaan seharusnya menyedari kaum belia juga boleh dianggap penghalang kepada kemajuan dan pembangunan negara jika tidak dibendung dengan maklumat yang jelas dan tepat di peringkat awal lagi. Malah, ketika Konsep Gagasan 1Malaysia pada 2009 dilancarkan, negara digemparkan dengan tuduhan persamaan dengan konsep One Israel. Perdana Menteri dikatakan mendapat nasihat daripada Yahudi APCO kerana bersamaan konsep One Israel yang digunakan oleh Ehud Barak (Perdana Menteri Israel) pada tahun 1999. Namun begitu, APCO di dalam laman webnya menafikan bahawa syarikat itu tidak terlibat dengan konsep 1Malaysia. Tetapi sejauh mana kenyataan dari syarikat Yahudi ini boleh n

Malah, Indonesia juga dikatakan menggunakan khidmat dari Yahudi APCO ini dengan menggunakan konsep yang sama seperti One Israel dan 1 Malaysia? Malah, lambang dan slogan konsep 1Indonesia juga dilihat ada persamaan dengan 1Malaysia. Jika slogan 1Malaysia ialah “Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”, manakala slogan 1Indonesia pula “Masyarakat Dahulukan, Pencapaian Utamakan”. Adakah ini hanya kebetulan? Anis Yusal Yusoff (Utusan Malaysia, 2009) dalam tulisannya bertajuk “1Malaysia: Apa sebenarnya” menyatakan terlalu banyak salah tafsiran sehingga perkara positif dan kebaikan yang dibawa melalui slogan 1Malaysia ini hampir hampir tenggelam. Malah lebih menyedihkan lagi apabila ia dikaitkan dengan salinan atau copy kerana 1Nama Negara lain yang tidak diiktiraf oleh Malaysia. Bagi pendapat pengkaji, tidaklah menjadi permasalahan bila idea 1(one) ini digunakan oleh mana-mana negara sebagai satu konsep kepada sesuatu negara, malah 1(one) ini akan menjadi agung dan terkenal kerana pendekatan digunakan diterimapakai untuk kebaikan semua. Sarjit S.Gill dan Charanjit Kaur (2010), menyatakan terdapat tanggapan awal dalam blog dan media massa yang menyamakan G1M dengan ‘Malaysia Malaysia’ yang pernah dipopularkan oleh Menteri Mentor Singapura, Lee Kuan Yew.

Oleh itu, G1M diharap akan didokongi oleh teras perpaduan yang kukuh dan utama dengan memperkenalkan konsep penerimaan sebagai pelengkap seperti yang terkandung dalam ideologi prinsip-prinsip Rukun Negara. Prinsip-prinsip kenegaraan dengan menghormati kontrak sosial perlu terus dibajai demi menjaga kelangsungan hak kelompok masyarakat yang sedia terkandung dalam Perlembagaan Negara.

Intipati kepada keterangkuman adalah prinsip keadilan sosial untuk semua tanpa mengira kaum, yang merupakan salah satu daripada teras G1M. Keadilan sosial yang dimaksudkan adalah setiap rakyat Malaysia dan setiap golongan akan terbelia dan tiada mana-mana pihak akan dipinggirkan. Keadilan sosial sememangnya merngambil kira taraf kemajuan golongan sosio-budaya mahupun etnik yang berada pada tahap yang berbeza-beza. Oleh itu, peruntukan peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan dasar-dasar kerajaan yang memberikan pembelaan kepada golongan yang memerlukannya, akan tetap dilaksanakan untuk menegakkan keadilan sosial ini.

Tinjauan Literature

Konsep 1Malaysia boleh dikatakan suatu model untuk memperkasakan perpaduan dan kesinambungan daripada dasar-dasar kerajaan sebelum ini (PPM,2009). Hasil perpaduan yang dikecapi akan dapat menjamin kestabilan dan seterusnya membawa Negara kearah kemajuan dan pencapaian yang lebih maju kepada rakyat dan Negara. Oleh itu, konsep ini boleh dikatakan sebagai satu strategi atau formula untuk mencapai aspirasi Negara, iaitu Wawasan 2020 (Jurij Hj Jalaludin, 1991).

Matlamat utama G1M adalah untuk perpaduan nasional. Segala usaha yang dilakukan oleh kerajaan menjurus kearah mewujudkan perpaduan masyarakat pelbagai kaum di negara ini. Usahap usaha yang dilakukan itu meliputi bidang-bidang ekonomi, sosial, pendidikan, perhubungan agama, penghayatan dan penerapan nilai-nilai patriotism, keselamatan, alam sekitar dan lain-lain bidang kehidupan. Semuanya itu berasaskan Perlembagaan Malaysia, Rukun Negara dan nilai-nilai G1M. Setiap aspek yang dirancang memerlukan penelitian dan kesepadan dengan peruntukan hak kewarganegaraan dalam Perlembagaan Malaysia. Dengan demikian, konsep penerimaan sebagai asas memerlukan pendedahan dan penjelasan agar masyarakat tidak berganggapan negatif yang akhirnya akan membantutkan perlaksanaan G1M.

Negara merupakan kehidupan dalam sesebuah wilayah bersempadan, diperintah oleh satu badan politik dengan mempunyai perlembagaan dan mempunyai undang-undang tersendiri yang memerlukan ciri-ciri seperti wujud matlamat dan cara mencapainya, mempunyai sistem politik yang tersendiri, sempadan, kewarganegaraan, wilayah atau daerah, keselamatan, perlembagaan kegiatan harian yang normal, dan kebolehan untuk berpersatu (Abdul Rahman Embong, 2001).

Pelaksanaan konsep 1Malaysia dilihat tidak lari daripada usaha untuk mengukuhkan prose penyatupaduan dan perpaduan antara kaum di Malaysia. s tidak langsung, konsep 1Malaysia ini sedikit sebanyak menyumbang kepada pemantapan sebuah negara-bangsa demi merealisasikan hasrat negara untuk mencapai Wawasan 2020 sebagai status negara maju. Bagi mencapai matlamat dan motif tersebut, konsep 1Malaysia dilihat perlu diperkasakan agar nilai dan aspek yang diketengahkannya dapat diketahui dan diberi perhatian oleh rakyat Malaysia (Aizat, 2011).

Disamping itu kefahaman dalam masyarakat berkenaan dengan pembangunan belia juga menyatakan pembangunan formal sahaja. Kebenarannya, tidak ada satu cara yang khusus dalam membentuk pembangunan belia. Ini kerana pembangunan belia boleh berlaku di mana sahaja seperti dalam keluarga, komuniti serta dalam kalangan rakan-rakan. Murphy (1995) menyatakan pemangkin kepada pembangunan ini juga tidak termaktub kepada orang dewasa sahaja. Pembangunan belia juga merupakan satu proses berterusan penglibatan belia dalam meraih sesuatu kelebihan atau kehendak asas fizikal dan sosial supaya mereka boleh bersaing dan berjaya di masa hadapan. Sikap, keyakinan diri, komitmen dan karakter merupakan indikator-indikator umum yang menggambarkan sikap dan sifat mereka selepas melalui sesuatu proses pembangunan belia (Glenda Partee, 2002).

Mustafa (2010) mentafsirkan kebanyakan sarjana yang menghuraikan G1M sekadar selari dengan Booklet 1Malaysia (2010). Namun masyarakat sebaliknya lebih memahami G1M berdasarkan ciri-ciri program yang dianjurkan atau melalui produk-produk yang diperkenalkan. Oleh itu, G1M masih menjadi persoalan sama ada masyarakat umum memahami G1M selari dengan golongan sarjana dalam konteks yang sama.

Kejayaan dalam pembangunan negara tidak akan dapat dicapai tanpa membangunkan terlebih dahulu masyarakatnya. Sebagai generasi pelapis, pembangunan belia sangat signifikan dan perlu fokuskan sebagai persediaan negara mencapai taraf negara maju. Asnarulkhadi (2011) menegaskan bahawa usaha membangunkan satu program atau projek untuk belia seharusnya didasarkan kepada keperluan sasaran. Perbezaan latar belakang pasti membezakan keperluan antara mereka. Kegagalan pihak perancang program mengenal pasti keperluan khusus kumpulan sasaran boleh menyebabkan penyertaan rendah dalam kalangan belia.

Penglibatan komuniti dalam pembangunan merupakan satu elemen yang penting kerana ia berperanan memastikan kejayaan serta kelestarian sesebuah program yang dianjurkan. Haslinda & Regina Garai (2012) menyatakan penglibatan komuniti dalam program pembangunan luar bandar berada di tahap rendah. Ini disebabkan wujudnya faktor kekurangan maklumat yang disalurkan, komuniti tidak terlibat dalam proses membuat keputusan dan juga faktor ketelusan dalam membuat keputusan.

Ahmad Zaharuddin Sani (2009) menyatakan perpaduan antara pelbagai bangsa dan etnik merupakan agenda paling utama kerajaan dan masyarakat kerana sejarah negara-bangsa Malaysia, perpaduan merupakan salah satu isu yang paling penting dalam pembentukannya.

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pemahaman dan persepsi belia di Kuching, Sarawak terhadap Gagasan 1Malaysia. Di samping itu, kajian ini juga akan turut mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan antara faktor kaum terhadap pemahaman dan persepsi belia terhadap G1M.

Metodologi Kajian

Reka bentuk kajian secara tinjauan menggunakan borang soal selidik sebagai metodologi kajian. Seramai 382 responden yang berumur hingga 40 tahun telah dipilih secara rawak sebagai sampel kajian. Responden terdiri daripada pelbagai kaum seperti Melayu, Bidayuh, Iban, Kenyah, Cina, India, Melanau, Kayan, Kelabit, Kun Bawang, Brunei dan lain-lain. Pemilihan responden berdasarkan kaedah persampela rawak mudah digunakan sebagai teknik persemplean. Saiz sampel diambil daripada populasi belia di Kuching dan merujuk kepada kaedah penentuan saiz sampel Krejcie dan Morgan (1960), dengan memilih seramai 382 orang sebagai responden. Hasil kajian tertumpu kepada 2 aspek utama, iaitu pemahaman dan persepsi belia.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Kuching, Sarawak Terhadap Gagasan 1 Malaysia

Pembolehubah	(n)	(%)
Umur		
18-23	169	44.2
24-29	97	25.4
30-35	70	18.3
36-40	46	12.0
Jantina		
Lelaki	131	34.3
Perempuan	251	65.7
Kaum		
Melayu	154	.5
Bidayuh	29	
Iban	105	
Kenyah	10	
Cina	57	
India	28	
Melanau	22	
Kayan	2	21.5
Kelabit	1	
Kun Bawang		.5
Brunei		.3
Agama		
Islam	184	48.2
Kristian	159	41.6
Buddha	35	9.2
Lain-Lain	4	1.0
Tahap Pendidikan		
UPSR	7	1.8
PMR	10	2.6
SPM	136	35.6
STPM	42	11.0
DIPLOMA	74	19.4
IJAZAH	89	23.3
MASTER	8	2.1
LAIN-LAIN	16	4.2

Berdasarkan Jadual 1, taburan umur dibahagikan kepada 4 peringkat, iaitu 18 hingga 23 tahun (44.2%), responden berumur 24 hingga 29 tahun (25.4), responden berumur 30-35 tahun (18.3%), manakala responden berumur 36 hingga 40 tahun (12.0%).

Taburan jantina menunjukkan responden lelaki sejumlah 131 orang (34.3%) manakala responden perempuan sejumlah 251 orang (65.7%).

Taburan kaum pula menunjukkan kaum Melayu menyumbang tertinggi 40.3%, kaum Bidayuh sebanyak 7.6%; kaum Iban kedua teringgi dengan 27.5%, kaum Kenyah dengan 2.6%, kaum Cina ketiga tertinggi dengan 14.9%, kaum India dengan 0.5%, kaum Melanau menyumbang 4.7%, sementara kaum Kayan, Kelabit, Kun Bawang dan Brunei masing-masing menyumbang 0.5%.

Taburan mengikut agama majoritinya terdiri daripada pengikut agama Islam dengan 48.2%, diikuti Kristian dengan 41.6%, Buddha dengan 9.2% dan lain-lain 1.0%.

Manakala taburan tahap pendidikan sebahagian besar responden memiliki SPM dengan 35.6% diikuti Ijazah 23.3%, Diploma 19.4%, STPM 11.0%, PMR 2.6%, Master 2.1%, UPSR 1.8% dan lain-lain 4.2%.

Jadual 2: Tahap Pemahaman Belia di Kuching, Sarawak Terhadap Gagasan 1 Malaysia

Tahap (Skor)	(n)	(%)
Tinggi	239	62.5
Sederhana	129	33.8
Rendah	14	3.7
Jumlah	382	100

Berdasarkan Jadual 2 di atas, sebahagian besar belia mempunyai tahap pemahaman yang tinggi (skor 17-20), iaitu sebanyak 62.5% responden. Sementara itu skor sederhana (skor 14-16) adalah sebanyak 33.8% responden, dan skor rendah (skor 10-13) adalah sebanyak 3.7% responden.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini mendapati pemahaman responden terhadap G1M berada pada tahap tinggi. Keadaan ini menjelaskan bahawa tahap pemahaman belia di Kuching, Sarawak terhadap G1M di tahap yang baik. Dapatan kajian ini bertepatan dengan kajian Adlina & Nas Shazwani (2011) yang mendapati tahap pengetahuan pelajar IPT terpilih di Malaysia berada pada tahap tinggi. Dapatan kajian ini dikuatkan lagi dengan kajian Rahimi (2014) juga menyatakan tahap pemahaman belia terpilih di Kota Kinabalu, Sabah adalah tinggi.

Jadual 3: Tahap Persepsi Belia di Kuching, Sarawak Terhadap Gagasan 1Mlaysia

Tahap (Skor)	n	Peratusan(%)
Positif	209	54.7
Negatif	173	45.3
Jumlah	382	100

Berdasarkan Jadual 4.11 di atas, dapatan kajian mendapati tahap persepsi positif (skor 31-50) belia di Kuching terhadap G1M agak memuaskan memandangkan daripada 382 responden yang dikaji, 209 responden (54.7%) skor positif terhadap G1M. Manakala 173 responden (45.3%) skor negatif (skor 10-30) terhadap G1M.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini mendapati bahawa persepsi responden terhadap G1M adalah pada tahap positif. Kajian Rahimi (2014) bertepatan dengan dapatan kajian ini dengan mendapat 90% responden dengan skor yang positif. Dapatan ini disokong lagi dengan dapatan kajian Ayuni (2013) dengan mendapati lebih 50% responden mendapat tahap skor yang tinggi terhadap skor positif. Hasil daripada kajian ini boleh dirumuskan bahawa persepsi belia di Kuching, Sarawak adalah di tahap positif. Namun peratusan yang agak tinggi (45.3%) di tahap negatif memerlukan pemerhatian dan tindakan daripada pihak berwajib agar kaum belia ini terus hanyut dalam kesibukan kelesuan politik masa kini.

Hasil daripada kedua-dua dapatan ini membuktikan perbezaan kaum bukan penyebab kepada wujudnya sesuatu masalah yang boleh menimbulkan ketegangan atau perbalahan sehingga boleh mewujudkan ketidakpuasan hati kepada dasar-dasar kerajaan. Malah ini membuktikan bahawa kekuatan perpaduan di Kuching, Sarawak sebagai model perpaduan di Malaysia adalah cukup berasas.

Kesimpulan

Dapatan kajian ini mendapati pemahaman belia terhadap G1M berada pada tahap tinggi. Ini membuktikan bahawa pemahaman belia di Kuching, Sarawak terhadap Gagasan 1Malaysia masih lagi dijalan yang sewajarnya, dan ini menolak sama sekali tomahan bahawa kaum belia tidak ambil kisah dengan dasar-dasar kerajaan yang di bawa, malah kaum belia masih berseronok dengan memenuhi keperluan semasa ketika mudanya. Namun harus diingat bahawa n... yang berkepentingan akan sentiasa mencari jalan dan berusaha mengalihkan dan mengelirukan pandangan dan fahaman masyarakat tentang semangat dan kandungan. Dengan peratusan yang diperolehi itu, bukanlah menjamin bahawa kaum belia ini telah benar-benar memahami terhadap G1M, tetapi ia menunjukkan ada keterompongan yang berlaku dan ini memerlukan kerjasama daripada semua pihak agar dapat menyampaikan masej tentang G1M dengan jelas dan tepat.

Manakala dapatan kajian terhadap persepsi belia terhadap G1M dengan jelas berada pada tahap positif. Ini secara tidak langsung terkesan hasil daripada tahap pemahaman yang jelas terhadap G1M itu sendiri. Dengan peratusan yang kurang memberangsangkan, dapatan ini menjadi cabaran kepada pihak berwajib untuk sama-sama berusaha lebih keras agar G1M tidak berkubur dengan konsep yang dibawa, yang sentiasa menjadi mainan ahli politik di parlimen dengan mempersoalkan mengenai kedudukan perpaduan yang masih samar walaupun slogan 1Malaysia telah dilancarkan.

Oleh itu, majoriti belia daripada setiap kaum perlu bersedia dengan apa juga dasar kerajaan yang akan dibawa agar mereka tidak tergelincir dan terus tenggelam dengan kelajuan pembangunan dan kelemahan politik masa kini. Kerajaan amat berharap supaya golongan ini lebih bersikap rasional dan sentiasa menyokong usaha-usaha positif kerajaan dan mengambil bahagian dalam usaha memperkuatkan perpaduan masyarakat bagi melahirkan masyarakat belia yang progresif dan dinamik melalui G1M di negeri Bumi Kenyalang ini.

Rujukan

Abdul Rahman Embong. 2009. Kepelbagaiant Kaum, Perpaduan dan Pembinaan Bangsa. Dlm. Azrina Husin, Azeem, Chua Soon Yean, P. Sivamurugan & Abd. Rahim. Membina Bangsa Malaysia, hal. 196-211. Putrajaya: JPNIN & USM.

Ahmad Zaharuddin Sani, A. S. (2009). Rukun Negara Dicipta Perpaduan Digapai. Membina Bangsa Malaysia: Integrasi Nasional, 4:469-480.

Aizat Khairi. 2011. Sosiohumanika 4(1). Calon Sarjana Sains Politik USM.

Utusan Malaysia. 2009. 1Malaysia: Apa Sebenarnya oleh Anis Yusal Yusoff.

Asnarulkhadi Abu Samah. 2011. Permasalahan Belia: Pendekatan Bagi Mendepani Cabaran. Dlm. Haslinda Abdullah, Sarjit S. Gill, Ismi Arif Ismail, Turiman Suandi, Nobaya Ahmad, Dzulhailmi Dahalan (pnyt.) Belia Pewaris 1Malaysia (hlm. 1-21). Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Glenda Partee. 2002. Principles and Characteristics of Effective Youth Employment Programs in the U.S.A.: What'sApplicable, What's Not. Youth Employment Summit, September 7-11, 2002, Alexandria, Egypt, "Open Session"

Haslinda Abdullah & Zaid Ahmad. 2011. Hubungan Keluarga dan Kesedaran Agama dalam Kalangan Belia Berisiko Pelbagai Kaum di Malaysia. Dlm. Haslinda Abdullah, Sarjit S. Gill, Ismi Arif Ismail, Turiman Suandi, Nobaya Ahmad, Dzulhilmie Dahalan (pnyt) Belia Pewaris 1Malaysia, hlm. 34-49. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Jurij Hj Jalaludin (1991). Wawasan 2020. Kuala Lumpur: Arena Ilmu Sdn. Bhd.

Kamaruddin Mohd. Said. 2010. Slogan 1Malaysia dalam Konteks Evolusi Demokrasi Malaysia. Malaysian Journal of Youth Studies. 2, 17-34.

Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. 1970. Determining Sample Size For Research Activities Educational and Psychological Measurement, Vol. 30: 607-610.

KuHasnan Ku Halim. 2010. Meniti Gagasan 1Malaysia, Pemikir, Vol. 62. Oktober-Disember 2010, Bangi: Utusan Karya.

Mohamed Mustafa Ishak. 2010. Gagasan 1Malaysia: Nuansa Baru dalam Mengisi Agenda Pembentukan Bangsa Malaysia. Malaysian Journal of Youth Studies. 2, hlm. 35-51.

Murphy. 1995. Tarining for Youth Workers: An assessment guide for community-based organizations to promote youth development. Academy for Educational Dvelopment, Center for Youth Development and Policy Research, Washington, D.C.

Noor Sulastri, Y.A. 2010. 1Semangat Patriotisme Menjana Konsep 1Malaysia: Realiti atau Fantasi. Malaysia Journal of Youth Studies. 2, 76-91.

PPM (Pejabat Perdana Menteri), (2009). Booklet 1Malaysia. Putrajaya, Malaysia: Pejabat Perdana Menteri

PPM(Pejabat Perdana Menteri), (2010). Booklet 1Malaysia. Putrajaya, Malaysia: Pejabat Perdana Menteri

SarjitS. Gill & Charanjit Kaur. 2010. Peranan dan Cabaran Mahasiswa MelestarikanGagasan 1Malaysia. Malaysia Journal of Youth Studies. 2, 104-116.

MAKNA RASA SELAMAT KOMUNITI MALAYSIA DALAM PROGRAM SKIM RONDAAN SUKARELA: KAJIAN KES KRT TAMAN PUTERA JAYA, KOTA KINABALU, SABAH

Norwahidah Zinalibdin (UKM)
Novel Lyndon (UKM)

Abstrak

Pengertian terhadap makna rasa selamat di kalangan komuniti merupakan sumbangan utama dalam merangka strategi pencegahan jenayah dan menangani isu keselamatan awam di Malaysia. Realiti sosial ini membantu komuniti memahami dan menginterpretasi masalah harian yang dihadapi dan dizahirkan melalui keterlibatan secara aktif dalam organisasi sukarelawan keselamatan komuniti sehingga menghasilkan budaya pemerkasaan. Kajian ini memberikan tumpuan terhadap makna rasa selamat yang dikonstruk berdasarkan pandangan dunia komuniti di Sabah. Data primer diperolehi dari 10 orang informan di Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Taman Putera Jaya, Kota Kinabalu melalui sesi temubual mendalam dan perbincangan kumpulan secara tak formal. Hasil kajian mendapati pengertian “selamat” yang difahami oleh komuniti di Sabah bukan sahaja melibatkan aspek luaran atau fizikal semata-mata tetapi tetapi juga aspek psikologi dan emosional yang turut dipengaruhi oleh lokaliti dan budaya mereka.

Katakunci: kejiranan, ketakutan terhadap jenayah, komuniti, lokaliti, makna rasa selamat, Skim Rondaan Sukarela The meaning of safety in Malaysia's community development programmes: A case study of KRT Taman Putera Jaya, Kota Kinabalu, Sabah.

Pengenalan

Makna selamat bagi individu mahupun masyarakat sangat penting kerana ia berkait rapat dengan aspek psikologi dan juga kualiti hidup. Perasaan ini dikonstruk tanpa paksaan tetapi sebaliknya terbina berdasarkan kepada keadaan sekeliling yang mempengaruhi minda seseorang individu. Perasaan yang wujud itu menimbulkan andaian ataupun persepsi yang mana minda manusia mentafsir sesuatu perkara yang berlaku secara serta-merta yang melibatkan keupayaan untuk melihat, mendengar, atau menyedari sesuatu melalui deria dan ia kekal diingatan. Tafsiran yang kekal itulah dikatakan persepsi yang wujud dalam pandangan kita sama ada ia bersifat positif atau negatif (Naceur, 2013; Okunola & Amole, 2012). Pemahaman kita tentang persepsi rakyat terhadap isu keselamatan seringkali disogokkan melalui survei yang memperlihatkan sisi ketakutan orang awam terhadap jenayah dan risiko mangsa jenayah. Hasil kajian yang meluas terhadap realiti sosial ini akhirnya memberi kesan traumatis dan paranoid kepada rakyat dan dianggap sebagai perkara biasa yang mana ia berasingan daripada perilaku jenayah sendiri. Perdebatan di kalangan ilmuan sosiologis dan kriminologis berterusan sehingga kini dalam merungkai permasalahan pengertian makna rasa selamat dan ketakutan terhadap jenayah serta metod pengukurannya. Terdapat konsensus umum bahawa pendekatan kuantitatif digunakan dalam kebanyakan kajian oleh para sarjana terlalu menekankan tahap dan sifat takut akan jenayah. Manakala metodologi penyelidikan kualitatif pula membentarkan penyelidik menyelami dan melihat lebih mendalam bagaimana aktor sosial mengkonstruksi makna selamat atau takut terhadap jenayah berdasarkan tafsiran pengalaman hariannya (Lee & Farrall, 2008; Lorenc et al., 2012; Pantazis, 2000; Roman & Chalfin, 2008; Shibata, Hanyu, Asakawa, Shimada, & Omata, 2012). Konsep ‘takut terhadap jenayah’ mula menular sekitar tahun 1960 apabila survei ke atas mangsa jenayah di Amerika Syarikat diperluas skopnya kepada persoalan senario kebimbangan terhadap jenayah dan sehingga kini ia diadaptasi di peringkat antarabangsa. Walaupun begitu, tiada suatu kefahaman yang jelas atau konkret tentang ‘ketakutan terhadap jenayah’, sebaliknya persetujuan yang kohesif bahawa ia adalah pengalaman atau set-set pengalaman secara individu. Skogan (2011) menyimpulkan bahawa perasaan takut terhadap jenayah adalah satu fakta sosial dan politik yang bersangkutan dengan isu kualiti kehidupan yang mampu menjelaskan usaha secara tak formal yang dianjurkan oleh komuniti untuk mengawal jenayah dan delikuensi.

Justeru itu, kajian ini dijalankan untuk memahami dan merungkai makna rasa selamat yang dikonstruk berdasarkan tafsiran harian yang menyumbang ke atas keterlibatan aktor sosial secara langsung dalam aktiviti pencegahan jenayah melalui program Skim Rondaan Sukarela (SRS).

Objektif kajian

Objektif utama kajian ini adalah untuk mendapatkan pandangan dan pemahaman sebenar dari komuniti sasaran tentang makna rasa selamat dan keberkesanan pelaksanaan program SRS. Komuniti sasaran ini merupakan penerima utama manfaat ke atas program tersebut. Oleh itu, penyelidikan perlu dilakukan dengan memasuki dan menyelami dunia komuniti sasaran itu sendiri yang mana sumber asal pemikiran, pandangan dan emosi mereka diambilkira dan dianalisis tanpa campur tangan pihak luar atau yang berkepentingan. Pandangan mereka ini akan menjadi asas penting dalam menambahbaik pelaksanaan program SRS dan merangka strategi aktiviti pencegahan jenayah di kawasan kejiranan.

Latar Belakang Kawasan Kajian

Telipok merupakan kawasan sub-bandar atau pekan kecil yang terletak di bawah pentadbiran Dewan Bandaraya Kota Kinabalu, Sabah. Nama ‘Telipok’ membawa maksud bunga teratai dalam bahasa etnik Dusun yang mana kawasan ini dahulunya mempunyai sebuah tasik dan parit yang dipenuhi dengan bunga teratai. Ia terletak kira-kira 15 kilometer ke utara Kota Kinabalu dan menjadi sebahagian daripada program perancangan pembangunan bagi kawasan Metropolitan yang bersempadan dengan bandar

Menggatal, Sepanggar dan Tuaran di negeri Sabah. Kota Kinabalu juga merupakan bandaraya ke sepuluh terbesar di Malaysia. Bandar ini sangat terkenal sebagai destinasi pelancongan utama dan pintu masuk yang popular bagi pelancong dari dalam maupun luar negara. Ia merupakan salah satu daripada pusat perindustrian dan komersial utama di Malaysia Timur. Kedua-dua faktor ini menjadikan Kota Kinabalu sebagai salah sebuah bandar yang paling pesat berkembang di Malaysia. Pekan Telipok yang merupakan kawasan pinggir bandar yang sedang pesat membangun juga tidak terkecuali tempias dek proses urbanisasi ini ekoran daripada projek Greater Kinabalu yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan. Dahulunya kawasan ini mempunyai kampung-kampung tradisional yang didiami oleh

rakyat tempatan antaranya yang terkenal adalah Kampung Marua Sumagid dan juga Kampung Masjid. Namun, kawasan tersebut telah dibeli dan dimajukan oleh Kota Kinabalu Industrial Park (KKIP) untuk dibangunkan selaras dengan program pembangunan negeri dan dijadikan salah sebuah kawasan hub-perindustrian. Kini rata-rata pekan Telipok dipenuhi dengan taman-taman perumahan, flat dan juga pangsapuri. Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Taman Putera Jaya merupakan salah sebuah kawasan perumahan yang luas dan padat di Telipok. Majoriti penduduk di sekitar kawasan ini berbangsa Dusun, Bajau, Bugis, dan Suluk yang beragama Islam dan Kristian. Terdapat dua jenis kediaman di kawasan ini iaitu rumah teres dan juga flat yang didiami hampir 6,400 orang dengan jumlah rumah sebanyak 1,825 buah (Pegawai Perpaduan, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi,JPNIN negeri Sabah, April 2015).Secara tidak langsung, kawasan ini menunjukkan terdapat dua kelas sosial yang berbeza berdasarkan dua jenis kediaman tersebut dan turut mempengaruhi tahap pendidikan serta sumber pendapatan penduduk setempat.


Metodologi Kajian

Konsep keselamatan komuniti dan program pencegahan jenayah seperti Skim Rondaan Sukarela (SRS) merupakan idea, dasar dan pelaksanaan daripada pihak berkuasa (*authority defined*) atau golongan pentadbir. Oleh itu, pelaksanaan sesebuah program pencegahan jenayah lebih cenderung berfokuskan kepada n pembangunan *top-down* yang bersifat sehalia yang digagasi dengan ideologi dan teoritikal golongan pentadbir serta memberi tumpuan terhadap hasil yang bersifat objektif. Program intervensi pembangunan komuniti seharusnya dilihat dari kaca mata penerima manfaat atau komuniti sasaran itu sendiri (*everyday defined*). Pandangan dan tafsiran harian oleh aktor sosial ini sangat penting terutamanya berkaitan dengan pemahaman makna dan konsep selamat bagi memastikan keberkesanan dan kelangsungan sesebuah progra keselamatan komuniti kelak. Penilaian dan pengertian m melibatkan proses interpretasi berdasarkan pengalaman, reaksi, emosi dan tingkah laku aktor sosial dalam dunia mereka. Justeru itu, pendekatan interpretif dan strategi abduktif bersesuaia digunakan dalam kajian ini. Pendekatan interpretif tidak n sebarang intervensi dan ia berlaku secara semulajadi tanpa menggunakan alat ukur kajian tetapi kesemua data ditapis melalui deria penglihatan dan pendengaran penyelidik itu sendiri (Chua, 2006; Sabitha Marican, 2006). Perkongsian pengalaman oleh golongan everyday mampu memberikan takrifan dari sudut emosi

terhadap realiti sosial yang dikaji. Secara tidak langsung, ia turut memberi ruang kepada penyelidik untuk memasuki kehidupan dan menguasai pengetahuan aktor sosial melalui sebuah siri penceritaan.

Berdasarkan metodologi ini, makna dan konsep rasa selamat serta penilaian terhadap program SRS menurut tafsiran komuniti di Sabah telah diterokai dan difahami lebih jelas oleh penyelidik. Pelaksanaan program SRS di seluruh Malaysia dan tidak terkecuali di KRT Taman Putera Jaya didapati lebih tertumpu kepada pelaksanaan secara top down. Pelaksanaan program dan aktiviti yang dijalankan oleh komuniti setempat berpandukan sepenuhnya kepada Akta Rukun Tetangga 2012 dan Pekeling Skim Rondaan Sukarela 2012 yang ditetapkan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) dengan kerjasama agensi kerajaan yang berkaitan. Kaedah persampelan *non-probability* yang terdiri daripada persampelan bertujuan tetapi berquota, persampelan *snowball* dan persampelan teorikal telah digunakan untuk mengenalpasti informan yang terlibat dalam kajian ini. Faktor pemilihan informan adalah berdasarkan kepelbagaiannya latarbelakang etnik, bidang pekerjaan, tahap pendidikan dan jenis kediaman supaya ia membantu memberikan input yang tepat dan menggambarkan populasi kajian.

Rajah 1. Lokasi kajian - Telipok




Hasil Kajian dan Perbincangan

Makna rasa selamat (*sense of safety*)

Tafsiran informan berkaitan makna rasa selamat telah membawa suatu dimensi yang berbeza yang mana terdapat faktor berbentuk objektif dan subjektif yang mempengaruhi pemahaman harian mereka terhadap realiti sosial ini. Berdasarkan kepada penemuan kajian, komuniti sasaran memberikan beberapa tafsira terhadap makna ‘selamat’ berdasarkan pengalaman, lokaliti dan budaya mereka. Selamat dalam konteks kajian di Sabah ini menggambarkan tentang suatu keadaan atau perasaan yang bebas dari segala ancaman yang melibatkan keselamatan atau jenayah bukan sahaja ke atas nyawa sendiri tetapi ia turut meliputi keluarga, jiran tetangga dan termasuklah keselamatan harta benda seperti tempat tinggal, kenderaan dan premis perniagaan. Pengertian makna selamat yang difahami oleh informan dikategorikan kepada tiga aspek utama yang mempengaruhinya iaitu individu, fizikal dan sosial (Rajah 2).

Rajah 2. Kategori dan tema konsep rasa selamat



(A) Individu

Ciri-ciri individual lebih memperlihatkan kepada sisi keperibadian informan seperti usia, etnik, agama, jantina, pemilikan ke atas rumah, tahap pendidikan dan pelbagai lagi. Elemen-elemen ini turut mempengaruhi keperluan dan kehendak informan terhadap aspek keselamatan yang akan menjamin kualiti hidup mereka. Jantina telah dikenalpasti sebagai salah satu faktor yang mempengaruhi rasa selamat dan keimbangan terhadap jenayah. Kebiasaannya golongan kanak-kanak dan wanita yang sentiasa terdedah menjadi mangsa jenayah dan aspek keselamatan menjadi isu utama yang dititikberatkan sama ada di tempat kerja, kawasan kediaman mahupun tempat awam berbanding golongan lelaki yang lebih tenang menghadapi risiko jenayah. Kenyataan ini senada dengan pandangan informan R5 dan R8 seperti berikut:

R5 : [...] lampu jalan kena terang bah.. baru selamat [...] Kami perempuan lagi takut kawasan gelap.

Sementara itu, golongan lelaki memberikan pandangan yang berbeza berhubung takrifan selamat dan ia sebenarnya turut menonjolkan sisi emosional golongan ini terhadap keselamatan orang disekelilingnya. Persoalan tentang keselamatan ahli keluarga ketika ketiadaan mereka atau sedang melaksanakan aktiviti kawalan keselamatan di kawasa kejirana turut diperbincangkan. Situasi ini dibangkitkan tanggungjawab sosial terhadap komuniti dilaksanakan, namun minda mereka masih dibebani keimbangan tentang keselamatan keluarga di rumah. Beberapa informan kelihatan bersetuju dengan realiti sosial ini sepetimana di bawah:

R1 : [...] Saya ikut sama ronda SRS tapi dalam hati risau keluarga di rumah. Apa selamat kah.

R2 : [...] Di rumah saya selalu berpesan kepada orang rumah saya dan anak-anak saya setiap kali kita, sama ada kita keluar atau masuk ke rumah pastikan dulu pintu, grill mesti berkunci... [...] risau mereka selamat ka.

Selain daripada itu, faktor seperti tahap pendidikan dan sumber pendapatan turut mempengaruhi perasaan selamat komuniti. Ratap rata informan berpandangan bahawa, golongan yang berpendidikan

dan berpendapat tinggi cenderung untuk rasa lebih selamat berbanding golongan kelas bawahan disebabkan kemampuan untuk memiliki kediaman dan kemudahan keselamatan yang lebih baik. Lokasi kajian ini agak unik kerana mempunyai dua jenis kediaman yang berbeza iaitu rumah teres dan flat dalam satu kawasan yang sama. Pandangan informan diperjelas berdasarkan kenyataan berikut:

- R3 : [...] saya join SRS sebab mau keadaan sekeliling saya selamat. Bukan sahaja keluarga, maka jiran-jiran saya akan turut selamat... [...] saya ajak jiran di rumah teres tapi mereka tak mahu. Katanya sudah ada polis ronda dan CCTV.
- R6 : Ada pasang CCTV tapi tidak ada ramai sangat..satu dua orang sahaja. Orang kaya mampulah. Kami hanya pasang pagar atau bela anjing bagi non-muslim.

Pernyataan di atas turut memperlihatkan inisiatif dan kesedaran penduduk sendiri untuk menjaga keselamatan selain daripada rondaan oleh pihak Polis dan anggota SRS. Langkah yang diambil oleh penduduk menunjukkan bahawa ia menjadi satu keperluan bagi meningkatkan tahap keselamatan serta mengurangkan perasaan takut kepada jenayah dalam kalangan penduduk.

(B) Fizikal

Makna rasa selamat bukan sahaja dinilai berdasarkan aspek emosi atau psikologi semata-mata, tetapi ia turut dizahirkan melalui aspek fizikal seperti rekabentuk dan susun atur kawasan kejiraninan, kualiti perumahan, kemudahan perkhidmatan dan tidak terkecuali ancaman jenayah. Persekitaran yang kondusif mampu memberikan keselesaan dan menjamin keselamatan serta kualiti kehidupan masyarakat. Oleh itu, majoriti informan bersetuju bahawa infrastruktur dan kemudahan asas memainkan peranan penting dalam meningkatkan keyakinan diri dan rasa selamat penduduk. Namun begitu, masih terdapat kelompongan dan ketidakcekapan pihak berwajib dalam memenuhi kebutuhan penduduk berhubung perkara ini sepertimana yang dinyatakan oleh R2, R4 dan R5 berikut:

R2 : [...] kenapa kita punya taman ni tidak berpagar..[...] Sedangkan kita ni ada macam ancaman dari laut senang saja ni ..[...] kami sudah berbincang dengan pihak berwajib tapi tiada respon.

R5 : [...] lampu jalan kena terang bah.. baru selamat walaupun jalan seorang.

R4 : Kadang-kadang ada tempat yang lampu tu tak menyala. Kita sudah lapor pada majlis daerah tapi tindakan tu macam lambat lah.

Negeri Sabah telah diletakkan sebagai salah sebuah negeri yang berisiko tinggi ekoran peristiwa pencerobohan pengganas Sulu di Lahad Datu pada Mac 2013. Kota Kinabalu tidak terkecuali tempias berikutan peristiwa tragis ini yang telah menyebabkan tahap rasa selamat penduduk menurun dan kebimbangan mereka terhadap jenayah semakin tinggi. Rata-rata informan mengatakan p ancaman terbesar aspek keselamatan bagi komuniti di sini khasnya dan negeri Sabah amnya adalah kebanjiran Pendatang Tanpa Izin (PTI) terutamanya dari Filipina ekoran kerancakan proses urbanisasi. Masalah ini bukan sahaja menyebabkan peningkatan kadar jenayah tetapi kesan yang lebih mendalam dengan kehadiran PTI yang melebihi penduduk tempatan amat membimbangkan dan mendatangkan gangguan dari sudut psikologi kepada penduduk tempatan sepetimana suara hati informan di bawah:

R1 : [...] Tapi dengan adanya PTI yang bebas menggunakan senjata, rasa gerun kita bila ada orang masuk rumah, memang gerun teramat sangat..[...] kaedah merompak yang lebih agresif..[...] keadaan yang mengganggu mind set kita sebagai ketua keluarga. Bila kita outstation, masa itu saya risau bagaimana keluarga saya tanpa saya.

R10 : [...] Sebab macam kawasan sana ada Filipina ba. Sebelah sana. Kau tau kan orang Filipina ini, diorang pandai bawa senjata. Itu yang mahu jaga.

Kehadiran PTI berkadar langsung dengan peningkatan indeks jenayah merupakan suatu tanggapan stereotaip oleh orang awam. Namun begitu, kebimbangan informan dalam kajian ini berasas dan konsisten dengan hasil penemuan kajian tempatan oleh Ramli Dollah

(2003; 2015) dan Wan Shawaluddin (2008) berhubung dengan isu keselamatan rakyat Sabah dan implikasinya ke atas Malaysia.

(C) Sosial

Makna rasa selamat juga dikaitkan dengan faktor hubungan sosial seperti aspek kejiranan dan semangat komuniti (sense of community), rasa kesepuhyaan (belongingness), kualiti hidup bermasyarakat dan penglibatan komuniti. Hubungan erat sesama jiran tetangga dan sikap ambil berat juga dianggap sebagai simbol rasa selamat yang memperlihatkan semangat kekeluargaan dan penyatuhan antara mereka tanpa mengira perbezaan etnik, agama atau budaya seperti pernyataan informan R1, R5 dan R10;

R 1 : [...] sepatutnya rumah saya pasang CCTV tapi tak jadi. Macam saya bagi tahu tadi la. Kami jiran semua kenal, sudah rapat [...] kerana perasaan selamat itu tak mendorong saya nk melabur lebih utk CCTV.

R5 : Pada saya keselamatan saya keselamatan orang lain jugak sebenarnya kan. Kita berjiran ini perlu sama-sama saling memahami antara masyarakat kan. Kerana kita bukan hidup berseorang diri, kita hidup bermasyarakat. Kita disini hidup kita bermasyarakat majmuk kan jadi apabila keselamatan itu sentiasa ada, maka kita akan rasa aman.

R10 : [...] kenal baik dengan jiran buat kita selamat. Nak tinggalkan anak tak takut.

Walaubagaimana pun, dalam keadaan-keadaan tertentu kawasan kejiranan boleh menyebabkan berlakunya peningkatan risiko mangsa jenayah. Amalan sikap tidak ambil peduli atau ‘jangan jaga tepi kain orang’ yang menjadi budaya masyarakat di bandar kini telah menghakis semangat kejiranan yang merupakan antara tunjang kesepadua sosial dalam komuniti. Selain itu, kawasan perumahan yang tidak diselenggara dengan sempurna oleh pemaju sehingga berlakunya masalah sosial seperti pembuangan sampah, vandalisme dan graffiti menunjukkan isyarat gangguan sosial dan kegagalan fungsi organisasi dalam komuniti. Oleh yang demikian, kewujudan organisasi sosial seperti KRT dan SRS telah memberi ruang dan peluang bagi menggalakkan komuniti setempat berinteraksi antara satu sama

lain dan memupuk semangat kesepuhyaan (sense of belonging) seperti yang diperakauai oleh informan R6, R8 dan R9. Di samping itu, penubuhan organisasi sosial ini berupaya membantu masyarakat tempatan untuk lebih memahami budaya etnik lain (merujuk kepada PTI) secara terbuka dan sekaligus mengatasi fenomena kehadiran PTI di kawasan mereka.

R6 : [...] saya rasakan macam suatu kegiatanlah, hujung minggu kan. Saya dapat bergaul dengan kawan-kawan, masyarakat,

R8 : [...] adanya KRT ini kami sering bergaul dan saling berkenalan dengan jiran-jiran. Dapat memupuk satu persefahama diantara sesama kamilah, tidak mengira kaum, agama dan bangsa.

R9 : [...] sebab kita ini sekarang walaupun dalam kawasan ini, jarang berlaku kes-kes kecurian apa semua ini. Tapi kita perlu ada satu komuniti yang boleh berbincang tentang keselamatan yang boleh bersama-sama, bersatu guna, lah padu

Secara keseluruhannya, makna rasa selamat ditafsirkan sebagai suatu perasaan yang timbul hasil daripada pengamatan, pengalaman dan emosi untuk bebas daripada sebarang bentuk kecederaan mahupun menjadi mangsa jenayah bagi diri, keluarga dan masyarakat di sekeliling termasuklah harta benda.

Perasaan atau pandangan ini tidak statik dan ia boleh berubah kerana dipengaruhi oleh faktor-faktor yang bersifat dalaman (subjektif) dan luaran (fizikal). Penemuan kajian ini selari dengan hasil kajian oleh Covington & Taylor (1991) terutamanya berkaitan faktor tahap pendidikan, integrasi komuniti dan rekabentuk kejiranan yang mempengaruhi persepsi ras selamat komuniti.

Keberkesanan Program Skim Rondaan Sukarela

Melihat kepada *trend* permasalahan jenayah masa kini, pihak kerajaan secara proaktif telah melaksanakan beberapa dasar, polisi serta pendekatan yang dinamik bagi membolehkan isu keselamatan ditangani secara tuntas. Hasrat mereka agar aktiviti pencegahan jenayah diperluaskan dan dipergiatkan bukan sahaja oleh pihak penguatkuasa tetapi gemblengan usahasama komuniti setempat melalui program pembangunan komuniti. Gerakan akar umbi dari rakyat kepada pemerintah (*bottom-up*) adalah relevan dan lebih berkesan dalam memastikan proses ini dilaksanakan secara telus supaya rakyat dapat melihat dan menyaksikan kejayaan secara bersama. Kepenglibatan komuniti dianggap sebagai pembolehubah penting dalam membentuk kejayaan program pembangunan komuniti yang meliputi tahap penglibatan dalam proses membuat keputusan, pelaksanaan program, berkongsi manfaat dan penilaian program. Keterlibatan ini secara langsung meningkatkan usaha kerjasama, tolong-menolong dan integrasi di kalangan komuniti. Oleh itu, konsep keselamatan komuniti diperkenalkan dan digunakan sebagai falsafah pihak Polis dalam melaksanakan pencegahan jenayah.

SRS melalui penubuhan Rukun Tetangga telah dipilih sebagai salah satu organisasi sukarelawan keselamatan komuniti yang terlibat dalam Program Transformasi Kerajaan menerusi Inisiatif Mengurangkan Jenayah (NKRA) di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Program Bandar Selamat di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Pengiktirafan pelaksanaan organisasi sosial ini dalam membantu pihak berkuasa membanteras jenayah jalanan di kawasan kediaman tidak dapat disangkal lagi berdasarkan kajian-kajian lepas (Fatimah Daud, 2009; Mohd Yusof Hussain, Samsurijan, Suraiya Ishak & Abd. Hair Awang, 2011; Rashid Saad, 2004). Justeru itu, kajian ini turut menyingkap pemahaman sebenar komuniti di Sabah berhubung pelaksanaan SRS dan sejauhmanakah keberkesanannya di peringkat akar umbi. Persoalan tentang usaha komuniti sasaran dalam memastikan kelangsungan program ini dari masa ke semasa mencetuskan perdebatan yang memperlihatkan kepada beberapa faktor pengekalan dan halangan ke arah kejayaan SRS di masa hadapan. Berdasarkan pandangan yang dilontarkan oleh informan, terdapat beberapa faktor yang perlu diambil perhatian oleh pihak yang berkepentingan untuk memastikan agar keperluan sebenar komuniti sasaran selaku penerima utama manfaat program ini didengari dan mampu direalisasikan.

Hasil kajian ini mendapati bahawa, interaksi sosial antara agen pelaksana (penerima manfaat) dengan pengantara program (pegawai JPNIN) dan *stakeholder* tidak berlangsung dengan lancar dan efisien. Gangguan terhadap sistem penyampaian maklumat yang bersandarkan pendekatan komunikasi sehala (*top-down*) perlu diperhalusi agar maklumat yang tepat dapat disalurkan sepenuhnya terus kepada komuniti sasaran. Selain daripada itu, kecekapan para pegawai dari segi ilmu pengetahuan perlu dipertingkatkan terutamanya berkaitan dengan bidang undang-undang yang melibatkan pelaksanaan pengoperasian SRS. Manakala, kolaborasi antara stakeholder, pegawai dan komuniti sasaran wajar dipererat melalui sikap turun padang dalam aktiviti yang dianjurkan oleh komuniti setempat bagi memastikan kelangsungan program ini pada masa akan datang.

Keanggotaan komuniti dalam SRS kebanyakannya disertai oleh mereka yang agak berusia dan juga pesara. Sebahagian informan mengatakan bahawa, melalui aktiviti rondaan ini mereka dapat mengenali jiran tetangga dengan lebih dekat lagi di samping mengisi masa lapang yang ada. Oleh yang demikian, wajar sekiranya keanggotaan SRS diperluaskan kepada golongan belia dan remaja. Ini kerana, kebanyakan gejala sosial yang berlaku di kawasan kejiran melibatkan peringkat usia mereka. Strategi untuk menarik minat golongan muda ini perlu diperhebatkan misalannya dengan menyediakan pusat sukan, rekreasi atau aktiviti di kawasan kejiran. Dengan adanya fasiliti ini, tumpuan mereka ke arah perkara aktiviti yang positif dan pada masa yang sama memupuk rasa tanggungjawab sosial kepada mereka untuk menjaga keselamatan kawasan kediaman.

Faktor kepimpinan sememangnya memainkan peranan penting dalam memastikan penglibatan yang proaktif di kalangan komuniti setempat sekaligus penentuan kelangsungan kejayaan program pembangunan komuniti. Kepimpinan mampu mempengaruhi dan mencorak struktur dalam sesebuah masyarakat. Kredibiliti seorang pemimpin diukur berdasarkan daripada imej, status sosial, pekerjaan, tahap pendidikan dan kewibawaannya dalam melontarkan pandangan dalam forum terbuka. Majoriti informan bersetuju bahawa, pimpinan yang berketrampilan mampu menarik minat masyarakat untuk terlibat secara sukarela dalam aktiviti kemasyarakatan khususnya di kawasan kejiran.

Manfaat daripada sesebuah program pembangunan komuniti sememangnya sering bermain di benak fikiran komuniti sasaran terutamanya yang melibatkan ganjaran atau pemberian insentif. Elemen berunsur material ini menjadi faktor utama yang menyuntik semangat komuniti untuk turut serta dalam pelaksanaan program SRS. Informan sebulat suara mengharapkan agar insentif-insentif sedia ada diteruskan dan penambahbaikan perlu dibuat terutamanya berkaitan dengan kos penyelenggaraan peralatan aktiviti rondaan, penambahan peruntukan tahunan pengoperasian SRS dan nelaun khas rondaan bagi menghargai khidmat sukarela anggota masyarakat dalam aktiviti pencegahan jenayah ini.

Secara keseluruhannya, konsep keselamatan komuniti melalui program SRS diterima baik oleh masyarakat setempat sejak ia diperkenalkan secara meluas pada tahun 2004. Ini dibuktikan melalui perluasan penubuhan SRS ke seluruh negara sebanyak 300 skim setiap tahun berdasarkan kepada Keputusan Jemaah Menteri pada 14 April 2004 dan 30 Januari 2006. Pemberian kuota khas 100 skim penubuhan organisasi sosial di negeri Sabah ini adalah rentetan peristiwa pencerobohan di Lahad Datu. Penubuhan RT dan SRS di Sabah tidak terhad dalam membantu pihak kerajaan menangani jenayah dan isu keselamatan tetapi sebaliknya pengiktirafan kepada organisasi ini sebagai agen utama penyaluran maklumat berkaitan demografi dan lokaliti tempatan dalam sesebuah kawasan kediaman. Peranan yang dimainkan oleh mereka membuktikan bahawa penubuhan RT masih relevan di dalam arus pembangunan negara (Fatimah Daud, 2009) Pada masa yang sama, khidmat dan sumbangan oleh badan ini dalam komuniti telah membantu Kerajaan memupuk dan menyemai semangat kejiraninan di kalangan komuniti tanpa mengira bangsa, kaum dan agama yang dianuti.

Kesimpulan

Makalah ini telah meneroka pandangan dunia komuniti di Telipok, Sabah. Secara umumnya kajian ini mendapati bahawa konsep rasa selamat yang difahami oleh komuniti sasaran tidak terbatas pada aspek luaran atau fizikal semata-mata tetapi ia meliputi elemen dalaman yang melibatkan aspek psikologi dan emosional. Kemudian pengertian makna ini dizahirkan melalui penyertaan secara aktif dalam aktiviti pencegahan jenayah di peringkat komuniti melalui program Skim Rondaan Sukarela. Sehubungan dengan itu, adalah wajar setiap pandangan yang disuarakan oleh mereka perlu diambil kira sebelum golongan pentadbir atau pihak berkepentingan melaksanakan sebarang program atau projek intervensi di peringkat komuniti. Keterlibatan rakyat dalam apa jua bentuk pembangunan dan perancangan adalah sangat penting kini kerana peranan mereka sebagai end user yang mencorak kejayaan sesuatu perancangan pembangunan negara.

Rujukan

Chua YP (2006) *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan*. McGraw-Hill Sdn Bhd, Malaysia.

Covington J, Taylor RB (1991) *FEAR OF CRIME IN URBAN RESIDENTIAL NEIGHBORHOODS : Implications of Between- and Within-Neighborhood. Current Models* 32(2), 231–249.

Fatimah Daud (2009) Kajian peranan Skim Rondaan Sukarela (SRS) dalam menangani jenayah di Bandar. Gombak.

Lee M, Farrall S (2008) *Fear of Crime: Critical voices in an age of anxiety*. Routledge, Cavendish.

Lorenc T, Clayton S, Neary D, Whitehead M, Petticrew M, Thomson H, Renton A (2012) *Crime, fear of crime, environment, and mental health and wellbeing: Mapping review of theories and causal pathways*.

Health and Place 18, 757–765. Available from:
<http://doi.org/10.1016/j.healthplace.2012.04.001>.

Chua YP (2006) *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan*. McGraw-Hill Sdn Bhd, Malaysia.

Covington J, Taylor RB (1991) *FEAR OF CRIME IN URBAN RESIDENTIAL NEIGHBORHOODS : Implications of Between- and Within-Neighborhood. Current Models* 32(2), 231–249.

Fatimah Daud (2009) Kajian peranan Skim Rondaan Sukarela (SRS) dalam menangani jenayah di Bandar. Gombak.

Lee M, Farrall S (2008) *Fear of Crime: Critical voices in an age of anxiety*. Routledge, Cavendish.

Lorenc T, Clayton S, Neary D, Whitehead M, Petticrew M, Thomson H, Renton A (2012) *Crime, fear of crime, environment, and mental health and wellbeing: Mapping review of theories and causal pathways*.

Health and Place 18, 757–765. Available from:
<http://doi.org/10.1016/j.healthplace.2012.04.001>.

Mohd Yusof Hussain, Samsurijan MS, Suraiya Ishak, Abd. HairAwang (2011) Hubungan kejiraninan dalam membentuk kesejahteraan hidup masyarakat “kampungbandar”: Kes Kampung Berjaya dan Kampung Mempelam, Alor Setar, Malaysia. Geografia - Malaysian Journal of Society and Space 7(3), 36–44. Available from: <http://www.ukm.my/geografia>.

Naceur F (2013) Impact of urban upgrading on perceptions of safety in informal settlements: Case study of Bouakal, Batna. Frontiers of Architectural Research 2(4), 400–408. Available from: <http://doi.org/10.1016/j.foar.2013.06.004>.

Okunola S, Amole D (2012) Perception of Safety, Social Participation and Vulnerability in an Urban Neighbourhood, Lagos, Nigeria. Procedia - Social and Behavioral Sciences 35(December 2011), 505–513. Available from: <http://doi.org/10.1016/j.sbspro.2012.02.116>.

Pantazis C (2000) “Fear of Crime”, Vulnerability and Poverty. Evidence from The British Crime Survey.

BritishJournal of Criminology 40(3), 414–436.

Rashid Saad (2004) Sumbangan Rukun Tetangga 21 dalam perpaduan negara dan pembangunan komuniti. In: Pembangunan Komuniti: Dasar, Konsep, Strategi dan Isu di Malaysia, 1–3. Jabatan Penerbitan dan Teknologi Media Universiti Utara Malaysia, Sintok.

Roman CG, Chalfin A (2008) Fear of Walking Outdoors. A Multilevel Ecologic Analysis of Crime and Disorder. American Journal of Preventive Medicine 34, 306–312. Available from: <http://doi.org/10.1016/j.amepre.2008.01.017>.

Sabitha Marican (2006) Penyelidikan sains sosial: Pendekatan pragmatik. Edusystems Sdn Bhd, Selangor.

Shibata S, Hanyu K, Asakawa T, Shimada T, Omata K (2012) Community Activities to Protect Childrenfrom Crime, People’s General Trust, and Attitude toward the Activities in Japan. Procedia - Social and Behavioral Sciences 38(December 2010), 40–50. Available from: <http://doi.org/10.1016/j.sbspro.2012.03.322>.

Skogan WG (2011) Community-based partnerships and crime prevention. Criminology & Public Policy 10(4), 987–990. Available from: <http://doi.org/10.1111/j.1745-9133.2011.00782.x>.

TYPOLOGY OF BUDDHIST ORGANIZATIONS IN MALAYSIA: LOCAL, NATIONAL, TRANSNATIONAL

Sister Loh Pai Ling

President, Buddhist Missionary Society Malaysia (BMSM)

Abstract

Malaysia is a multi-ethnic and multi-religious nation, with more than thirty ethnic groups and their respective sub-groups. The three main ethnic groups are Malays (61%), Chinese (24.6%) and Indians (7.1%). The Malaysian Federal Constitution guarantees freedom of religion while making Islam the State Religion. About 19.8% of the Malaysian population are Buddhists, the majority of which are Malaysian Chinese. Besides the Chinese community, Buddhism is also practised by Sri Lankan, Indian and the descendants of Thai, Myanmar, Cambodian and other minorities in Malaysia. The proliferation of Buddhist organizations in Malaysia in recent years demonstrates that Buddhism in Malaysia is not homogenous and flat, but diverse and multi-level. This paper presents a typology of Buddhist organizations in Malaysia, focusing on the diversity and the various ways these organizations are established. The bases of formation, among others, include whether the organization is a singular-type or an association of organizations; local or national; home-based or transnational; mono-ethnic/mono-lingual or multi-ethnic/multi-lingual. This diversity in the practice of Buddhism in Malaysia is very much welcomed and viewed as an added asset to our existing multi-cultural, multi-ethnic and multi-religious country. Diversity is strength if there is unity or goodwill among the diverse organizations. This paper will look at the establishment and development of Buddhist organizations in Malaysia over the last six decades, that is, before and after the independence of Malaya in 1957 and the formation of Malaysia in 1963. This paper will focus on main Buddhist organizations existing within the Klang Valley, which is the area in Central Selangor, comprising Kuala Lumpur and its surroundings and suburbs naturally delineated by hilly areas and the Port Klang coastline. This paper raised the concern that, while these varied organizations bring diversity and higher awareness of Buddhism, it causes fragmentation of Buddhist communities as well. There is therefore an urgent need for a common platform among all Buddhists and its organizations in the face of rising challenges. A brief comparison of the intra-faith relationships among all the major Buddhist traditions in Malaysia is also included in this paper. In addition, inter-faith relationship between Buddhists and peoples of other faiths, including Islam, is also being discussed briefly. The paper concludes with the way forward – the possibility to unite these diverse Buddhist organizations through the creation of Buddhist Federation of Malaysia (BFM).

1. Introduction of Buddhism in Malaysia

Malaysia is a multi-ethnic and multi-religious nation, with more than thirty ethnic groups and their respective sub-groups. The three main ethnic groups are Malays (61%), Chinese (24.6%) and Indians (7.1%). The Malaysian Federal Constitution guarantees freedom of religion while making Islam the State Religion. About 19.8% of the Malaysian population are Buddhists, the majority of which are Malaysian Chinese. According to the 2010 Census of Malaysia, 83.6% of Malaysian Chinese are Buddhists.

Buddhism was introduced to Malaysia via its introduction to Southeast Asia in the 3rd Century BCE from Magadha (India). Subsequent to the 3rd Buddhist Council of Pataliputra, the Mauryan Emperor Asoka sent a mission headed by the Arahants Sona and Uttara to Suvannabhumi (Sanskrit: Suvarnabhumi), which included northern Peninsular Malaysia (Kedah & Kelantan), to propagate Buddha-Dhamma.

Archaeological evidence confirmed the existence of Buddhist kingdoms in Malaysia from the 3rd to 13th Century CE. The Kingdom of Kedah centred at the Bujang Valley was the most prominent of these Buddhist polities. The “Tanjore Inscriptions” in Southern India recorded that in 1005CE, the Chola King, Rajaraja I, granted the village of Anaimangalam to support the Buddhist Temple at Nagapatnam, built by Kadaram’s (Tamil name for Kedah, Kelantan and Perlis) ruler for the convenience of Buddhist monks and traders from Kedah and Srivijaya.

The “Nalanda Inscriptions” (circa 860CE) recorded the grant of support by King Devepada of Pala Dynasty for a great monastic temple university of Nalanda, Bihar.

Buddhism was almost deracinated, with the fall of Srivijaya in the 13th Century and the rise of Hindu and later Islam kingdoms throughout the Malay-Javanese region, except the northern states of Kedah, Perlis and Kelantan that shared their borders with Thailand. It was not until 19th to early 20th Century, with the large influx of immigrants, mainly as laborers from China by the then British-ruled Malaya, that Buddhism was again revived in Malaysia.

The Chinese brought along their culture, customs and beliefs and Mahayana Buddhism became the second most followed religion in Malaysia after Islam. Sri Lankan and Burmese immigrants also introduced their Theravada faiths to Malaya, supplementing the Thai Buddhist tradition that was already in existence in the Siamese-influenced northern states of Malaya. An academic thesis entitled “Immigrants and Buddhism” by Chen Qiu Ping 陈秋平 in Chinese, has a detailed elaboration of the impact and influence of Buddhists’ immigrants during the British-ruled Malaya in the state of Penang in Malaysia.

2. Buddhist Societies in Malaysia

Today, in Malaysia, Buddhism is the second largest religion after Islam, with 19.8% of Malaysia's population being Buddhist, i.e. 5,620,483 by 2010 Census of Malaysia, although some estimates raised it to 21.6% when combined with Chinese religions. Buddhism in Malaysia is mainly practised by ethnic Malaysian Chinese (the same 2010 census reported that 83.6% of all the Malaysian Chinese were Buddhists), and they are mainly Mahayana (a conservative estimate puts the figure at 70% of total Buddhist population in Malaysia i.e. 3,934,338). There are also Malaysians of Sri Lankan, Indian and Siamese origin, as well as Straits-born Chinese (popularly known as the Baba Nyonya) who reside predominantly in the states of Melaka and Pulau Pinang and other Chinese who are not conversant in Mandarin who practise Buddhism. These people are mainly Theravada. This is largely attributed to the efforts of the Late Chief High Priest of Malaysia and Singapore, Venerable Dr K. Sri Dhammananda Maha Nayaka Thero. The Sri Lankan, Thai and Myanmar traditions form the core of the Theravada Buddhism in Malaysia (see endnote 2).

Hence, in Malaysia, the Buddhist communities and their Buddhist practices can be easily identified and reflected by their respective ethnic group; education background and the Buddhist organization they are affiliated with. This paper will describe the proliferation of Buddhist organizations in Malaysia, across time and space. The purpose is to demonstrate the diversity and multi-level nature of Buddhist organizations in Malaysia. The practice of Buddhism in Malaysia has not only mushroomed through the rapid establishment of Buddhist organizations and societies but has also become a complex representation of faith among Buddhists in Malaysia.

3. Buddhist Organizations in Malaysia and its Proliferation

3.1 Establishment of Buddhist Organizations in Malaysia

Currently, in Malaysia, all the religious organizations – Buddhist or non-Buddhist - are established/registered/operated as follows:-

- i. i.Established under the Act of Parliament (for example: the Catholic/Methodist/ Anglican Churches in Malaysia are established under the Act of Parliament);
- ii. Established and registered with the Registrar of Societies Malaysia (www.ros.gov.my)
- iii. Established and registered with Companies Commission ofMalaysia (www.ssm.com.my)
- iv. Some are functioning under the Article 11 of The Federal Constitution of Malaysia with no requirement of registration with any authority or party concerned. The only requirement is a Letter from the recognised Federation (umbrella body) of the respective religions, member organisations of officially recognised Nonm Muslim Interfaith Consultative Council or its parent body.
- v. Some are established under a “Create Trust Deeds” with a Court Order and appointed Trustees to hold the properties or fixed assets belonging to the non-Muslim religious organisation.
- vi. Some are registered with the Inland Revenue Board of Malaysia (www.hasil.gov.my) as one of the requirements to be granted tax exemption status with the establishment ofan account for the MANAGEMENT FUND FOR HOUSE OF WORSHIP or TABUNG PENGURUSAN RUMAH IBADAT (TPRI).
- vii. Youth organisations including all religious organisations are to be registered with the Registrar of Youths (ROY). The existing youth organisations registered with other authorities including the Registrar of Societies Malaysia were urged to re-register with ROY starting from 2008.

3.2 Types of Buddhist Organizations in Malaysia

Currently, all the three (3) Buddhist traditions, namely Mahayana, Theravada and Vajrayana or Tibetan Buddhism are being practised in Malaysia. Both Mahayana and Theravada are practised in Malaysia well before the independence of Malaya (1957) and formation of Malaysia (1963). Vajrayana was re-introduced to Malaysia in the 1970s. Buddhist organizations mentioned in this paper for analysis purposes are centered in Klang Valley. Generally, the Buddhist organizations in Malaysia can be divided into two main groups by its nature of operation. The two groups are singular-based and network-based in nature. These two groups can be further categorized into the following categories, namely:-

I. Singular-based in nature:

- a) Buddhist Temple / Vihara / Meditation Centre / Monastery
- b) Localized Buddhist organization /centre; and
- c) Local National organizations

II. Network-based in nature:

- a) Locally-based National Buddhist Organization / Council
- b) Locally-based National Buddhist Youth Organization
- c) Regional Centre; and
- d) International or Trans-national Buddhist Organization

I.a) **Buddhist Temples or Vihara**, for example:

- | Buddhist Maha Vihara (BMV) (Sri Lankan, Theravada) in Kuala Lumpur, both Sasana Abhiwurdhi Wardhana Society (SAWS) and Buddhist Missionary Society Malaysia (BMSM) are housed in BMV;
- | Kwan Inn Teng (Mahayana), Petaling Jaya, Selangor
- | BMSM Samadhi Vihara (Sri Lanka, Theravada) , Shah Alam, Selangor;
- | Wat Chetah Wan (Thai, Theravada), Petaling Jaya, Selangor
- | Wat Pin Bang Onn (Thai, Theravada) Penang
- | Dhammikarama Burmese Buddhist Temple (Myanmar, Theravada), Penang;

- I Dhamma Rakhita Buddhist Temple (Myanmar, Theravada), Shah Alam, Selangor;

Meditation Centre and Monastery – principally focus on meditation practices and training of monastics. Examples are:

- I Saranarakkha Buddhist Sanctuary (www.sasanarakkha.org) in Taiping;
- I Nandaka Vihara Meditation Society (www.nandaka.org);
- I Tusita Hermitage in Kuching (www.tusitainternational.net);
- I Dhammadvijaya Meditation Centre (facebook: dhammadvijaya meditation centre or www.bmsm.org.my) in Dengkil, Selangor.

These Buddhist temples / vihara / meditation centre / monastery, besides serving as places of worship, also play an important role in religious education and social welfare activities. For example, Buddhist Institute of Sunday Dhamma School (BISDS) in BMV. Opportunities for elementary, intermediate and advanced studies in Buddhism are also available at BMV, in collaboration with a university in Sri Lanka. BMV also offers Buddhism classes for adults. Unfortunately, the correspondence course in Buddhism , which began in 1964, has since been discontinued due to declining interest.

There is usually an Abbot or an Abbess or at least a resident monk or nun in these Temples/Viharas/Meditation Centres/Monasteries. There are monks and nuns living in these Temples/Viharas/Meditation Centres/Monasteries in Malaysia. They are often looked upon by the Buddhist communities/societies at large as religious leaders, teachers and counselors. They command great influence over the Buddhist communities and have played a crucial role in the development of the religion in Malaysia. Among the outstanding venerables are the late Venerable Dr K. Sri Dhammananda and the late Venerable Chuk Mor, who are well known for their written works and lectures and also as a distinguished calligrapher. The late Ven Kim Beng was renowned for his writings and lectures. The present outstanding monks are Ven Ji Chen (Meditation); Ven Datuk K. Sri Dhammaratana (Welfare in Community); Ven Mahinda Maha Thera (Metta); and Ven Shi Zhang Heng (nun) (Welfare in Dialysis Medication).

I.b).Local Buddhist Organizations –Buddhist Centres or Societies, for example:

- | Buddhist Gem Fellowship (Non-Sectarian, predominantly Theravada)
- | Subang Jaya Buddhist Association (Theravada)
- | Shah Alam Buddhist Society (Non-Sectarian, Predominantly Mahayana) and
- | Karma Kagyu Dharma Society (Vajrayana), Kuala Lumpur (1977)

14. To-date there are 18 FIZs in Malaysia two in Penang – Bayan Lepas (Phase I,II,III, IV) and Prai; five in Malacca – Peringgit I,II,III, Tanjung Kling and Batu Berendam; four in Selangor – Teluk Panglima Garang, Sungai Way, Hulu Klang, Pulau Indah; two in Perak – Kinta and Jelapang II; four in Johor – Pasir Gudang, Tanjung Pelepas I,II,III and one in Sarawak – Samar Jaya. See *The Development of Free Industrial Zone – The Malaysian Experience Prepared by : Yeow Teck Chai and Ooi Chooi Im* in 27 April 2009.
15. Pa-Auk Monastery Myanmar has a strategic alliance working in collaboration with a leading local Buddhist organization, the Buddhist Missionary Society Malaysia (BMSM), founded by the Late Ven Dr K Sri Dhammananda, whereby a senior meditation master from Pa-Auk is invited from Pa-Auk to reside at Dhammadvijaya Meditation Centre to conduct meditation since 2005.
16. YB Tan Sri Dato' Ong Ka Ting, a Buddhist, was the 7th President of Malaysian Chinese Association, from 2003-2008. He was appointed Malaysian Prime Minister's Special Envoy to China in 2011 till now. See details in https://en.wikipedia.org/wiki/Ong_Ka_Ting
17. YB Dato' Ir Ang Choo Hong, is the Advisor of Buddhist Missionary Society Malaysia since 2010 and its former 5th President (2001-2009). Currently, Dato' Ir Ang is the Chairman of YBBM and President of Buddhist Research Society of Malaysia.

KEUPAYAAN WHATSAPP DALAM MEMENUHI KEPERLUAN SOSIAL KOMUNITI KEJIRANAN DI TAMAN WARISAN BESTARI, DENGKIL, SELANGOR

Zarina Zakaria (UKM)

Abstrak

Kajian ini adalah mengena isu interaksi sosial melalui Whatsapp oleh komuniti kejiranan. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti corak penggunaan, aktiviti Whatsapp dan jenis keperluan sosial yang dapat dipenuhi oleh penduduk melalui Whatsapp. Kajian dijalankan di kawasan kejiranan di Taman Warisan Bestari, Dengkil, Selangor. Seramai 13 orang informan yang terdiri daripada ahli-ahli kumpulan Whatsapp Muslimah Wabest di Taman Warisan Bestari dipilih sebagai sampel kajian dengan menggunakan pendekatan persampelan bertujuan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah analisis dokumen, analisis kandungan Whatsapp, pemerhatian ikut serta dan temubual secara mendalam. Hasil kajian menunjukkan secara keseluruhannya, terdapat beberapa corak penggunaan Whatsapp dan aktiviti Whatsapp yang sering digunakan oleh ahli-ahli Muslimah Wabest. Corak penggunaan dan aktiviti Whatsapp ini adalah sebagai proses sosial dalam memenuhi keperluan sosial ahli-ahli. Keperluan sosial utama yang dikenalpasti adalah seperti keperluan membentuk hubungan sosial, keperluan untuk saling berkongsi maklumat, keperluan membantu untuk mempermudahkan urusan harian, dan keperluan untuk hiburan dan motivasi. Kajian ini dapat menyumbang kepada penambahan ilmu sosiologi khususnya berkenaan hubungan sosial dalam komuniti kejiranan, yang mana ilmu teknologi dan komunikasi diadaptasikan dalam hubungan sosial mereka sebagai usaha untuk saling memenuhi keperluan sosial. Kajian ini juga mungkin boleh dijadikan panduan kepada sektor kerajaan dan bukan kerajaan khususnya persatuan-persatuan penduduk perumahan seperti Rukun Tetangga dan Pertubuhan-Pertubuhan Persatuan Penduduk dalam menyokong pembangunan sosial kejiranan.

Kata kunci: interaksi sosial; Whatsapp; komuniti kejiranan; keperluan sosial.

Pengenalan

Manusia adalah makhluk sosial yang mempunyai naluri untuk hidup bersama. Mereka saling memerlukan antara satu sama lain. Sukar bagi manusia untuk hidup secara bersendirian. Mereka sentiasa hidup dalam kelompok. Sebagai ahli dalam kelompok, mereka berinteraksi dan tingkah laku mereka saling mempengaruhi. Sepertimana yang pernah dijelaskan oleh Aristotle dalam Aronson (1988);

“Man is by nature a social animal; an individual who is unsocial naturally and not accidentally is either beneath our notice or more than human. Society is something in nature that precedes the individual. Anyone who either cannot lead the common life or is so self-sufficient as not to need to, and therefore does not partake of society, is either a beast or a god”.

Oleh kerana sifat manusia itu saling memerlukan dan tidak mampu untuk hidup bersendirian, maka pelbagai cara dilakukan untuk melengkapkan hidup mereka. Proses sosial adalah bagaimana manusia menyesuaikan diri, membentuk hubungan dan mengembangkan hubungan yang terjalin. Proses sosial ini berlaku dengan adanya interaksi dan hubungan lebih daripada seorang. Maka dengan itu, interaksi sosial perlu wujud dalam pembentukan proses sosial ini. Interaksi dan hubungan itu seharusnya berlaku secara timbal balik. Dengan adanya interaksi timbal balik ini, hubungan dan tindakan seterusnya dapat dilakukan. Menurut Kendall (2014) interaksi sosial sangat penting kerana ia merupakan asas kepada semua hubungan dalam kelompok masyarakat.

Menurut Georg Simmel dalam Argyle (2009) interaksi yang berlaku, mempunyai pelbagai motif, matlamat dan keinginan. Interaksi juga berlaku bagi memenuhi sesuatu tujuan iaitu sama ada untuk mencari maklumat ataupun membina satu ikatan hubungan. Oleh kerana keupayaan manusia terhad, maka manusia memerlukan sokongan dan bantuan daripada orang lain. Selain itu, manusia juga memerlukan orang lain untuk berkongsi masalah serta mendapat sokongan dalam menyelesaikan tugasan sehari-hari. Menurut Georg Simmel dalam Kendall (2015) saiz sesuatu kumpulan manusia mempengaruhi interaksi sosial dan corak interaksi. Corak interaksi dalam kumpulan sosial berbeza mengikut saiz seperti interaksi antara dua orang ahli kumpulan iaitu dyad, antara tiga orang ahli iaitu triad. Seperti yang dijelaskan oleh Georg Simmel dalam Kendall (2015) interaksi sosial

menjurus kepada dua bentuk iaitu interaksi bersifat *cooperation* atau *conflict*. Interaksi bersifat *cooperation* juga dikenali sebagai interaksi asosiatif iaitu corak interaksi bersifat positif, yang dapat mewujudkan perhubungan yang mesra dan berkerjasama. Teori Asosiasi ini juga menerangkan bahawa interaksi sosial yang positif dapat mewujudkan ikatan hubungan sosial yang rapat dan saling bekerjasama dalam kelompok manusia. Manakala interaksi yang menjurus kepada konflik pula adalah interaksi bersifat negatif iaitu juga dikenali sebagai disosiatif. Interaksi seperti ini jika berlaku dalam kumpulan sosial lebih cenderung kepada situasi merenggangkan perhubungan manusia. Manusia yang hidup dalam kelompok masyarakat seharusnya dapat mewujudkan hubungan yang baik dengan menerapkan elemen positif dan interaksi yang wujud perlu bersifat asosiatif, seperti pendapat Wilson dan Kelling (1982), interaksi yang baik antara ahli komuniti amat penting untuk menghidupkan semangat kekitaan dalam kumpulan sosial.

Sejajar dengan peredaran zaman, interaksi sosial masa kini turut mengalami perubahan. Interaksi pada zaman moden kini, sememangnya berbeza dengan bentuk interaksi secara tradisi pada zaman dahulu. Jelas dilihat perbezaan berlaku dalam cara manusia berinteraksi dalam kelompok-kelompok sosial mereka misalnya antara remaja, antara pekerja dan majikan, antara pelajar, antara anak dan ibubapa, antara pemimpin dan rakyat, antara jiran tetangga dan sebagainya. Perubahan ini berlaku disebabkan beberapa faktor yang mempengaruhi perkembangan ini. Menurut Van Dijk (2006) perubahan cara manusia berinteraksi dipengaruhi oleh perubahan masa dan keperluan manusia. Faktor jarak yang jauh dan kesibukan sehari-hari menjadi alasan kepada manusia yang hidup dalam zaman moden sekarang untuk berhubungan dan berinteraksi. Walau bagaimanapun, keperluan untuk membentuk dan mengekalkan hubungan sosial antara manusia kekal tidak berubah, malah manusia berusaha untuk mencari alternatif baharu bagi mempermudahkan mereka berhubung. Menurut Wellman dan Haythornthwaite (2002), hubungan sosial dipermudahkan daripada konsep bersemuka, tempat ke tempat, kenalan dan hubungan person-centered. Pendapat ini juga selari dengan pandangan Siti Ezaleila Mustafa (2015) berlaku perubahan dalam interaksi antara manusia daripada komunikasi lisan, kemudian kepada tulisan, percetakan, telekomunikasi dan terkini sistem komunikasi interaktif dengan menggunakan teknologi komunikasi dan media sosial.

Kini interaksi sosial telah melangkah ke satu era baharu, iaitu interaksi di atas talian. Interaksi di atas talian ini juga dikenali sebagai media sosial. Media sosial merupakan pengantara untuk manusia berhubung dengan menggunakan peralatan teknologi komunikasi yang canggih. Menurut Van Dijk (2006) dengan kewujudan media sosial sebagai alat untuk manusia berhubung, komunikasi yang berlaku dilihat lebih interaktif. Interaktif yang dimaksudkan adalah manusia saling berinteraksi dan berhubung antara satu sama lain dan interaksi berlaku secara mutual. Manakala bagi Hampton (2009) dengan adanya interaksi secara atas talian, pelbagai maklumat dikongsi bersama melalui alat komunikasi seperti komputer dan telefon bimbit. Kesannya manusia bebas berinteraksi tanpa mengira waktu dan tempat serta komunikasi yang berlaku dalam bentuk komunikasi maya. Sepertimana yang dicadangkan oleh Bugeaud dan Soulier (2012) kewujudan teknologi baru ini membolehkan manusia meningkatkan kesungguhan dalam membina komunikasi yang berterusan. Interaksi secara moden ini dapat mengurangkan masalah manusia untuk berhubung dalam kesibukan zaman moden ini. Ianya juga berkesan untuk penambahbaikan kepada hubungan sosial yang dikatakan semakin merosot oleh kerana gaya kehidupan moden sekarang yang sentiasa sibuk dan kurang melibatkan diri dalam aktiviti sosial. Walau bagaimanapun interaksi secara tradisi iaitu secara bersemuka bukanlah tidak penting lagi kepada generasi moden sekarang, tetapi dengan adanya perkembangan teknologi komunikasi ini, manusia lebih berpeluang untuk meluangkan masa untuk bergaul dalam kelompok sosial mereka, seperti mana pendapat Wellman dan Haythornthwaite (2002), interaksi atas talian bukan penganti kepada interaksi secara bersemuka tetapi ia lebih kepada menyokong kepada interaksi yang sedia ada.

Perubahan kepada interaksi secara tradisi iaitu bersemuka kepada interaksi secara atas talian iaitu melalui media sosial ini berlaku kerana bagi memenuhi keperluan manusia sekarang yang bersifat moden iaitu masa adalah satu perkara yang penting dalam kehidupan seharian dankekangan masa menjadikan mereka kurang bergaul secara fizikal. Berdasarkan teori Mcdonaldization, George Ritzer (2013) melihat konsep makanan segera untuk memenuhi keperluan masyarakat moden. Ciri-ciri teori Mcdonaldization adalah kecekapan (*efficiency*), kebolehkiraan (*calculability*), boleh diramal (*predictability*), kawalan (*control*) dan keefisienan boleh menyebabkan ketidakefesienan (*irrationality of rationality*). Jika interaksi menggunakan media sosial ini dinilai melalui konsep Mcdonaldization, media sosial memang

diakui kecekapannya dalam menghubungkan ramai orang dalam satu masa. Kewujudan kumpulan-kumpulan dalam media sosial membolehkan pelbagai maklumat dapat dicapai oleh ramai orang dan penyampaiannya sangat pantas. Oleh kerana kekangan masa dan kesibukan sehari-hari, masyarakat moden kini lebih selesa memilih untuk berhubung melalui media sosial. Media sosial ini dilihat dapat memberi kemudahan kepada manusia. Keperluan untuk bertemu, bertanya khabar, memohon dan menyampaikan sesuatu maklumat dipermudahkan dengan penggunaan media sosial. Hubungan ini tidak terbatas oleh jarak dan masa, bila-bila dan dimana sahaja mereka boleh berinteraksi (Rogers 1986). Dengan berinteraksi cara moden ini juga, manusia berpeluang membina hubungan sosial dengan kumpulan-kumpulan sosial yang baharu dengan lebih cepat dan ramai berbanding interaksi secara tradisi.

Walau bagaimanapun, kecanggihan teknologi ini juga boleh mendatangkan ketidakcekapan seperti mana teori McDonaldization nyatakan iaitu, *irrationality of rationality*. Satu faktor ketidaksesuaian berinteraksi melalui media sosial ini ialah ianya memerlukan kemudahan internet. Jika tiada talian internet komunikasi tidak dapat diteruskan. Selain itu, ia juga memerlukan telefon atau peranti yang canggih yang dapat digunakan untuk mengaktifkan perisian-perisian berkaitan media sosial ini. Tidak dinafikan juga, penyebaran maklumat melalui media sosial tiada tapisan dan kesahihannya boleh diragui. Oleh kerana kebebasan berinteraksi dan kepantasan penyampaian maklumat, berkemungkinan maklumat yang belum sahih diterima dan disebarluaskan dengan meluas. Oleh yang demikian, penggunaan media sosial perlulah digunakan dengan penuh etika dan kelebihan media sosial ini tidak harus dicemari dengan interaksi negatif yang boleh mendorong kepada berlakunya konflik dalam kumpulan sosial.

Kajian ini mengkaji hubungan sosial sekelompok manusia yang hidup bersama dalam sebuah komuniti kejiran dan memilih media sosial sebagai perantara dalam interaksi sehari-hari mereka. Penggunaan media sosial dalam komuniti kejiran dilihat dapat membantu membina dan mengeratkan hubungan sosial antara mereka walaupun kehidupan sehari-hari yang sibuk menyukarkan mereka melakukan aktiviti sosial dan bergaul secara fizikal. Kesibukan dengan urusan sehari-hari dan faktor masa yang kurang untuk berinteraksi dengan jiran tetangga seharusnya tidak dijadikan penyebab untuk manusia tidak berhubung dengan jiran tetangga. Sehubungan dengan itu, perlunya interaksi sosial dalam membina hubungan sosial untuk

kehidupan yang lebih bermakna dengan mewujudkan suasana yang saling mempengaruhi antara satu sama lain. Oleh yang demikian, secara tidak langsung hubungan yang terjalin dapat mewujudkan kesejahteraan dan memudahkan urusan sehari-hari penduduk di dalam sebuah kawasan komuniti kejiranan. Kesejahteraan yang dimaksudkan tidak hanya dapat dilihat dalam individu dan keluarganya, tetapi juga dalam kelompok majoriti keseluruhan penduduk. Menurut Mann (1954) penduduk yang tinggal dalam satu kawasan atau taman perumahan tanpa berinteraksi antara satu dengan yang lain akan mewujudkan agregasi. Sepertimana pandangan Kendall (2014) agregasi bermaksud kelompok sosial yang hanya wujud secara fizikal sahaja tanpa adanya komunikasi antara mereka. Jika ini berlaku secara berterusan, maka hubungan kejiranan akan berasa janggal dan istilah semangat kejiranan tidak wujud dalam sebuah kawasan kejiranan. Maka, kajian ini mengkaji hubungan sosial dalam komuniti kejiranan yang telah terbentuk melalui media sosial dan apakah keperluan sosial yang dapat dipenuhi melalui interaksi sosial cara demikian.

Metodologi Kajian

Bagi mendapatkan data-data untuk menjawab persoalan kajian dan objektif kajian, beberapa aspek dan kaedah kajian yang diberi fokus ialah unit analisis, persampelan, jenis-jenis data, kaedah pengumpulan data, kaedah menganalisis data dan kaedah dokumentasi.

Unit Analisis

Unit analisis merupakan subjek yang dikaji sama ada individu, kumpulan dalam masyarakat, organisasi maupun artifak sosial. Unit analisis dalam kajian ini merupakan kumpulan dalam masyarakat iaitu komuniti kejiranan yang menggunakan dan menyertai kumpulan Whatsapp Muslimah Wabest yang diwujudkan oleh penduduk dalam Taman Warisan Bestari, Dengkil Selangor.

Persampelan

Menurut Blaikie (2000) dalam menentukan kaeda persampelan, perkara utama yang perlu difahami dengan h ialah populasi dan sampel. Menurut Othman Lebar (2014) selain sampel kajian, perkara penting perlu diambil kira ialah pemilihan latar kajian dan fenomena. Pemilihan latar, sampel kajian dan fenomena bergantung kepada persoalan serta fokus kajian. Oleh yang demikian, dengan

mengambilkira latar kajian, sampel kajian dan fenomena, pengkaji memilih penduduk Taman Warisan Bestari, Dengkil Selangor sebagai latar kajian dan kumpulan Whatsapp Muslimah Wabest sebagai sampel kajian.

Rasional latar ini lebih sesuai dikaji ialah kerana Taman Warisan Bestari merupakan satu perumahan yang baharu diduduki dan sangat aktif dalam penggunaan Whatsapp. Whatsapp dijadikan pilihan utama penduduk untuk menyampaikan maklumat dan sebagai medium interaksi dan membentuk hubungan kejiranan.

Kajian ini menggunakan pendekatan persampelan bertujuan. Kaedah persampelan bertujuan sesuai untuk kajian ini kerana ia memberi fokus kepada ahli kumpulan Whatsapp Muslimah Wabest yang aktif menggunakan aplikasi ini untuk berinteraksi sesama mereka. Pengkaji memilih pengguna yang aktif kerana mereka dapat membuktikan interaksi berlaku dan seterusnya dapat membantu dalam member jawapan kepada keupayaan Whatsapp dalam memenuhi i keperluua sosial kejiranan.

Kaedah Pengumpulan Data

Dalam kajian ini, kaedah pengumpulan data dijalankan secara triangulasi, iaitu melalui beberapa kaedah seperti pemerhatian ikut serta dan kaedah temubual mendalam. Kamarul Azmi Jasmi (2012) menjelaskan triangulasi data ialah kombinasi beragam sumber data, tenaga pengkaji, teori, dan teknik metodologi dalam suatu pengkajian atas gejala sosial. Dalam sesebuah kajian kualitatif, lagi banyak data ditriangulasikan maka lagi tinggi ketepatan fakta dan lagi kuat kesahannya. Justeru triangulasi data amat diberi perhatian dalam meningkatkan mutu data. Menurut Stake (2010) penggunaan pelbagai kaedah atau triangulasi teknik dalam penyelidikan dapat menentukan kesahan dan kebolehpercayaan serta dapat menemukan perbezaan dalam setiap teknik. Justeru itu, penggunaan kaedah triangulasi ini dapat perkukuhkan lagi kredibiliti hasil kajian berbanding hanya menggunakan satu kaedah sahaja. Ini diperakui oleh Wolcott (2009), menurut beliau kajian yang mengguna satu teknik tidak dapat memberi gambaran yang sepenuhnya berkaitan bidang yang dikaji. Oleh yang demikian, pengkaji menggunakan kaedah yang berbeza bagi mendapatkan hasil kajian yang berkualiti.

Kaedah Menganalisis Data

Kajian ini adalah menggunakan pendekatan kualitatif dengan gabungan deduktif dan induktif dalam strategi penyelidikan. Menurut Mok Soon Sang (2010) pendekatan kualitatif lebih berbentuk penyelidikan empirikal iaitu merujuk kepada suatu kajian yang memberi fokus atas pengertian makna serta fenomena yang berkaitan dengan situasi semula jadi. Strategi deduktif lebih bersifat rasional dan logik dengan menguji teori dan hipotesis yang berkaitan dengan kajian. Manakala, strategi induktif lebih mementingkan empiris dengan menghayati realiti sosial melalui deria manusia kemudian membina teori daripada data-data yang dikumpul.

Dalam peringkat awal kajian ini, pengkaji menggunakan strategi deduktif iaitu dengan membuat andaian dan berdasarkan ontologi Subtle Realism. Menurut Blaikie (2007), *subtle realism* ontologi adalah kepercayaan atau keyakinan terhadap adanya suatu realiti sosial luar. Manakala menurut Hammersley (2002), ontologi *subtle realism* sesuai digunakan dalam penyelidikan etnografi iaitu penyelidik melihat realiti wujud secara bebas daripada aktiviti-aktiviti ahli-ahli sains atau realiti dilihat sebagai hasil daripada interpretasi watak sosial. Dalam kajian ini, pengkaji melihat penduduk Taman Warisan Bestari berinteraksi sesama mereka dengan menggunakan Whatsapp dalam membentuk hubungan sosial mereka. Dan penggunaan Whatsapp sebagai alat untuk penduduk berinteraksi adalah merupakan inisiatif mereka dalam membina hubungan sosial dalam suasana kejiraninan yang moden dan sentiasa sibuk dengan urusan sehari-hari. Tingkahlaku ini berlaku secara bebas dan tidak terdapat campurtangan daripada pengkaji mahupun ahli-ahli sains bagi menguji kesahan kajian. Dalam kajian ini, pengkaji mendapati penduduk di Taman Warisan Bestari berusaha mewujudkan suasana kejiraninan sama seperti kejiraninan di kawasan kampung iaitu seperti mengenali jiran tetangga, bertegur sapa, bantu-membantu dan mengambil berat antara satu sama lain sama tetapi disesuaikan dengan keadaan komuniti kejiraninan moden sekarang.

Melalui strategi induktif, pengkaji telah menjalankan kerja lapangan untuk mendapatkan maklumat dan mengumpul data. Penyelidikan secara induktif memerlukan pengkaji menjalankan pemerhatian dan melihat dari perspektif sosiologi tentang penggunaan Whatsapp dalam kalangan penduduk Taman Warisan Bestari. Daripada pemerhatian dan temubual mendalam, data-data diperolehi terus daripada

informan-informan yang dipilih dalam kajian ini. Daripada data-data primer yang ditemui ini juga, pengkaji menganalisis dan mencari makna yang dibina oleh aktor sosial iaitu pengguna Whatsapp. Ia berfungsi untuk menjelaskan fakta dalam realiti sosial. Daripada datab data yang diperolehi, pengkaji mengkategorikan hasil kajian kepada beberapa tema-tema yang dapat menggambarkan hubungan sosial yang dibentuk melalui interaksi ahli kumpulan Whatsapp Muslimah Wabest yang menggunakan Whatsapp sebagai alat interaksi dalam kehidupan kejiranan mereka.

Permasalahan Kajian

Kajian ini mengkaji isu keupayaan media sosial membentuk hubungan sosial yang boleh memenuhi keperluan sosial komuniti kejiranan di Taman Warisan Bestari, Dengkil Selangor. Kehidupan moden sekarang yang dibebani oleh kekangan masa dan kesibukan sehari-hari, membatasi peluang untuk berinteraksi secara bersemuka dan membina hubungan sosial dalam komuniti kejiranan. Maka kewujudan teknologi komunikasi tanpa sempadan dikatakan boleh memberi peluang manusia untuk berhubung dan berinteraksi tanpa perlunya bersemuka secara fizikal. Beberapa kajian lepas mendapati media sosial dapat memberi sumbangan kepada pengguna seperti keperluan sokongan emosi, fizikal, keselamatan, motivasi dan penghargaan diri serta kepuasan memenuhi matlamat diri (Agritellis 2012; Evans 2013; Furendal dan Bjornskiold 2007; Hampton dan Wellman 2000; Masden et al. 2014; Mohamed Nazul Ismail 2014;

O'Hara et al. 2014; Siti Ezaleila Mustafa dan Azizah Hamzah 2010). Oleh yang demikian, kajian ini akan mengenalpasti keupayaan Whatsapp sebagai alat untuk berinteraksi dalam hubungan sosial komuniti kejiranan di Taman Warisan Bestari dan dapat memenuhi keperluan sosial mereka secara kolektif.

Objektif Kajian

Bagi mencapai matlamat tujuan kajian, beberapa objektif telah ditekankan iaitu:

- 1) Mengenalpasti corak penggunaan Whatsapp dalam kalangan anggota komuniti kejiranan di Taman Warisan Bestari.
- 2) Mengenalpasti aktiviti Whatsapp yang digunakan oleh anggota komuniti kejiranan di Taman Warisan Bestari.
- 3) Menjelaskan jenis-jenis keperluan sosial dapat dipenuhi oleh anggota komuniti melalui penggunaan Whatsapp.

Dapatan Kajian

Dapatan kajian ini menjawab objektif pertama dan kedua kajian iaitu mengenalpasti corak penggunaan Whatsapp dalam kalangan anggota komuniti kejiranan di Wabest dan mengenalpasti aktiviti Whatsapp yang digunakan.

Corak Penggunaan Dan Aktiviti Whatsapp Dalam Kalangan Anggota Komuniti Kejiranan Taman Warisan Bestari

Analisis corak penggunaan dan aktiviti Whatsapp dalam kalangan anggota komuniti kejiranan diperlukan bagi mengenalpasti wujudnya suasana saling berinteraksi dan hubungan antara satu sama lain serta dapat membuktikan keupayaan aplikasi dalam Whatsapp dalam memenuhi keperluan sosial mereka.

Bagi menjelaskan corak penggunaan Whatsapp dalam kalangan anggota komuniti kejiranan di Taman Warisan Bestari, pengkaji menganalisis hasil kajian berdasarkan beberapa corak interaksi sosial yang berlaku secara atas talian iaitu interaksi melalui Whatsapp dalam Muslimah Wabest. Terdapat beberapa corak penggunaan telah dikenalpasti oleh pengkaji iaitu saling mengenali antara satu dengan lain, saling memberi ucapan selamat, saling memberi sokongan dan motivasi, saling memberi bantuan, saling merancang aktiviti bersama, saling berkongsi maklumat dan saling mempromosi perkhidmatan dan jualan. Manakala untuk menjelaskan aktiviti Whatsapp ahlid ahli Muslimah Wabest pula, pengkaji mengenalpasti aktiviti-aktiviti Whatsapp yang sering kali dilakukan. Aktiviti yang dimaksudkan adalah cara atau kaedah apa yang ahli gunakan untuk menyampaikan mesej atau berinteraksi melalui Whatsapp. Antara aktiviti-aktiviti Whatsapp yang sering digunakan adalah seperti bersempang dengan menggunakan mesej bertulis, bersempang dengan menggunakan mesej berserta emotikon, bersempang serta berkongsi mesej bergambar, dan perkongsian lokasi.

Dalam analisis hasil kajian berkenaan corak penggunaan Whatsapp dalam kalangan ahli kumpulan Whatsapp Muslimah Wabest, pengkaji telah membahagikan corak-corak penggunaan kepada tujuh sub bahagian iaitu pertama saling mengenali antara satu dengan lain, kedua saling memberi ucapan selamat, ketiga saling memberi sokongan dan motivasi, keempat saling memberi bantuan, kelima saling merancang aktiviti bersama, keenam saling berkongsi maklumat dan ketujuh saling mempromosi perkhidmatan dan jualan.

Dalam sub-bahagian yang pertama iaitu saling mengenali antara satu dengan lain, pengkaji menerangkan bagaimana ahli-ahli kumpulan Whatsapp Muslimah Wabest memulakan perkenalan dengan ahliW ahli yang baharu dalam kumpulan mereka. Perkenalan ini adalah dengan cara bertulis dan disampaikan melalui mesej Whatsapp bukan perkenalan secara bersemuka. Dengan cara ini maklumat diri seperti nama, nombor rumah dan umur diberikan secara bertulis bagi memudahkan ahli-ahli lain mengenali mereka.

Sub-bahagian kedua menerangkan tentang cara ahli-ahli bersapa setiap hari dengan jiran tetangga iaitu dengan mengucapkan salam dan selamat pagi dalam Whatsapp kumpulan. Mereka juga mengambil kesempatan mengucapkan selamat hari lahir dan ulang tahun perkahwinan kepada ahli-ahli yang menyambutnya. Aktiviti ini menambahkan kemesraan dalam hubungan sosial mereka. Manakala sub-bahagian ketiga pula ahli-ahli saling memberikan sokongan dan motivasi di kala ada antara ahli-ahli yang memerlukan sokongan. Dengan kata-kata semangat secara bertulis melalui Whatsapp sekurang-kurangnya memberi dorongan kepada ahli dalam keadaan bersedih mahupun ucapan tahniah ketika ahli bergembira.

Sub-bahagian keempat adalah mengenai bantuan yang dihulurkan kepada jiran tetangga dan bantuan ini sama-sama dihulur oleh ahli-ahli Muslimah Wabest setelah mengetahui keperluan ahli dalam kumpulan Whatsapp. Kebiasaannya bantuan seperti menjaga keselamatan rumah ketika mereka pulang ke kampung atau ke luar daerah, sangat diperlukan dan mendapat perhatian dan bantuan semua ahli. Sub-bahagian kelima menerangkan tentang bagaimana ahli-ahli merancang pelbagai aktiviti secara bersama dan perbincangan ini berlaku dalam kumpulan Whatsapp Muslimah Wabest. Aktiviti seperti ini bukan sahaja dapat mengeratkan hubungan sosial mereka secara atas talian malahan juga merapatkan hubungan mereka hingga di luar talian secara fizikal.

Sub-bahagian keenam pula menjelaskan tentang perkongsian maklumat antara ahli-ahli dan keperluan ini menuju kepada keperluan majoriti ahli kmpulan Muslimah Wabest antaranya perkongsian maklumat aktiviti sosial, maklumat perkhidmatan dan maklumat keadaan kawasan perumahan. Dan sub-bahagian ketujuh adalah mengenai mempromosi perkhidmatan dan jualan dalam kalangan ahli-ahli Muslimah Wabest. Dapat dikatakan majoriti penduduk mempunyai perniagaan secara kecil-kecilan di rumah. Jualan dan perkhidmatan yang ditawarkan berbeza-beza antara ahli-ahlinya. Ini

dapat memberikan kemudahan kepada jiran tetangga untuk membeli keperluan mereka hanya dalam kawasan perumahan disamping dapat menjana pendapatan penduduk di Taman Warisan Bestari. Perenggan berikut adalah analisis corak penggunaan Whatsapp dalam kalangan komuniti kejiranan Wabest secara lebih terperinci dengan penjelasan berserta maklumat-maklumat yang diperolehi daripada perbincangan dalam kumpulan Muslimah Wabest.

Aktiviti Whatsapp Yang Digunakan Dalam Kalangan Anggota Komuniti Kejiranan Taman Warisan Bestari

Sepanjang tempoh pemerhatian, pengkaji meneliti bagaimana cara ahli-ahli menggunakan Whatsapp untuk menyampaikan mesej atau berinteraksi. Antara aktiviti-aktiviti Whatsapp yang sering digunakan adalah seperti bersembang dengan menggunakan mesej bertulis, bersembang dengan menggunakan mesej berserta emotikon, bersembang serta berkongsi mesej bergambar dan perkongsian lokasi. Dalam penelitian pengkaji juga, aktiviti-aktiviti Whatsapp ini diterima baik oleh semua ahli Muslimah Wabest. Oleh kerana interaksi melalui Whatsapp berlaku tanpa bersemuka secara fizikal, dengan adanya sokongan daripada aktiviti-aktiviti ini secara tidak langsung memudahkan ahli menyampaikan mesej kepada semua ahli dan mesej dapat diterima dan difahami. Contohnya perasaan sedih dan gembira yang ingin diluahkan disokong dengan mesej bertulis dan juga disokong dengan simbol-simbol emotikon seperti simbol emotikon senyum serta simbol bunga-bunga menerangkan rasa gembira: 😊🌹🌻🌺. Manakala simbol emotikon mulut cebir dan menitiskan air mata menerangkan rasa bimbang dan sedih: 😭 -

Keperluan Sosial Komuniti Kejiranan Taman Warisan Bestari Dipenuhi Melalui Penggunaan Whatsapp

Dapatkan kajian seterusnya iaitu menjawab objektif ketiga kajian ini ialah mengenai matlamat yang ingin dicapai oleh ahli-ahli Whatsapp Muslimah Wabest dalam hubungan sosial mereka. Kajian mendapati beberapa keperluan sosial telah dikenalpasti bagi memenuhi matlamat ini.

Keperluan-keperluan sosial ini telah dapat dipenuhi secara kolektif oleh komuniti kejiranan. Keperluan sosial pertama ialah keperluan dalam membentuk hubungan sosial dalam kalangan jiran tetangga di Taman Warisan Bestari. Dalam membentuk hubungan sosial, beberapa

keupayaan Whatsapp telah dikenalpasti iaitu dapat mengenali jiran tetangga, dapat mencari teman untuk berinteraksi, dapat membina hubungan sosial dalam tempoh yang cepat, dapat mengambil tahu keadaan jiran tetangga dan interaksi melalui Whatsapp sebagai proses sosialisasi. Keperluan sosial kedua adalah keperluan untuk mendapatkan maklumat. Dalam memenuhi keperluan untuk mendapatkan maklumat, pengkaji mendapat maklumat yang dikongsi adalah antara penduduk yang lebih berusia dengan yang muda, perkongsian maklumat untuk memastikan keselamatan bersama dan perkongsian maklumat aktiviti sosial yang dijalankan dalam Taman Warisan Bestari.

Keperluan sosial ketig adalah keperluan membantu untuk mempermudahkan a harian. Antara kemudahan yang dapat dipenuhi oleh penduduk ialah kemudahan berjual beli di rumah dan dapat menumpangkan anak ke sekolah sekiranya mereka tidak dapat menghantar dan mengambilnya sendiri. Keperluan sosial yang keempat adalah untuk hiburan dan motivasi. Hasil kajian mendapati Whatsapp digunakan untuk saling menghibur dan terhibur ketika berinteraksi dengan jiran tetangga dan dapat berkongsi keterkaitan emosi iaitu berkongsi emosi yang sama dengan jiran tetangga, tidak kira sama ada perasaan sedih mahupun perasaan gembira. Akhir sekali adalah keperluan sosial untuk mengukuhkan kebolehpercayaan dalam kalangan jiran tetangga. Keperluan ini amat penting kerana ahli-ahlinya mungkin tinggal dalam tempoh yang lama di kawasan perumaha ini dan hidup bersama-sama dengan jiran tetangga n mereka.

Kesimpulan

Kajian mendapati bahawa interaksi sosial melalui Whatsapp berupaya untuk memenuhi keperluan sosial komuniti kejiranan di Taman Warisan Bestari. Whatsapp merupakan medium untuk penduduk berinteraksi dan membina hubungan antara mereka. Melalui interaksi penduduk iaitu dengan melihat corak penggunaan Whatsapp dan disokong oleh aktiviti-aktiviti Whatsapp, keperluan sosial mereka dapat dipenuhi dengan mudah. Corak penggunaan seperti saling mengenal antara satu dengan lain, saling memberi ucapan selamat, saling memberi sokongan dan motivasi, saling memberi bantuan, saling merancang aktiviti bersama, saling berkongsi maklumat dan saling mempromosi perkhidmatan dan jualan menunjukkan berlakunya proses sosial dalam kalangan penduduk. Aktiviti-aktiviti Whatsapp juga membantu proses sosial yang

berlaku dalam Whatsapp dengan lebih sempurna. Melalui aktiviti-aktiviti Whatsapp ini, perbincangan dalam Whatsapp menjadi ‘hidup’ seolahW
olah ahli-ahli berinteraksi secara bersemuka. Antara aktiviti-aktiviti Whatsapp yang sering digunakan adalah seperti bersempang dengan menggunakan mesej bertulis, bersempang dengan menggunakan mesej berserta emotikon, bersempang serta berkongsi mesej bergambar, dan perkongsian lokasi. Mesej bertulis berserta emotikon paling menjadi pilihan dan disukai oleh semua ahli.

Kesimpulannya, keperluan sosial dalam komuniti kejiranan di Taman Warisan Bestari dapat dipenuhi melalui hubungan sosial dalam kumpulan Whatsapp. Keupayaannya dalam menghubungkan jiran tetangga dengan cepat berbanding dengan cara tradisi sememangnya tidak dapat disangkalkan. Malahan ia dapat membentuk satu budaya baharu dalam hubungan kejiranan pada zaman moden ini. Melalui kajian ini, pengkaji dapat menunjukkan bahawa Whatsapp benar-benar berupaya dalam memenuhi keperluan sosial komuniti kejiranan di Taman Warisan Bestari, Dengkil, Selangor. Hasil kajian secara keseluruhan, menunjukkan corak penggunaan dan aktiviti Whatsapp ini adalah sebagai proses sosial dalam hubungan sosial Muslimah Wabest, bagi memenuhi keperluan sosial ahli-ahli. Keperluan sosial utama yang dikenalpasti adalah seperti keperluan membentuk hubungan sosial, keperluan untuk saling berkongsi maklumat, keperluan membantu untuk mempermudahkan urusan harian, dan keperluan untuk hiburan dan motivasi. Keperluan sosial ini dipenuhi bukan sahaja untuk kepentingan individu tetapi untuk kepentingan bersama dalam komuniti kejiranan di Taman Warisan Bestari. Keperluan sosial dalam kajian ini adalah tentang matlamat yang ingin dicapai secara bersama oleh ahli-ahli dalam hubungan sosial mereka melalui Whatsapp.

Implikasi Dan Sumbangan Kajian

Secara umumnya, kajian ini berjaya mengemukakan sumbangan ulasan keperpusatkaan yang terkini berhubung interaksi sosial dalam kelompok kejiraninan moden pada masa kini iaitu dengan menggunakan teknologi komunikasi media sosial mengikut perspektif sosiologi. Hasil kajian juga dapat membantu memberi kefahaman tentang corak penggunaan dan aktiviti Whatsapp dalam kalangan pengguna Whatsapp khususnya kumpulan-kumpulan sosial Whatsapp terutamanya kumpulan Whatsapp dalam kejiraninan. Sungguhpun ^a kajian tidak dapat digeneralisasikan sebagai pernyataan umum, namun hasil tinjauan kajian berjaya memberikan pengetahuan baharu yang dikenalpasti secara kajian akademik dalam sudut pandang sosiologi.

Rujukan

Agritellis, I. K. 2012. *Social media as the cosmo-neighborhood.* Tesis sarjana, Jabatan Psikologi, Universiti Umea.

Arfi Suciani. 2012. Pemendekan kata dalam bahasa sms pada rubrik “halojogja” di harian Jogja. Tesis sarjana: Universiti Yogyakarta.

Argyle, M. 2009. *Social Interaction.* USA: Library of Congress Cataloging Publication. https://books.google.com.my/books?id=ObuqX_F9zc4C&printsec=frontcover#v=onepage&q&f=false [30 September 2015].

Akoumianakis, D. 2009. *Virtual Community Practices and Social Interactive Media: Technology Lifecycle and Workflow Analysis.* Library of Congress Cataloging-in-Publication Data: USA.

Annie Dayani Ahada & Syamimi Md Ariff Lim. 2014. Convenience or Nuisance? : The ‘WhatsApp’ Dilemma. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 155, 189 – 196.

Anniz Fazli Ibrahim Bajunid, Mohamed Yusoff Abbass, Abdul Hadi Nawawi. 2013.

Social cohesion of the Malaysian cul-de-sac neighborhoods: brief critical review 2 of concepts. Asian Journal of Environment Behaviour Studies. Vol. 4(11), 99-107.

Aronson, E. *The Social Animal.* 1988. Library of Congress Cataloging in Publication Data: USA

Bahagian Penyelidikan Bahasa Jabatan Bahasa DBP. 2008. Panduan Singkatan Khidmat Pesanan Ringkas (SMS) Bahasa Melayu. Kuala Lumpur: DBP.

Beise, C. Wynekoop, J. 2001. A hierarchy of needs for a virtual class. Florida Gulf Coast University.

BERNAMA. 2014. Guna media sosial untuk kebaikan dan perpaduan –Kurup. Berita Harian, 12 September.

Blaikie, N. 2007. *Approaches to Social Enquiry.* Ed.ke-2. UK: Polity Press.

Bolsinger, K. 2015. *Beginners guide to social media*. http://socialwebmedia.ca/wp-content/uploads/2015/03beginners_guide_to_social_media.pdf [1 Oktober 2015].

Boyd, D. M. & Ellison, N. B. 2007. *Social network sites: definition, history and scholarship*. *Journal of Computer Mediated Communication* 13 (1): 210-230.

Clark, A. 2007. *Understanding community: a review of networks, ties and contacts*. *Kertas kerja Real Life Method: Understanding Community*. Anjuran ESRC National Centre for Research Methods, Universiti Manchester & Leeds.

Che Su Mustaffa. 2014. *Media sosial dan ketahanan nasional*. Dlm. Abdul Rahman Abdul Aziz, Ahmad Zaharuddin Sami Ahmad Sabri & Muhammed Nor Azman Nordin (pnyt.). *Isu-isu Ketahanan Nasional Malaysia*, hlm. 37-57. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad.

Conradie, P., Neumann, S. & Breme, J. 2011. *Trust thy neighbour: exploring information sharing in anonymous urban settings to support trust generation*. Germany.

Dewan Bahasa dan Pustaka. Pusat Rujukan Persuratan Melayu. Laman Web Dewan Bahasa dan Pustaka. <http://prpm.dbp.gov.my/Default.aspx>. [2 Oktober 2015].

Earle, T. C. & Cvetkovich, G. T. 1995. *Social Trust: Toward a Cosmopolitan Society*. USA: Library of Congress. https://books.google.com.my/books?id=z1khILCNxiwC&pg=PA7&dq=SOCIAL+TRUST+&hl=en&sa=X&redir_esc=y#v=onepage&d. [17 Januari 2016].

Evans, K. 2013. *Re-thinking community in the digital age?*. Dlm. Johnson, K.O & Prior, N. (pnyt.). *Digital Sociology: Critical Perspectives*, hlm. 79-94. United Kingdom: Palgrave Macmillan.

Field, J. 2003. *Social Capital*. London: Routledge. [https://books.google.com.my/books?id=N0p9outHSV4C&pg=PA150&dq=Field,+J.\(2003\).+Social+Capital=onepage=false](https://books.google.com.my/books?id=N0p9outHSV4C&pg=PA150&dq=Field,+J.(2003).+Social+Capital=onepage=false). [17 Februari 2016].

Giddens, A. & Sutton, P. W. 2012. *Sociology*. Ed. Ke-7. https://books.google.com.my/books?id=pLSAay_xwjEC&printsec=frontcover&d

q=sociology+ 7th+edition+anthony+giddens+and+philip+w+sutton+2012&hl=en&sa=X&ved=0CBsQ6AEwAGoVChMI65a17_-hyAIVxI2OCh23XQi3#v=onepage &q&f=false [1 Oktober 2015].

Goble, F. G. 2004. The Third Force: The Psychology od Abraham Maslow. <https://books.google.com.my/books?id=IE9Uj40Wh3hcC&printsec=frontcover#v=onepage&q&f=false> [1 Oktober 2015].

Govier, T. 1997. Social Trust and Human Communities. London: McGill-Queen's Universuty Press. <https://books.google.com.my/books?id=qEg5LrI3EosC&dq=SOCIAL+TRUST&source=gbs> [17 Januari 2016].

Johnson, B. J. & Halegoua, G. R. 2015. Can social media save a neighbourhood organization? Planning, Practice &Research, Vol. 30, No. 3, 248–269, <http://dx.doi.org/10.1080/02697459.2015.1051319> [30 Ogos 2015].

Jusang Bolong. 2011. Minda Komuniti Maya. Bangi: UKM

O'Hara, K., Massimi, M., Harper, R., Rubens, S., & Morris, J. 2014. Everyday dwelling with WhatsApp. Proceeding of the 17th ACM conference on computer supported cooperative work & social computing. 1131-1143.

Siti Ezaleila Mustafa & Azizah Hamzah. 2010. Media sosial: tinjauan terhadap laman jaringan sosial dalam talian tempatan. Jurnal Pengajian Media Malaysia. Jil.15 (2): 71-85.

Siti Ezaleila Mustafa. 2013. Media sosial di Malaysia dan Indonesia: penggunaannya sebagai alat komunikasi, kolaborasi dan jaringan digital. Jurnal Pengajian Media Malaysia. Jil.12 (2): 37-52.

Siti Ezaleila Mustafa. 2015. Media Jaringan Sosial: Penggunaan dan Pengaruhnya. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Van Dijk, J. 2006. The Network Society: Social Aspects of New Media. Ed.ke-2. London: Sage. http://www.forschungsnetzwerk.at/downloadpub/The_Network_Society-Jan_van_Dijk.pdf [1 Oktober 2015].

Wellman, B. & Haythornthwaite, C. 2002. The Internet in Everyday Life. London: Blackwell.

<http://sociology.sunimc.net/htmledit/uploadfile/system/20100826/20100826173750446.pdf> [22 September 2015].

ISSN 1985-7053



9 771985 705006